



# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

## **KANDUNGANNYA**

### **PENGUMUMAN TUAN YANG DIPERTUA:**

- Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 7675]
- Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 7676]
- Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara—Perletakan Jawatan Pengerusi [Ruangan 7678]
- Cuti Y.B. Dato Lee San Choon—Kebenaran [Ruangan 7678]

### **JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** [Ruangan 7679]

### **MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:**

FELDA Selancar IV—Eksplotasi Pekerja [Ruangan 7740]

### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT** [Ruangan 7743]

### **USUL:**

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara—Lantikan Pengerusi/Naib Pengerusi  
[Ruangan 7745]

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Paten [Ruangan 7766]

**KANDUNGANNYA—(samb.)**

**UCAPAN PENANGGUHAN:**

**Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang, 1983—Pembatalan  
[Ruangan 7808]**

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,  
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M.  
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam  
Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M.,  
S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO  
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S.,  
P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN  
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH  
BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'  
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,  
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH,  
D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M.,  
J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,  
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.,  
P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK  
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,  
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD,  
P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Timbalan Yang Dipertua, DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos,  
TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan  
Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan  
Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI,  
A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN  
JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan  
Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH  
SAN (Petaling).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K.  
(Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P.  
(Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A.,  
S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS  
(Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P.  
(Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).

- Yang Berhormat DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO' JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Seremban).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).

Yang Berhormat TUAN LING SIE MING (Sibu).

- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K.  
(Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,  
P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T.  
(Matang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,  
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J.,  
P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P.  
(Pengkalan Chepa).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K.,  
A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,  
P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.  
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik  
Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,  
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).



Yang Berhormat TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).

- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

**Isnin, 25hb Julai, 1983**

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang Dipertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

**PENGUMUMAN TUAN  
YANG DIPERTUA**

**MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujui Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat yang lalu seperti berikut:

1. Akta Audit (Pindaan) 1983;
2. Akta Kerajaan Tempatan (Pindaan) 1983;
3. Akta Bahasa Kebangsaan (Pindaan dan Perluasan) 1983;
4. Akta Perbekalan Tambahan (1982) 1983;
5. Akta Lembaga Pelabuhan (Pindaan) 1983;
6. Akta Pertubuhan (Pindaan) 1983;
7. Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1983;
8. Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983;
9. Akta Racun (Pindaan) 1983;
10. Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka 1983;

11. Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1983;
12. Akta Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja dan Yang Dipertua-Yang Dipertua Negeri 1983;
13. Akta Perempuan Bersuami (Pindaan) 1983;
14. Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan) 1983;
15. Akta Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Pindaan) 1983 dan
16. Akta Lalulintas Jalan (Pindaan) 1983.

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN  
NEGARA**

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang Dipertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen yang lalu.

Saya jemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

*(Setiausaha membacakan Perutusan).*

"28hb Mac, 1983.

Tuan Yang Dipertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah mempersetujui Rang Undang-undang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Audit (Pindaan);

2. Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan (Pindaan dan Perluasan);
4. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1982);
5. Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan);
9. Rang Undang-undang Racun (Pindaan);
10. Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka;
11. Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan);
12. Rang Undang-undang Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja dan Yang Dipertua-Yang Dipertua Negeri;
13. Rang Undang-undang Perempuan Bersuami (Pindaan);
14. Rang Undang-undang Perkapalan Saudagai (Pindaan);
15. Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Pindaan); dan
16. Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan).

*Tandatangan*

TUAN YANG DIPERTUA  
DEWAN NEGARA.”.

**JAWATANKUASA KIRA-KIRA  
WANG NEGARA—PERLETAKAN  
JAWATAN Pengerusi**

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Tuan Oo Gin Sun telah meletakkan jawatannya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara mulai dari 2-6-83. Surat perletakan jawatannya itu ialah seperti berikut:

“Dato’

Dengan hormat dan takzimnya saya maklumkan iaitu saya berhajat hendak meletakkan jawatan saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Parlimen Keenam mulai 2hb Jun, 1983.

2. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Dato’ atas segala nasihat dan bantuan yang telah diberi sepanjang tempoh saya berkhidmat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dan menerusi Dato’ saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dewan yang telah melantik saya ke jawatan yang tersebut pada 12hb Oktober, 1982. Sekian dimaklumkan.

(Oo Gin Sun)

Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara.”.

**CUTI Y.B. DATO’ LEE SAN  
CHOON—KEBENARAN**

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu kepada Dewan ini bahawa pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Dato’ Lee San Choon, Ahli Dewan Rakyat, bagi

Kawasan Seremban bagi tempoh daripada 25hb Julai hingga 5hb Ogos, 1983.

## JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

### PETRONAS—PROJEK PENGUNAAN GAS

**1. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pakar-pakar perunding telah ditugaskan untuk menjalankan kajian kemungkinan bagi peringkat kedua projek penggunaan gas di Semenanjung Malaysia yang akhirnya akan disambung ke Singapura yang menaruh minat untuk membeli gas kita bagi kegunaan stesyen-stesyen janaelektriknya dan berapakah jumlah gas akan disalur ke Singapura.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James Peter Ongkili):** Tuan Yang Dipertua, kajian kemungkinan bagi keseluruhan projek penggunaan gas di Semenanjung telah selesai dalam tahun 1982 di bawah kajian pelan induk penggunaan gas. PETRONAS sedang melaksanakan projek di peringkat pertama di Terengganu yang melibatkan pembinaan loji pemerosesan gas dan pemasangan saluran-saluran paip ke kawasan perindustrian Teluk Kalong dan Janakuasa Elektrik di Paka. Pada masa sekarang PETRONAS sedang menjalankan urusan pemilihan pakar-pakar perunding yang menentukan laluan yang sesuai dan optimum atau economic bagi saluran-saluran paip untuk peringkat kedua itu, penyaluran gas ke pantai barat Semenanjung Malaysia dan mungkin ke Singapura. Syarat-syarat bagi penjualan gas ke Singapura, termasuk jumlah gas, sedang dirundingkan di antara

PETRONAS dan Singapore National Oil Company.

### BANK NEGARA—FOREIGN RESERVES

**2. Dr George Chan Hong Nam** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah cadangan antarabangsa atau "international reserves" bagi negara kita yang terdiri dari emas dan cadangan luar negeri atau "foreign reserves" yang dimiliki oleh Bank Negara dari tahun 1978 hingga sekarang dan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk memperkukuhkan ekonomi negara kita supaya tidak akan berlaku turun nilai matawang.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Ling Liong Sik):** Tuan Yang Dipertua, cadangan antarabangsa Malaysia ialah \$7,403.9 juta pada akhir tahun 1978 dan \$10,109 juta pada akhir bulan Jun 1983. Ini ialah tambahan sebanyak \$2,705.1 juta. Kerajaan akan terus mengekalkan cadangan antarabangsa Malaysia pada tahap yang sesuai supaya keyakinan terhadap penggunaan ekonomi kita akan terus dapat ditingkatkan.

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk memperkuat lagi ekonomi kita supaya nilai ringgit terus kukuh. Dalam Belanjawan yang baru lalu misalnya, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk memperkukuhkan lagi kedudukan ekonomi dan imbalan pembayaran negara kita.

Langkah-langkah ini termasuklah:

- (i) memperluaskan insentif eksport;
- (ii) melonggarkan pelesenan eksport dan menghapuskan duti eksport ke atas barang-barang terpilih;
- (iii) melonggarkan import beberapa bahan mentah

- untuk menggalakkan pengeluaran tempatan;
- (iv) meninggikan duti import ke atas barang-barang tertentu untuk mengurangkan import; dan
- (v) mengurangkan perbelanjaan Kerajaan memandangkan hasil yang kian meleset.

Dengan adanya tindakan yang diambil oleh Kerajaan dan juga pemulihan ekonomi negara-negara maju yang sedang berlaku sekarang, prestasi ekonomi Malaysia dijangka akan bertambah baik. Perangkaan awal untuk lima bulan pertama 1983 menunjukkan Malaysia memperoleh lebih dagangan sebanyak \$64.1 juta berbanding dengan kurangan sebanyak \$359.7 juta bagi tempoh yang sama tahun 1982. Eksport bagi lima bulan pertama 1983 meningkat kepada \$12,306.4 juta, iaitu dengan kadar tahunan sebanyak 10.2%, manakala import bertambah hanya sebanyak 6.2% bernilai \$12,242.3 juta. Sekiranya arah aliran ini berterusan, Malaysia akan memperoleh lebih dagangan bagi tahun ini dan seterusnya imbangan pembayaran Malaysia akan bertambah baik. Jika ini berlaku, nilai ringgit akan menjadi lebih kukuh. Kerajaan akan terus mengawasi dengan teliti kedudukan ekonomi Malaysia dan, jika perlu akan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk memperkukuhkan lagi kedudukan ekonomi negara yang mana akan menjamin juga kekuatan dan ketahanan wang ringgit negara kita.

## SEWA RUMAH PANGSA KOS RENDAH

**3. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan di atas asas apakah Kabinet meluluskan kenaikan kadar sewa rumah pangsa kos rendah dalam Wilayah Persekutuan dan sama ada beliau

sedar bahawa kenaikan yang berjumlah antara 100 ke 150 peratus akan mengakibatkan kesusahan yang serius kepada penyewa-penyewa berpendapatan rendah; jika sedar, sama ada Kerajaan akan menimbang semula kadar baru itu sebelum ianya dilaksanakan dan menurunkan ke paras yang lebih berpatutan.

## Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Shahrir bin Abdul Samad):

Tuan Speaker, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah memaklumkan bahawa kadar sewa rumah pangsa Dewan Bandaraya akan dinaikkan bermula daripada bulan Ogos 1983. Kenaikan kadar sewa adalah kerana memandangkan bertambahnya perbelanjaan mengurus dan juga lain-lain perbelanjaan yang berkaitan dengannya. Kadar yang telah dikenakan oleh Kerajaan ialah hanya ke tahap pulang modal (break-even) iaitu di mana hasil dari kutipan sewa rumah pangsa adalah sama jumlahnya dengan perbelanjaan mengurus. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak tahun 1978 Dewan Bandaraya telah mengalami kekurangan sebanyak lebih kurang \$21 juta hingga bulan Disember 1982. Kekurangan ini adalah disebabkan oleh kadar sewaan semasa yang tidak pernah dikaji semenjak 1hb Julai, 1971.

Saya memang sedar kenaikan sewa yang telah dikenakan adalah di antara 67% hingga 150%. Kementerian saya telah pun menerima berbagai Memorandum dan aduan-aduan daripada Jawatankuasa-jawatankuasa dan Wakil-wakil Barisan Nasional, parti-parti politik, penghuni-penghuni rumah pangsa dan lain-lain Badan tertentu tentang kenaikan sewa rumah pangsa itu. Pada 18hb Julai, 1983, saya telah mengumumkan bahawa kadar sewa baru rumah pangsa yang sepatutnya dilaksanakan pada 1hb Ogos, 1983 itu akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang akan

ditentukan kelak. Saya akan mengemukakan soal kadar sewa ini balik kepada Kerajaan untuk mendapatkan keputusan yang akan mengambil kira kesemua aspek rayuan yang telah diterima oleh Kementerian saya semenjak kenaikannya diumumkan pada 30hb Mac, 1983.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Sungguhpun saya berasa sukacita bahawa Yang Berhormat Menteri telah mengumumkan bahawa tarikh untuk menaikkan kadar sewa mulai dari 1hb Ogos, 1983 telah ditangguhkan. Tetapi saya suka bertanya Yang Berhormat yang berkenaan sama ada beliau sedar bahawa ramai penghuni-penghuni rumah pangsa masih berasa bimbang tentang kadar baru yang akan diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri kelak. Sekiranya Yang Berhormat Menteri ada sedar tentang hal ini, saya ingin tahu sama ada pihak Kementerian ataupun pihak Dewan Bandaraya bercadang untuk mengadakan satu kajian bagi tujuan untuk menentukan kemampuan para penghuni rumah pangsa Dewan Bandaraya untuk membayar apa juga kenaikan sewa sebelum pihak Kementerian ataupun pihak Kabinet menetapkan satu kadar sewa baru untuk rumah-rumah pangsa.

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang Dipertua, sepertimana yang saya telah jawab tadi saya telah menerima berbagai-bagai memorandum serta aduan dan rayuan daripada berbagai pihak dan kesemua kebimbangan yang disebut oleh Ahli yang Berhormat itu terkandung di dalam memorandum dan aduan tersebut.

#### **PERJUDIAN—MENGHARAMKAN KEGIATAN**

**4. Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Kewangan menyatakan hasil tahunan yang dipungut oleh Kerajaan

Persekutuan dari Kegiatan-kegiatan perjudian yang dibenarkan oleh Kerajaan seperti kasino, lumba kuda, tiket loteri, empat nombor ekor dan toto dan sama ada Kerajaan bercadang hendak mengharamkan kegiatan-kegiatan perjudian ini, jika ya, mengapa.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pungutan hasil tahunan dari aktiviti-aktiviti perjudian bagi tahun 1982 ialah lebih kurang \$318 juta berbanding dengan \$290 juta bagi tahun 1981. Pungutan-pungutan bagi tahun 1980 ialah \$248 juta dan bagi tahun 1979 ialah \$193 juta.

Berkaitan dengan pengharaman kegiatan-kegiatan perjudian, setakat ini Kerajaan belum lagi bercadang untuk mengharamkan kegiatan-kegiatan tersebut tetapi kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah semoga kegiatan-kegiatan penjudi di negara ini tidak menjejaskan pembangunan rohaniah seimbang dengan perkembangan nilai-nilai Islam.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamad:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan, apakah dengan merupakan dasar Kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam pemerintahan negara termasuk bidang untuk mengharamkan semua jenis perjudian.

**Tuan Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang Dipertua, saya hanya memberi jawapan berkaitan dengan perjudian. Soalan yang dikemukakan itu, saya rasa berbeza sedikit daripada soalan asal.

## PENYAKIT GATAL DI SEKOLAH MENENGAH TEMBAKANG

**5. Tuan Richard Damping anak Laki** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar akan kejadian pada 13hb Mei, 1983 dalam mana 200 murid dari Sekolah Menengah Tembakang telah memakan makanan beracun dan jika ya, sama ada suatu siasatan telah dijalankan mengenai perkara ini dan tindakan yang sewajarnya diambil terhadap mereka yang bertanggungjawab.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dr Tan Tiong Hong):** Tuan Yang Dipertua, saya mengetahui tentang kejadian di Sekolah Menengah Tembakang pada tarikh yang berkenaan.

Dari 805 orang murid di sekolah tersebut seramai 269 orang telah didapati mempunyai tanda-tanda penyakit gatal-gatal (rashes) pada tubuh mereka setelah memakan sejenis ikan yang dikenal sebagai ikan tongkol. Murid-murid ini telah dibawa ke Pusat Kesihatan untuk rawatan sebagai pesakit luar. Dari jumlah tersebut pula seramai 24 orang ditahan di hospital selama antara satu hari dan dua hari untuk pemeriksaan lanjut.

Tuan Yang Dipertua, mengikut Jabatan Kesihatan, ikan inilah yang menyebabkan penyakit gatal-gatal tersebut. Dari maklumat tersebut, Jabatan Pelajaran Sarawak telah membincangkan perkara ini dengan Ahli-ahli Jawatankuasa Makanan Sekolah itu dan kemudiannya membuat satu surat pekeliling kepada semua sekolah-sekolah di negeri Sarawak supaya tidak menerima ikan tongkol sebagai satu daripada bahan makanan di asrama atau kantin sekolah-sekolah.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Pelajaran berpendapat bahawa tenaga kerja yang ada di sekolah tersebut dan juga

tenaga kerja khususnya guru-guru yang ada di tiap-tiap buah sekolah di dalam negara ini cukup untuk mengawasi bahawa makanan yang dijual di kantin-kantin sekolah itu terjamin kebersihannya dan jika sekiranya tidak, adakah Kementerian Pelajaran bercadang untuk meminta kerjasama daripada Kementerian Kesihatan untuk mengawasi tentang kebersihan makanan tersebut?

**Tuan Yang Dipertua:** Saya ingat soalan itu luas sangat, terkeluar daripada apa yang ditanyakan daripada soalan asal. Saya tidak benarkan.

## TIMBALAN PERDANA MENTERI KE BANGSA-BANGSA BERSATU

**6. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada benar Timbalan Perdana Menteri akan mengetuai rombongan Malaysia ke Bangsa-bangsa Bersatu tidak lama lagi. Memandangkan apa yang telah dinyatakan oleh Timbalan Menteri Luar Soviet Union Mikail Kapitsa, adakah beliau bercadang hendak membangkitkan perkara campur tangan Soviet Union di dalam hal ehwal ASEAN termasuk Malaysia di pertubuhan dunia tersebut.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** Tuan Yang Dipertua, buat masa ini keputusan telah dibuat supaya rombongan Malaysia ke Perhimpunan Agong Bangsa-bangsa Bersatu yang ke 38 yang akan bermula di New York pada bulan September ini diketuai oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Musa Hitam. Dalam ucapan beliau di badan dunia itu, beliau akan menekankan di antara lain, perlunya bagi kuasa-kuasa besar termasuk Soviet Union menerima dan menghormati prinsip-prinsip ZOPFAN yang bertujuan menjadikan



rantau Tenggara Asia suatu kawasan yang aman, bebas dan berkecuali. Beliau juga akan menekankan bahawa negara-negara anggota ASEAN benar-benar berhasrat untuk mengelakkan rantau mereka ini dari dijadikan kancah persaingan politik kuasa-kuasa besar dan dalam hubungan ini beliau juga akan cuba menyakinkan kuasa-kuasa besar tersebut termasuk Soviet Union bahawa dari segi jangka pendek serta jangka panjang adalah bagi faedah seluruh dunia termasuk kuasa-kuasa besar tersebut juga jika ZOPFAN untuk Tenggara Asia benar-benar menjadi suatu reality.

Mengenai kenyataan Mikail Kapitsa, Timbalan Menteri Luar Soviet Union itu, rakyat Malaysia khususnya kaum belianya telah pun menyatakan perasaan negara pada keseluruhannya dengan begitu tegas sekali. Adalah dirasakan pihak Soviet Union harus mengambil kira perasaan ini jika ia benar-benar mahu menjalinkan hubungan baik di antara negara kita. Oleh itu tidak perlu bagi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri membangkitkan perkara ini secara specific dalam ucapan beliau di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang berkaitan.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri mengenai bantahan yang begitu meluap-luap sekali daripada golongan belia tetapi apakah pihak Kerajaan kita juga memberi sokongan terhadap tindakan belia ini dan apakah Kerajaan sendiri akan mengambil daya usaha yang lebih dalam memberi bantahan yang sepatutnya terhadap kenyataan yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri Luar Russia itu?

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang Dipertua, tujuan Kerajaan bukanlah untuk menghukum

pihak Soviet Union, itu kita tidak mampu dan juga dari segi kepentingan nasional ianya tidak perlu. Tujuan kita adalah semata-mata untuk meyakinkan pihak Soviet Union bahawa adalah bagi faedah dirinya sendiri untuk berbaik-baik dengan kita dan untuk menerima persahabatan kita. Tunjuk perasaan besar-besaran oleh pihak beliau kita jelas membuktikan dan saya rasa Soviet Union juga harus mengambil kira perasaan ini dalam menentukan kaedah hubungan di antara kedua buah negara kita.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Selain daripada membuat ucapannya, adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sanggup mengemukakan soalan ini sebagai resolusi ataupun usul di Bangsa-bangsa Bersatu?

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang telah saya nyatakan dalam jawapan saya tadi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak akan membangkitkan perkara ini secara specific sungguhpun akan membangkitkan perkara ini secara umum dalam konteks yang lain.

**Tuan Ismail bin Said:** Tuan Yang Dipertua, dalam jawapannya tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa kenyataan yang dibuat oleh Mikail Kapitsa ini telah pun dapat bantahan-bantahan daripada kaum-kaum beliau di negara Malaysia tetapi, kenyataan yang dibuat oleh Mikail Kapitsa ini ialah di Singapura. Jadi, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat mengetahui tentang reaksi kaum-kaum belia di negara-negara ASEAN yang lain?

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang Dipertua, kenyataan yang dibuat oleh Timbalan Menteri Luar Negeri Soviet Union itu

berkait juga dengan kepentingan negara kita. Apa yang kita mengetahui adalah menunjukkan perasaan kita. Soal negara-negara lain, itu bukanlah hak kita untuk campur tangan.

### USAHASAMA SYARIKAT BUMIPUTERA—KONTRAKTOR ANTARABANGSA

**7. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada Kementerian berkenaan bercadang untuk memberi peluang kepada Syarikat-syarikat Swasta Bumiputera yang menjalankan perniagaan secara usahasama dengan kontraktor antarabangsa mengambil alih kerja-kerja pembinaan bagi projek-projek UDA yang tidak dapat dilaksanakan disebabkan keadaan ekonomi negara yang meleset ketika ini supaya tidak terjejas pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru.

**Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Tuan Speaker, sukacita saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pihak Kementerian dan UDA pada masa ini sedang mengkaji berbagai-bagai cara baharu untuk melaksanakan beberapa projek-projek pembangunan UDA yang ada dalam rancangannya. Sememangnya menjadi hasrat Kementerian saya untuk melibatkan pihak swasta terutama sekali syarikat-syarikat bumiputera termasuk juga mereka yang menjalankan perniagaan secara usahasama dengan kontraktor antarabangsa untuk bekerjasama dengan UDA. Kajian yang sedang dijalankan sekarang ini adalah meliputi skop dalam bidang kerjasama serta cara-cara perlaksanaan projek-projek untuk membolehkan pihak swasta mengambil alih sebahagian daripada projek-projek UDA. Ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan untuk menswastakan beberapa aktiviti yang kini sedang dilaksanakan oleh agensi-agensi Kerajaan. Cadangan

Ahli Yang Berhormat supaya syarikat-syarikat bumiputera yang sedang menjalankan perniagaan usahasama dengan kontraktor antarabangsa diberi peluang, adalah satu daripada perkara yang diambil kira dalam kajian ini.

### LEMBAGA URUSAN DAN TABUNG HAJI—WANG PELABURAN

**8. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan projek-projek pelaburan dan jumlah wang yang dilaburkan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji setakat ini. Sila butirkan bidang-bidang berkenaan. Dan nyatakan sama ada wujudnya perseimbangan keadaan pelaburan yang baik itu dengan kebajikan dan kemudahan yang diperolehi oleh ahli-ahli jumaah haji.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Tuan Yang Dipertua, Lembaga Urusan dan Tabung Haji ada membuat pelaburan dalam bidang-bidang berikut:

1. membeli saham dalam syarikat-syarikat perusahaan-perusahaan dan perdagangan dalam negeri yang halal di sisi Islam;
2. mendapatkan tanah di kawasan-kawasan yang dianggap ekonomik dari segi pelaburan di seluruh negara dan membina bangunan-bangunan untuk pejabat dan perniagaan;
3. mendapatkan tanah di seluruh negara untuk tanaman kelapa sawit, getah dan koko.

Shingga hari ini Lembaga telah mengeluarkan wang sejumlah \$336,640,000 mengenai pelaburan tersebut. Hasil daripada pelaburan yang dibuat oleh Lembaga maka penyimpan-penyimpan wang dalam

Tabung Haji yang juga menjadi bakal-bakal haji diberi keuntungan daripadanya. Sebagai contoh, dalam tahun 1981 keuntungan menurut kadar 9% jumlah simpanan telah dibayar kepada mereka, sementara dalam tahun 1981 pula keuntungan menurut kadar 8% telah dibayar. Zakat perniagaan bagi pihak penyimpan-penyimpan tersebut juga dibayar oleh Lembaga dan kadar keuntungan ini dibayar setelah zakat dijelaskan. Dengan adanya bayaran keuntungan seperti itu maka Lembaga telah dapat membantu perbelanjaan penyimpan-penyimpan untuk menunaikan fardhu haji dan juga untuk lain-lain tujuan.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Menteri dapat menjelaskan apakah juga dalam bidang dan usaha pihak Tabung Haji untuk melaburkan wang pelaburannya ke dalam Bank Islam yang ada sekarang?

**Tuan Yang Dipertua:** Adakah cadangan hendak melaburkan wang Tabung Haji ini ke dalam Bank Islam?

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang Dipertua, ada cadangan tetapi jumlahnya saya tidak ada maklumat.

**Tuan Yang Dipertua:** Ada cadangan jawabnya.

#### **KELAS BAHASA IBUNDA— PERUNTUKAN KEWANGAN**

**9. Tuan Ng Cheng Kuai** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) peruntukan Kewangan untuk Kelas Bahasa Ibunda bagi Bahasa Cina dan Tamil bagi tahun 1980, 1981, 1982 dan 1983;
- (b) bilangan guru-guru Kelas Bahasa Ibunda yang telah

meletakkan jawatan akibat penurunan peruntukan itu pada awal tahun ini;

- (c) kenapa peruntukan bagi 1983 dikurangkan, sedangkan peruntukan 1982 adalah tidak mencukupi;
- (d) sama ada beliau sedar pihak ibu bapa dan parti-parti politik telah menyuarakan perasaan tidak puas hati dengan perubahan dasar itu; dan
- (e) apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memulihkan kelas-kelas yang tergendala.

**19. Dr Koh Tsu Koon** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan dan nisbah guru-guru yang mengajar kelas-kelas P.O.L. (Bahasa Cina dan Tamil) secara sambilan yang telah berhenti kerja pada atau sebelum 1hb Jun, 1983 akibat dari pengurangan kadar elaun yang begitu drastik. Adakah beliau sedar bahawa pengurangan kadar elaun sebanyak 75% ke \$5 sejam adalah kurang adil, terutamanya kepada guru-guru yang harus membuat perjalanan yang jauh hanya untuk mengajar kelas-kelas P.O.L.; apakah kesan-kesan kurang baik yang telah berlaku ke atas kelas-kelas P.O.L. dan apakah langkah-langkah konkrit yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini.

**29. (26-7-83) Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar akan masalah-masalah yang dihadapi oleh kelas-kelas bahasa ibunda dan sama ada Kementerian akan:

- (a) merancang satu rancangan untuk melatih lebih ramai lagi guru-guru bahasa ibunda; dan
- (b) menyatukan dan menyerapkan kelas-kelas bahasa ibunda ke dalam jadual waktu harian sekolah dan menjadikan bahasa ibunda sebagai satu mata

pelajaran yang diwajibkan; jika ya, bila akan rancangan ini dilaksanakan; jika tidak, apakah sebab-sebabnya.

**40. (27-7-83) Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar peruntukan untuk kelas bahasa ibunda (P.O.L.) telah dikurangkan dari \$18 juta kepada \$5 juta kerana sebahagian peruntukan untuk bayaran elaun guru-guru P.O.L. telah dimasukkan ke dalam akaun kelas-kelas biasa. Berapakah peratus kelas bahasa ibunda (P.O.L.) yang telah diserap ke dalam kelas-kelas kurikulum biasa. Berapakah bilangan guru-guru bahasa yang telah diterima untuk mengajar kelas-kelas bahasa ini dari Januari 1982 hingga Jun 1983.

**45. (28-7-83) Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar kadar elaun bagi pengajaran bahasa ibunda oleh guru-guru sambilan sekolah menengah akan dikurangkan dari \$20.00 hingga \$7.00 sejam; jika ya, mengapa di antara pegawai-pegawai pelajaran, guru-guru sambilan bagi bahasa ibunda dipilih dan diberikan "layanan khas" ini.

**38. (1-8-83) Tuan Chan Kok Kit** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah wang yang diperuntukkan untuk pengajaran bahasa ibunda (Pupil's Own Language Classes) di sekolah-sekolah rendah dan menengah kebangsaan untuk tahun 1982 dan 1983; sama ada beliau sedar pemotongan peruntukan wang tersebut tahun ini telah menyebabkan banyak kelas-kelas tersebut terbengkalai dan telah menyetuskan perasaan gelisah dan was-was terhadap kejujuran kerajaan untuk memelihara bahasa ibunda di negara ini, dan sama ada Kementeriannya akan memberikan wang yang cukup untuk memastikan kelas-kelas ibunda di negara ini berjalan dengan lancar dan sama ada Kementeriannya akan mewajibkan pengajaran bahasa

ibunda Cina dan Tamil semasa waktu sekolah biasa dengan menggajikan guru-guru tetap untuk mengajar bahasa-bahasa tersebut.

**Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang Dipertua, saya mohon izin menjawab soalan ini serta soalan yang sama maksudnya daripada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan juga soalan-soalan berkenaan Kelas Bahasa Ibunda (P.O.L.) yang akan dikemukakan di Dewan yang mulia ini oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berikut:

Yang Berhormat dari Bukit Mertajam pada 26hb Julai;

Yang Berhormat dari Kepong pada 27hb Julai;

Yang Berhormat dari Bukit Mertajam pada 28hb Julai; dan

Yang Berhormat dari Sungai Besi pada 1hb Ogos, tahun ini.

**Tuan Yang Dipertua:** Dibenarkan.

**Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, terdapat seramai 4,349 orang guru-guru yang mengajar Bahasa Cina dan Bahasa Tamil di Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan dan Menengah Kebangsaan dan 2,248 orang guru daripadanya adalah guru sambilan. 168 daripada guru-guru sambilan itu tidak sanggup menyambung tugas mereka mengajar di kelas-kelas tersebut. Bilangan guru-guru yang tidak sanggup menyambung adalah kecil. Perkara seperti ini memang berlaku pada masa-masa yang lalu. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran telah pun mengatasi masalah tersebut dengan mengganti tempat-tempat mereka dengan guru-guru yang terlatih serta layak mengajar bahasa-bahasa tersebut.

Pengurangan kadar elaun kepada guru-guru Bahasa Cina dan Tamil sepertimana yang dinyatakan oleh

Ahli-ahli Yang Berhormat terpaksa dilakukan memandangkan keadaan ekonomi yang kurang baik pada masa ini. Pengurangan peruntukan kewangan bukan sahaja berlaku kepada kadar elaun guru-guru Bahasa Cina dan Tamil malahan pembayaran per capita grant ke sekolah-sekolah serta lain-lain pembayaran juga turut terlibat.

Peruntukan kewangan untuk kelas-kelas Bahasa Cina dan Tamil di Sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Menengah adalah seperti berikut:

Tahun 1980 sebanyak \$11,102,400.

Tahun 1981 sebanyak \$14,649,600.

Tahun 1982 sebanyak \$18,363,200.

Tahun 1983 sebanyak \$5,760,240.

Sepanjang pengetahuan Kementerian Pelajaran tidak ada sebarang kesan-kesan buruk yang timbul akibat dari pengurangan kadar elaun ini malahan ramai di antara guru-guru Bahasa Cina dan Tamil telah menunjukkan kerelaan dan simpati mereka terhadap masalah yang sedang dihadapi oleh Kementerian.

Beberapa langkah telah diambil oleh Kementerian, antara lain ialah semua kelas Bahasa Cina dan Tamil telah dapat dijalankan dengan teratur dan akan diteruskan sehingga akhir tahun. Kemungkinan kadar elaun yang ada sekarang akan dikaji semula apabila keadaan ekonomi mengizinkan. Lebih ramai guru-guru yang terlatih mengajar Bahasa Cina dan Tamil diberi tugas mengajar bahasa-bahasa tersebut di samping mengajar mata pelajaran lain. Kelas-kelas Bahasa Cina dan Tamil diterapkan di dalam jadual waktu sekolah bila mana keadaan mengizinkan.

**Tuan Chan Kok Kit:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu adakah benar peruntukan wang untuk

pengajaran bahasa ibunda datangnya dari vot elaun perjalanan? Bolehkah satu vot khas diwujudkan bagi pengajaran bahasa ibunda?

**Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang Dipertua, peruntukan untuk bahasa ibunda ialah hanya digunakan untuk bahasa ibunda dan tidak dicampur dengan peruntukan untuk lain-lain kadar.

**Dr Koh Tsu Koon:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Sungguhpun kebanyakan daripada guru-guru bahasa ibunda ini telah menunjukkan kerelaan mereka untuk terus mengajar kelas-kelas ini, adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa pengurangan elaun sebanyak lebih daripada 75% sehingga \$5.00 sejam ini sebenarnya kurang adil, iaitu terutamanya kepada guru-guru yang harus membuat perjalanan yang jauh dari tempat tinggal mereka ke sekolah-sekolah untuk mengajar hanya kelas-kelas bahasa ibunda ini sahaja? Dan juga, adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa pengurangan ini telah menimbulkan perasaan tidak puas hati dan juga salah faham di kalangan rakyat umum bahawa Kerajaan tidak mementingkan pengajaran bahasa-bahasa ibunda ini?

**Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang Dipertua, sepertimana saya telah pun sebutkan tadi pengurangan elaun ini bukan oleh kerana Kementerian tidak memberi kepentingan kepada bahasa ibunda. Adalah seramai 4,349 orang guru yang mengajar bahasa ibunda dan 50% dari jumlah ini ialah guru-guru yang telah diberi tugas-tugas khas ini bukan sebagai guru sambilan. Kementerian telah mengambil langkah-langkah untuk masa depan untuk menambah lagi bilangan guru-guru yang ditugas khas untuk mengajar bahasa ibunda dan kita harapkan jikalau keadaan ekonomi mengizinkan kita akan kaji semula menambah lagi jumlah peruntukan ini untuk guru-guru sambilan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bilangan guru-guru yang terlatih yang dapat menggantikan guru-guru sambilan yang tidak sanggup menyambung kelas-kelasnya dan adakah satu kenyataan yang saya terima daripada pihak guru-guru yang mengajar kelas bahasa sendiri iaitu pengumuman untuk mengurangkan peruntukan bagi kelas-kelas bahasa sendiri itu pada tahun ini hanya diumumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sahaja, bukan satu keputusan daripada Kabinet?

**Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang Dipertua, tidak ada suatu langkah yang Kementerian mengambil yang tidak dikaji dengan telitinya dan apabila keputusan dibuat untuk mengurangkan peruntukan atau elaun untuk guru-guru yang mengajar bahasa ibunda ini, oleh kerana kita tidak mahu kurangkan bilangan kelas-kelas ini, terpaksa oleh kerana kita hanya ada \$5 juta, kita menggunakan kadar lama yang bukan satu kadar yang kita sendiri mencadangkan tetapi kadar elaun ini pun adalah satu kadar yang digunakan sebelum elaun ini ditambah dari tahun 1981. Oleh sebab kita hendak memberikan kepentingan untuk murid-murid ada peluang mempelajari bahasa ibunda, kita tidak kurangkan kelas-kelas, hanya meminta kerjasama dari guru-guru melalui Persatuan Guru-guru dan juga Persatuan Guru-guru Besar, dan mereka selepas perbincangan dengan Kementerian pun memberi kerjasama dan kita haraplah ini tidak jadi satu isu yang digunakan oleh pihak DAP yang selalu ingin mengeksploitasi satu keadaan yang tidak benar dan Kerajaan sentiasa memberi kepentingan kepada kehendak-kehendak generasi muda kita dari segi pelajaran.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Soalan

saya tidak dijawab tadi. Soalnya, adakah keputusan untuk mengurangkan peruntukan ini dibuat oleh Kabinet ataupun oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri dan adakah peraturan yang tertentu diambil untuk memberitahu kepada orang-orang yang berkenaan?

**Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang Dipertua, ini ialah keputusan administrative, tidak payahlah kita apabila membuat sesuatu keputusan administrative selalu referkan cadangan ini kepada Kabinet dan selepas keputusan dibuat, kita pun melalui saluran tertentu di dalam Kementerian kita, mengeluarkan circular kepada semua Pengarah Pelajaran Negeri memberitahu kepada mereka keputusan administrative ini.

**Tuan Yang Dipertua:** Soalan yang penghabisan.

**Dr Koh Tsu Koon:** Tuan Yang Dipertua, saya hendak minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu kadar elaun yang baru ini ialah \$5 satu jam dan seperti yang kita sedia maklum bahawa tiap-tiap waktu ataupun period pengajaran ialah 40 minit. Adakah ini bermaksud bahawa waktu yang akan diterima oleh seorang guru yang mengajar satu period itu ialah sebahagian daripada \$5 ataupun \$3.33 sen sahaja?

**Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang Dipertua, bayaran yang diberi mengikutlah jumlah jam yang telah ditugas oleh guru-guru.

#### **BEKALAN ELEKTRIK KEPADA PENDUDUK RUMAH PANJANG**

**10. Tuan Andrew Janggi Muyang** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Kementerian bercadang hendak membekalkan tenaga elektrik kepada

sekolah-sekolah dan rumah-rumah panjang yang berhampiran dengan kawasan Haidro-Elektrik Batang Ai, Sarawak apabila projek itu siap kelak; jika ya, sama ada sekolah-sekolah dan rumah-rumah panjang yang berdekatan dengan jalan raya Lubok Antu/Engkilili dan semua rumah di Kawasan Daerah Lubok Antu dan Kuching termasuk dalam lingkungan bekalan ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Au How Cheong):** Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bekalan elektrik telah pun dibekalkan kepada penduduk-penduduk Rumah Panjang yang terlibat dengan rancangan pemindahan (resettlement) kawasan Haidro Batang Ai di negeri Sarawak sejak bulan November, 1982 dan adalah hasrat Kerajaan untuk terus memperluaskan bekalan elektrik ini kepada kawasan-kawasan yang berhampirannya dan ini termasuk sekolah-sekolah. Ini akan dijalankan secara berperingkat-peringkat dan tertakluk pula kepada kemampuan kewangan yang diperolehi.

#### **KOPERASI DALAM KAWASAN LUAR BANDAR**

**11. Tuan Ahmed Hambal bin Yeop** Majlis minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan, memandangkan terdapat beberapa banyak Koperasi-koperasi yang ditubuhkan di luar bandar menghadapi kegagalan dan menyebabkan koperasi-koperasi tersebut gagal dalam usaha meninggikan taraf ekonomi penduduk-penduduk luar bandar:

(a) sejauh manakah kajian telah dibuat oleh Kementerian bagi meneliti apakah sebab-sebab kegagalan tersebut berlakunya; dan

(b) apakah langkah-langkah berkesan yang telah diambil untuk mengatasi atau mengurangkan kegagalan-kegagalan tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali):** Tuan Yang Dipertua, koperasi-koperasi dalam kawasan luar bandar yang ditubuh dan dibimbing oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar adalah koperasi-koperasi dalam rancangan FELDA, FELCRA dan juga koperasi-koperasi yang diwujudkan di kalangan pekebun-pekebun kecil anjuran khas oleh RISDA. Selain dari itu, Koperasi Pembangunan Daerah yang mula diperkenalkan sejak tahun 1982 telah mula bergerak di enam buah daerah. Semua koperasi-koperasi tersebut berjalan dengan baik dan sedang menjalankan kegiatan-kegiatan ekonomi yang memberi faedah kepada ahli-ahli. Dengan yang demikian masalah kegagalan koperasi-koperasi sepertimana yang disarankan oleh Yang Berhormat itu tidak timbul bagi koperasi-koperasi yang di atas. Bagaimanapun di peringkat daerah ada juga diwujudkan koperasi-koperasi serbaguna yang menjalankan kegiatan kredit, pengguna, pengangkutan, bengkel dan lain-lain. Walaupun ada koperasi-koperasi di luar bandar yang mengalami kerugian tetapi ianya tidak bermakna bahawa koperasi-koperasi ini gagal kerana setengah-setengah daripada koperasi-koperasi ini telah wujud untuk memberi perkhidmatan kepada ahli-ahlinya. Antara sebab-sebab kerugian ini berlaku ialah koperasi-koperasi yang tidak mendapat sokongan sepenuhnya daripada ahli-ahlinya, persaingan yang hebat di dalam pasaran, pengurusan yang kurang cekap dan perebutan kuasa yang berlaku di antara ahli-ahli Lembaga

Pengarah. Langkah-langkah yang telah diambil untuk membaiki keadaan ini ialah seperti berikut:

Kursus-kursus penerangan anjuran Jabatan Penerangan Koperasi, Angkasa dan Maktab Kerjasama Koperasi telah diadakan untuk menarik minat supaya lebih ramai kalangan masyarakat menganggotai koperasi. Maktab juga menganjurkan kursus dari masa ke semasa bagi memperkemaskan pengurusan koperasi di peringkat bawah. Untuk memastikan akaun-akaun koperasi dikemaskini dan diaudit dengan baik, Kementerian telah mewujudkan dengan izin, Institute of Co-operative Auditors ataupun Institut Juruaudit Koperasi pada 28-11-1982.

Kita berharap dengan adanya langkah-langkah seperti ini maka Lembaga Pengarah-Lembaga Pengarah akan mengambil perhatian yang lebih berkesan untuk memastikan kejayaan koperasi ini di masa-masa akan datang.

## PROGRAM PERPADUAN DAN INTEGRASI

**12. Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada program untuk memupuk perpaduan dan integrasi di antara kaum-kaum dilaksanakan di sekolah-sekolah. Jika ada, apakah kejayaan dicapai sangat mengalakkan atau sebaliknya. Jeniskan program-program yang ada bagi tujuan ini.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran memberikan perhatian yang utama terhadap usaha-usaha mewujudkan perpaduan dan integrasi di antara kaum di sekolah-sekolah. Program ini dilaksanakan menerusi

pengajaran dan pembelajaran mata-mata pelajaran seperti sejarah, sivik, geografi dan lain-lain, program yang sama juga dilaksanakan menerusi kegiatan-kegiatan ko-kurikulum seperti perjumpaan-perjumpaan mingguan, nyanyian lagu-lagu Negara-ku, nyanyian yang bersifat lagu kebangsaan dan kegiatan pakaian seragam, kegiatan sukan, kesatuan-kesatuan murid dan juga Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru (PIBG). Untuk menentukan maksud ini, peraturan-peraturan sekolah (school regulations) dan lain-lain peraturan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran adalah mengukuhkan lagi perpaduan dan integrasi antara kaum, kejayaan program memupuk perpaduan dan integrasi antara kaum yang dilaksanakan di sekolah-sekolah adalah menggalakkan.

**Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong:** Saya ingin tahu sama ada pembayaran elaun kepada guru-guru dari Semenanjung yang berkhidmat di Sabah menggalakkan perpaduan dan integrasi seperti yang diterangkan oleh Timbalan Menteri tadi?

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang Dipertua, sebenarnya pemberian elaun itu mempunyai matlamatnya sendiri. Saya tidak terlibat ianya bercanggah dengan masalah integrasi yang saya sebutkan tadi.

**Dr Koh Tsu Koon:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kadangkala tingkah laku seseorang guru itu juga akan mempengaruhi perhubungan dan pergaulan di antara murid-murid berbilang kaum di bilik darjah? Sekiranya ada, apakah langkah-langkah yang diambil untuk menyedarkan guru-guru itu atas tanggungjawab mereka dan untuk mengawasi tingkah laku yang kadangkala tidak begitu sihat di kalangan guru-guru sendiri?



**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang Dipertua, saya setuju jika timbul tingkah laku yang agak lari daripada semangat memupuk perpaduan itu maka ini adalah tidak sihat. Tetapi setakat yang kita mengetahui masalah ini sebenarnya tidak timbul kerana ianya tidak menjadi satu masalah yang kami ketahui.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Soalan tambahan, apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri juga dapat memberitahu bahawa pihak Kementerian mempunyai program dalam memupuk perpaduan di kalangan pelajar-pelajar kita di luar negeri yang begitu ramai sekarang ini?

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang Dipertua, kita ada program untuk memupuk perpaduan di antara pelajar-pelajar kita di luar negeri. Seperti yang pernah diumumkan kita sedang memperhebatkan lagi program ke arah menyatupadukan pelajar-pelajar kita di luar negeri.

### MUTU SUKAN NEGARA

**13. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sejauh manakah usaha Kerajaan yang bersungguh-sungguh di dalam meninggikan mutu sukan negara, terutama di dalam memberi kemudahan dan keselesaan hidup kepada pemain-pemain kebangsaan kita agar mereka tidak tersinggung dan menumpu sepenuhnya kepada karier sukan yang dimilikinya.

**Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Mustaffa bin Mohammad):** Tuan Yang Dipertua, Kerajaan sentiasa mengambil berat dalam soal meninggikan mutu sukan di dalam negara, ini termasuklah dalam perkara memberi kemudahan kepada pemain

kebangsaan kita agar mereka dapat memberi tumpuan yang penuh dalam bidang sukan masing-masing. Dalam hal ini Kerajaan telah melancarkan skim peransang ahli-ahli sukan di bawah kelolaan Majlis Sukan Negara Malaysia pada 15hb Julai, 1982 sebagai sebahagian daripada usaha-usaha Kerajaan di dalam memberi keselesaan kepada ahli-ahli sukan. Pada masa ini sebanyak 58 orang ahli sukan mendapat kemudahan melalui skim ini.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sebenarnya tanggungjawab Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk memajukan sukan ini tidak begitu berkuasa kalau kita bandingkan dengan persatuan-persatuan itu sendiri, misalnya, persatuan bola sepak, persatuan badminton dan persatuan-persatuan lain yang lebih rapat kepada ahli-ahlinya tetapi pihak Kementerian Kebudayaan ini tidak mempunyai kuasa tertentu bagi memberikan kemudahan atau memberikan keselesaan atau membuat satu-satu keputusan yang wajar bagi kebaikan mutu ahli-ahli sukan yang saya maksudkan itu.

**Tuan Mustaffa bin Mohammad:** Tuan Yang Dipertua, saya kurang faham apa maksud wakil dari Pasir Putih berkenaan dengan keselesaan yang dimaksudkan di sini tetapi sebagaimana yang telah saya jelaskan tadi bahawa kemudahan-kemudahan telah pun diberi kepada pemain-pemain kebangsaan tersebut.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Sebenarnya Setiausaha Parlimen berkenaan menyebutkan tadi keselesaan diberi tetapi tidak menyebut apakah keselesaan yang diberi dan apakah bantuan yang diberi dan apakah sara hidup yang diberi kepada ahli-ahli sukan itu supaya ahli

sukan itu dapat benar-benar menumpukan kariernya atau dapat menumpu kepada sukan yang diminatinya. Jadi itu yang saya maksudkan dan juga kuasa Kementerian ini kepada persatuan yang saya maksudkan tadi iaitu persatuan persendirian seperti pasukan bola sepak, badminton dengan keputusan yang dibuat oleh kesatuan-kesatuan tersebut.

**Tuan Mustaffa bin Mohamad:** Tuan Yang Dipertua, bahagian kedua soalan tersebut mengenai kuasa, saya rasa agak terkeluar daripada soalan asal.

Mengenai kemudahan-kemudahan di dalam skim peransang yang dikelolakan oleh Majlis Sukan Negara, Majlis Sukan Negara ada memberikan bantuan kepada ahli-ahli sukan yang bertaraf antarabangsa yang bermutu tinggi dengan bantuan kewangan untuk bantuan bagi mereka menjalani latihan dan membeli alat-alatan untuk kemudahan sukan. Di samping itu, Majlis Sukan Negara juga ada memberikan bantuan bagi latihan dan juga bantuan-bantuan kewangan bagi kehilangan pendapatan kepada ahli-ahli sukan dan juga tuition bagi mereka yang masih menuntut.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan saya adalah lebih memberatkan kepada sara hidup daripada pemain-pemain yang telah dipilih mewakili negara dan juga pendapatan yang akan dinikmati oleh seseorang pemain-pemain yang telah mewakili negara sama ada semasa mereka itu menjalankan latihan atau sama ada semasa mereka itu mewakili negara atau selepas mereka mewakili negara. Maksud saya apakah sara hidup dan kesejahteraan yang diberikan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang merupakan satu pendapatan yang akan memberi tanggungan kepada keluarga mereka sebagai seorang yang berjasa kepada

negara dari segi memberi inisiatif yang lebih bagi pemain-pemain itu terhadap negara kita.

**Tuan Mustaffa bin Mohammad:** Tuan Yang Dipertua, bantuan yang diberi hanyalah setakat bantuan untuk memberi perangsang kepada ahli-ahli sukan yang bolehlah saya sebutkan di sini terbahagi kepada tiga kumpulan iaitu:

Kumpulan yang pertama diberi bantuan sebanyak \$200 sebulan;

Kumpulan yang kedua sebanyak \$200; dan

Kumpulan yang ketiga \$150.

Manakala bantuan-bantuan yang lain adalah berupa bantuan kepada mereka yang hilang punca pendapatan, maksud saya ialah hilang pendapatan kerana menjalani sesuatu latihan atau menyertai sesuatu pertandingan sukan dan bantuan bagi tuition.

#### PINTU IJTIHAD ASAS PEMBANGUNAN ISLAM

**14. Tuan Dusuki bin Haji Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan tentang sikap Kerajaan dalam menghadapi saranan Raja Al-Malik Fahd, Saudi Arabia yang menyeru negara-negara Islam membuka semula "Pintu Ijtihad" sebagai asas utama pembangunan umat Islam. Sekiranya sikap Kerajaan positif dalam perkara ini apakah pelaksanaan jangka pendek dan jangka panjang bagi tujuan itu.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saranan Raja Al-Malik Fahd bagi membuka Pintu Ijtihad telah dibuat di Persidangan Akademi Fekah Islam Sedunia yang berlangsung di Jeddah pada 6hb-8hb Jun, 1983 yang lalu.

Akademi Fekah Islam Sedunia dianggotai oleh para ulamak, cerdik pandai agama dan sejarah Islam yang terdiri daripada negara-negara ahli Persidangan Kemuncak Negara-negara Islam yang pakar dalam berbagai bidang seperti kebudayaan, sains dan teknologi dan ekonomi bagi mengkaji dan menyediakan jawapan terhadap persoalan isu-isu semasa masyarakat Islam sekarang.

Bagi maksud itu Kerajaan telah pun menghantar wakil ke Persidangan Akademi Fekah Islam itu. Kerajaan menganggap saranan yang dibuat itu sebagai satu saranan yang baik dan patut diberi pertimbangan yang halusi dan mendalam. Kerajaan sedang menunggu laporan yang sepenuhnya mengenai persidangan itu sendiri.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Menteri berkenaan dapat memberi penjelasan sedikit tentang masalah Pintu Ijtihad ini yang seharusnya dibuka kembali atas saranan Al-Malik Fahd, Saudi Arabia. Ini masalah yang mengenai kunci kedudukan hak agama dan pergolakan politik, bukan sahaja di Malaysia, tetapi di seluruh dunia. Apakah Yang Berhormat Menteri ada cadangan hendak menganjurkan juga satu Persidangan di Malaysia ini dalam bentuk untuk mengkaji tentang kedudukan Pintu Ijtihad ini?

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang Dipertua, saranan yang dikemukakan oleh Al-Malik Fahd yang telah dibuat dalam Persidangan Akademi Fekah Islam Sedunia dan dalam Persidangan itu kita ada rombongan yang telah kita hantar dan tentulah kita ingin mendengar apakah laporan daripada rombongan itu. Apakah reaksi daripada para ulamak berhubung dengan perkara yang dikatakan penutupan Pintu Ijtihad dan saranan yang dibuat oleh Al-Malik Fahd

supaya Pintu Ijtihad itu dibuka. Ini sebenarnya adalah menjadi satu masalah dan yang menjadi isu perdebatan para ulamak bukan sekarang, tetapi dahulu lagi boleh dikatakan Pintu Ijtihad ini telah diumumkan ditutup pada zaman Kerajaan Abbasiyah lagi. Tetapi memandangkan kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat sekarang ini dalam abad yang ke 20 ini, maka agaknya memandangkan berbagai-bagai masalah yang dihadapi oleh negara-negara Islam pada masa sekarang ini di seluruh dunia untuk mengatasi masalah-masalah dan isu politik yang memang menyentuh kedudukan negara-negara Islam, maka sebab itulah agaknya saranan itu dikemukakan. Walaupun begitu, Kerajaan kita memang menganggap bahawa saranan ini satu-satunya saranan yang baik dan yang kita patut memberi penuh perhatian dan kajian dengan halus kerana Kerajaan memang menyedari bahawa apa-apa tindakan yang diambil berhubung dengan saranan ini akan tidak dapat dielak menimbulkan berbagai-bagai reaksi daripada para ulamak bukan semestinya daripada ulamak yang ada dalam negara kita, tetapi di mana-mana juga. Jadi memandangkan kepada sementara menunggu laporan sepenuhnya itu, Kerajaan belumlah lagi bercadang secara tepat untuk mengadakan sebarang persidangan mengenai masalah ini.

**Tuan Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri baru sekejap tadi bahawa masalah ijtihad ini adalah merupakan masalah yang telah lama, tetapi sekarang pimpinan kita yang sedang berusaha ke arah penerapan nilai-nilai Islam sudah tentu memerlukan pembaharuan di dalam berijtihad. Dalam hal ini apakah Kerajaan kita bercadang untuk menubuhkan satu badan yang dinamakan "Kibar Ulamak" ataupun "Jumaah Barisan

Ulamak" yang terkemuka ataupun yang terbilang di negara kita ini sebagaimana yang telah dibentuk oleh negara-negara Islam yang lain?

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang Dipertua, kita tidak ada satu cadangan yang khusus umpama yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu. Tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita ada Badan Perundingan Islam yang telah pun ditubuhkan dan juga Badan Perundingan Islam ini di antara fungsinya ialah memberi pandangan-pandangan yang ada hubungan dengan agama Islam berkaitan dengan isu-isu dan masalah yang kita hadapi pada masa sekarang dan juga kita ada Majlis Penasihat Kebangsaan mengenai hal ehwal agama Islam, dan kita juga ada Jawatankuasa Kemajuan Pembangunan Islam. Jadi itulah berupa Jawatankuasa atau Badan-badan yang dianggotai oleh para cerdik pandai agama Islam di negara kita yang tugas dan fungsinya adalah memberi pandangan dan nasihat kepada Kerajaan tentang hal-hal yang berhubung dengan pembangunan Islam dan penerapan nilai-nilai Islam dalam pembangunan.

#### KAKITANGAN-KAKITANGAN KERAJAAN MENENTANG DASAR KERAJAAN

**15. Tuan Mamat bin Abdul Rahman** minta Perdana Menteri menyatakan setakat manakah terdapat kakitangan-kakitangan Kerajaan yang menentang dasar Kerajaan dan terlibat dengan kegiatan-kegiatan anti-Kerajaan. Bagaimanakah kegiatan-kegiatan mereka menjejaskan dasar-dasar dan projek-projek pembangunan negara dan rakyat. Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengatasi masalah ini dan tindakan-tindakan sesuai terhadap golongan anti-negara dan rakyat ini.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang Dipertua, setakat

ini tidak ada laporan yang khusus diterima mengenai kegiatan pegawai-pegawai Kerajaan yang menentang dasar ataupun anti-Kerajaan.

#### PEJABAT POS DI SANDAKAN

**16. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan jumlah wang yang diperuntukkan untuk pembinaan sebuah pejabat pos baru di Sandakan, bilakah pembinaan dijangka siap dan apakah sebab-sebab mengapa terdapat kelambatan yang panjang sangat dalam pembinaan pejabat pos baru tersebut.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin):** Tuan Yang Dipertua, sejumlah \$1.2 juta telah diperuntukkan bagi membina sebuah pejabat pos baru di Sandakan. Projek ini telah mengalami sedikit kelewatan atas sebab-sebab masalah memindahkan rumah-rumah setinggan di atas tapak berkenaan dan masalah mengalihkan sebuah 16 tan traktor yang terletak di tapak itu. Oleh kerana itu projek ini yang sepatutnya bermula pada bulan Mac, 80 cuma dapat dilaksanakan setahun kemudian. Walau bagaimanapun, kerja-kerja pembinaan bangunan itu telah dapat disiapkan pada akhir tahun 1982 yang lalu, tetapi kerja memagar kawasan pejabat pos itu telah tergendala oleh kerana masih terdapat lagi setinggan-setinggan yang enggan berpindah dari kawasan berkenaan.

Pihak Jabatan Kerjaraya Sabah pada masa ini sedang mengambil tindakan menyiapkan pagar membina, dengan izin, retaining wall dan kerja-kerja kecil yang lain bagi membolehkan pejabat pos baru ini dibuka menjelang akhir tahun 1983 ini. Insy Allah.

**Tuan Yang Dipertua:** Masa untuk soal-jawab sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 17 hingga 42 adalah diberi di bawah ini).*

### **KERJA BAGI BELIA-BELIA— KAJIAN**

**17. Tuan Peter Chin Gan Oon** minta Menteri Buruh menyatakan sama ada Kementerianya telah menjalankan satu kajian mendalam dan berhubung dengan Kementerian-kementerian berkenaan yang lain atas bagaimana kerja-kerja dapat diwujudkan untuk memenuhi kenaikan bilangan yang tinggi anak-anak remaja yang atau akan tidak lama lagi mencari kerja pada pertama kalinya sebagaimana didedahkan oleh Banci 1980.

**Dato Mak Hon Kam:** Kementerian saya memang sedar bahawa mengikut Banci Tahun 1980, bilangan belia dalam lingkungan umur 15 hingga 24 tahun yang merupakan bakal pencari kerja telah bertambah dari lebih kurang 2 juta pada tahun 1970 kepada 2.7 juta pada tahun 1980. Berasaskan kepada tren pertumbuhan penduduk adalah diramalkan bahawa bilangan ini akan meningkat dari setahun ke setahun.

Untuk mencapai perkembangan dan pengujudan pekerjaan baru, bagi memenuhi keperluan pekerjaan yang kian bertambah, Kerajaan sedang dan akan mempergiatkan usahanya untuk mempelbagaikan ekonomi melalui perindustrian, memodenkan sektor pertanian dan teknologi tinggi.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat itu, mengikut ramalan, sejumlah 860,600 pekerjaan akan diwujudkan di bawah tempoh Rancangan Malaysia Keempat (1981-85). Sektor pembuatan telah dikenal pasti sebagai punca utama pertumbuhan ekonomi dan gunatenaga dalam tahun-tahun lapan puluhan dan pertumbuhan di sektor ini akan mewujudkan kira 267,000

pekerjaan baru atau 31% dari jumlah pekerjaan baru. Jumlah pertumbuhan ini adalah lebih daripada bilangan yang akan mencari kerja sebagaimana didedahkan oleh Banci 1980.

### **MAJLIS RAYUAN PRIVY— MENGHAPUSKAN**

**18. Tuan Karpal Singh** minta Perdana Menteri menerangkan tarikh dari bila Kerajaan hendak menghapuskan semua rayuan ke Majlis Rayuan Privy. Adakah cadangan menubuh satu mahkamah mengganti Majlis Rayuan Privy dengan satu mahkamah rayuan terakhir dalam negara.

**Perdana Menteri:** Kerajaan telah memutuskan bahawa semua rayuan kepada Jawatankuasa Kehakiman Privy Council hendaklah dihapuskan pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Pindaan yang sesuai kepada Perlembagaan telah pun dibuat dan pindaan itu akan dibentangkan dalam persidangan Parlimen pada kali ini. Peruntukan itu tidak dapat dikuatkuasakan dengan serta-merta kerana pindaan yang sesuai juga perlu dibuat kepada Perjanjian di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan British dan kepada British Order in Council mengenai rayuan kepada Jawatankuasa Kehakiman Privy Council sebelum rayuan kepada Jawatankuasa Kehakiman Privy Council boleh dihapuskan dengan sah. Beberapa pindaan perlu juga dibuat kepada undang-undang negara ini yang lain yang terpaksa dibuat selepas pindaan kepada Perlembagaan yang ada kaitan dengan rayuan kepada Jawatankuasa Kehakiman Privy Council itu diluluskan. Dengan penguatkuasaan pindaan kepada Perlembagaan, Mahkamah Persekutuan akan menggantikan Jawatankuasa Kehakiman Privy Council sebagai mahkamah rayuan

terakhir dan muktamad dalam negara ini dan akan digelar semula sebagai Mahkamah Agung atau "Supreme Court". Kedudukan mahkamah-mahkamah lain tidak berubah.

#### GURU-GURU KELAS P.O.L.

**19. Dr Koh Tsu Koon** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan dan nisbah guru-guru yang mengajar kelas-kelas P.O.L. (Bahasa Cina dan Tamil) secara sambilan yang telah berhenti kerja pada atau sebelum 1hb Jun, 1983 akibat dari pengurangan kadar elaun yang begitu drastik. Adakah beliau sedar bahawa pengurangan kadar elaun sebanyak 75% ke \$5 sejam adalah kurang adil, terutamanya kepada guru-guru yang harus membuat perjalanan yang jauh hanya untuk mengajar kelas-kelas P.O.L.; apakah kesan-kesan kurang baik yang telah berlaku ke atas kelas-kelas P.O.L. dan apakah langkah-langkah yang konkrit yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini.

**Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Soalan ini telah dijawab bersama soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kawasan Lumut. (*Sila lihat Jawapan kepada Soalan No 9*).

#### PROJEK KERETA MALAYSIA— KAJIAN PASARAN

**20. Tuan Sim Kwang Yang** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan telah menjalankan suatu kajian kemungkinan, kajian pasaran dan analisa keuntungan-kos (cost-benefit analysis) berkaitan dengan Projek Kereta Malaysia;

- (b) jika ya, sila beri butir-butir lanjut untuk menggambarkan viability projek tersebut; dan
- (c) mengumumkan asas dan butir-butir lanjut mengenai kerjasama pembuat-pembuat kereta Jepun dalam projek tersebut untuk memastikan bahawa keutamaan akan diberi untuk menggalakkan kepentingan Malaysia.

#### Perdana Menteri:

- (a) Kajian kemungkinan (feasibility study) Projek Kereta Nasional telah dijalankan oleh HICOM dan rakan-rakan usahasama. Kajian tersebut mengambilkira pasaran kereta di negara ini dan faktor-faktor sosio-ekonomi. Projek ini bukan sahaja mementingkan berapa banyak peluang pekerjaan dapat diadakan, tetapi ianya juga mementingkan daya pengeluaran (productivity) pekerja-pekerja. Pertimbangan juga diberi kepada usaha meningkatkan tahap kemahiran kejuruteraan, teknologi, perkembangan industri sokongan dan seterusnya penyusunan semula industri kereta di Malaysia.
- (b) Dari segi "viability", projek ini akan dapat memberi pulangan kewangan yang baik. Saya tidaklah dapat memberi butir-butir penuh mengenai perkara ini untuk menjaga kepentingan perniagaan perusahaan ini.
- (c) Kerjasama dengan rakan usahasama dari Jepun adalah berasaskan kepada pendedahan dan perkongsian pengetahuan mengenai penyelidikan dan pembangunan (research and development) dalam teknologi membuat kereta. Dengan cara ini, Malaysia akan menikmati aliran dan pembaharuan

teknologi dalam masa yang singkat dan kos yang rendah. Langkah ini dapat menjamin “viability” pelaksanaan projek ini.

Selain dari kerjasama dalam bidang penyelidikan dan pembangunan, rakan usahasama dari Jepun akan juga membantu menggubal satu program meningkatkan penggunaan komponen-komponen tempatan.

### DASAR PANDANG KE TIMUR— KEJAYAAN

**21. Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid** minta Perdana Menteri menyatakan setakat mana kejayaan telah dicapai dalam Dasar Pandang Ke Timur sejak ianya diamalkan.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Kejayaan dan hasil sesuatu dasar tidaklah boleh dilihat dengan serta-merta atau dinilai terpisah dari hasil tindakan-tindakan lain. Begitulah halnya dengan Dasar Pandang Ke Timur yang telah dilancarkan oleh Kerajaan.

Apa yang sangat nyata ialah bahawa semenjak Dasar Pandang Ke Timur dilancarkan, masyarakat telah mempunyai model atau contoh alternatif kepada model Barat. Masyarakat mulai menumpukan perhatian kepada kemajuan dan pembangunan yang telah dicapai oleh negara-negara Timur seperti Jepun dan Korea dan tidak lagi hanya mendewa-dewakan Negara-negara Barat serta tertiru-tiru akan cara mereka. Masyarakat telah mendapat semangat baru dan contoh-contoh baru untuk diikuti terutamanya di bidang kemajuan teknologi, bidang perdagangan dan perusahaan dan juga di bidang pengurusan. Negara-negara Jepun dan Korea memberikan contoh-contoh kejayaan yang dapat

membuktikan bahawa orang-orang Asia juga boleh mencapai tahap kemajuan yang setanding atau lebih tinggi dari orang-orang Barat.

Kesedaran ini mula menunjukkan kesan dalam segala usaha pembangunan kita di negara ini. Di bidang perusahaan dan perdagangan, teknologi-teknologi moden mulai digunakan dengan mencontohi cara-cara Jepun seperti dalam teknik pembinaan, cara-cara mengendalikan perusahaan dan perniagaan, dan sebagainya. Dalam bidang pengurusan pula, cara-cara pengurusan Jepun yang menggunakan sistem Quality Control Circle, yang menekankan soal peninggian hasil dan kawalan mutu dan yang mengutamakan pembangunan kemahiran pekerja-pekerja, sudah mula mendapat perhatian berat dan dicontohi. Semua ini akan memberikan kesan kepada daya pengeluaran negara Malaysia sendiri dan sejalan dengan hasrat Kerajaan untuk meninggikan daya pengeluaran negara sebagai asas bagi mencapai kemajuan yang lebih pesat.

Konsep Malaysia Incorporated juga adalah ilham dari sikap memandang ke Timur. Ia telah mula dibincangkan secara meluas dan dilaksanakan. Ini akan menambah lagi kerjasama antara pihak swasta dan Kerajaan, menambah hasil pengeluaran masing-masing pihak dan seterusnya membawakan era pembangunan dan kemajuan yang lebih pesat kepada negara. Inilah yang dihasratkan oleh Kerajaan sesuai dengan tujuan-tujuan Dasar Ekonomi Baru.

### CUTI BERGAJI PENUH—LATIHAN PERNIAGAAN RUNCIT

**22. Tuan Khadri bin Sabran** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah yang sebenarnya muslihat Kerajaan di sebalik rancangan untuk memberikan Cuti Bergaji Penuh kepada

kakitangan Kerajaan untuk mengikuti Latihan Perniagaan Runcit;

- (b) adakah cuti seumpama itu hanya diberikan kepada mereka yang ingin mengikuti Latihan Perniagaan Runcit sahaja atau kepada semua aspek perniagaan;
- (c) adakah dibolehkan seseorang kakitangan Kerajaan memohon cuti bergaji penuh dalam tempoh masa tertentu untuk cuba berniaga; jika sekiranya mereka berjaya mereka akan terus meletakkan jawatan dan jika sekiranya mereka gagal, mereka dibolehkan menyambung semula perkhidmatan mereka dengan Kerajaan.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:**

- (a) Tujuan Kerajaan memberikan Cuti Belajar Bergaji Penuh kepada pegawai-pegawai Kerajaan dalam Kumpulan C dan D semasa mengikuti kursus latihan perniagaan adalah untuk memberi galakan kepada bakal-bakal usahawan menghadiri kursus tersebut. Kursus ini dicadang diberikan kepada Pegawai-pegawai Kerajaan dalam Kumpulan C dan D sahaja. Kursus ini diadakan untuk melengkapkan bakal-bakal usahawan dengan pengetahuan asas mengenai pengurusan perniagaan kecil serta pendedahan kepada bidang perniagaan yang bakal diceburi secara praktikal.

Semasa mengikuti latihan, Pegawai tersebut adalah tidak terlepas daripada syarat-syarat dan peraturan perkhidmatan masing-masing. Kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh ini adalah diberikan hanya kepada pegawai-pegawai yang

mengikuti kursus yang diluluskan oleh Kerajaan, dan pemohon-pemohon hendaklah memenuhi semua syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan. Selepas menjalani latihan tersebut pegawai-pegawai berkenaan hendaklah membuat pilihan sama ada terus menceburkan diri dalam perniagaan secara sepenuh masa atau terus berkhidmat dengan Kerajaan.

- (b) Cuti Belajar Bergaji Penuh ini tidak terhad kepada latihan perniagaan runcit sahaja. Skim latihan yang dicadangkan itu akan juga meliputi bidang-bidang perniagaan seperti perniagaan borong, perniagaan francais, pembuatan, pembinaan, restoran, pembekalan makanan, perkhidmatan dan lain-lain.
- (c) Kakitangan Kerajaan yang telah mengikuti program latihan ini yang bercadang untuk menceburkan diri sepenuh masa dalam perniagaan adalah dikehendaki meletakkan jawatan terlebih dahulu. Seseorang kakitangan Kerajaan yang sedang berkhidmat tidak boleh berniaga dalam masa yang sama kerana ini adalah melanggar Perintah Am 5, Bab D, 1980.

Kakitangan yang memilih untuk meletakkan jawatan di bawah skim ini adalah dibenarkan memendekkan notis berhenti kerja mereka. Mereka juga dibenarkan mengambil baki cuti mereka dan dibenarkan berniaga dalam tempoh cuti itu.

#### **PERSYARIKATAN MALAYSIA— MATLAMAT**

**23. Wan Ibrahim bin Wan Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan



apakah matlamat konsep  
Persyarikatan Malaysia.

**Dato Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Mengikut konsep ini kedua-dua pihak awam dan swasta perlu bekerjasama rapat untuk menjayakan aktiviti masing-masing. Dalam pengertian konsep ini negara kita dianggap seolah-olah sebuah syarikat di mana agensi-agensi Kerajaan dan swasta adalah sebagai rakan perkongsian (partners). Untuk menjaga dan menjaga segala kepentingan "syarikat" ini rakan-rakan perkongsian ini perlulah sentiasa bekerjasama dan bantu-membantu. Oleh kerana sektor swasta merupakan bahagian yang mencari keuntungan maka sektor awam semestinya bertindak sebagai penyokong yang berkesan bagi mencapai keuntungan yang diharapkan. Pada akhirnya jika pihak swasta lebih berjaya, maka lebih banyaklah hasil dari cukai yang dapat diperolehi Kerajaan. Di samping itu juga, perniagaan yang maju akan membawa lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan sampingan. Mereka yang mendapat peluang-peluang ini juga akan membelanjakan pendapatan mereka yang mana sudah tentu akan mempertingkatkan kegiatan bermacam-macam aktiviti ekonomi. Sebahagian daripada barang-barang yang akan dibeli oleh mereka ini akan dikenakan cukai. Dengan cara ini pula Kerajaan akan dapat memungut hasil cukai untuk menampung perbelanjaan urusan dan pembangunan negara. Dengan itu matlamat konsep ini ialah supaya pihak Kerajaan dan pihak swasta sentiasa bekerjasama rapat yang mana akan memberi lebih banyak sumbangan kepada pembangunan negara.

#### **PERKHIDMATAN AWAM— KEMUDAHAN**

**24. Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Pengangkutan menyatakan

sama ada pihak Kementerian beliau sedar bahawa kesemua kemudahan perkhidmatan awam seperti pengangkutan bas, keretapi, kapal terbang dan kapal tidak memenuhi kehendak dan kemahuan orang ramai. Jika pihak Kementerian sedar apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian untuk memperbaiki tarafnya supaya ianya setanding dan selaras dengan kemajuan negara kita dan sebagai salah satu langkah adakah pihak Kementerian memperkenalkan sistem pengangkutan kapal di antara negeri-negeri dari Malaysia (coastal services) sebagai salah satu tindakan memperbaiki taraf perkhidmatan pengangkutan awam.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Ahli Yang Berhormat telah mengemukakan satu soalan yang terlalu luas dan am. Oleh itu, amatlah sukar bagi saya untuk memberikan jawapan yang spesifik. Beliau telah menyentuh mengenai perkhidmatan bas, keretapi, udara dan laut. Memang telah menjadi dasar Kementerian Pengangkutan untuk memperbaiki lagi semua perkhidmatan-perkhidmatan yang berkenaan.

Kementerian Pengangkutan sedang menjalankan satu kajian khas berhubung dengan masalah-masalah perkhidmatan bas. Bagi perkhidmatan keretapi pula, pakar-pakar perunding, telah pun dilantik untuk mengkaji kemungkinan mengadakan ukuran landasan yang standard (standard gauge track) dari utara ke selatan di Semenanjung Malaysia. Laporan terakhir masih lagi ditunggu. Menyentuh tentang perkhidmatan penerbangan kebangsaan kita, satu kajian khas sedang dijalankan terhadap perkhidmatan shuttle antara Kuala Lumpur dengan Singapura untuk meninjau bagaimana perkhidmatan tersebut boleh diperbaiki selanjutnya. Dalam bidang perkhidmatan perkapalan pula, adalah

menjadi dasar Kementerian sejak tahun 1980 untuk menggalakkan kapal-kapal Malaysia menjalankan operasi antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Di samping perkhidmatan-perkhidmatan tersebut, ada pula cadangan supaya kita jua mengadakan perkhidmatan feri yang tetap.

Dengan hal yang demikian, amatlah ketara bahawa semua aspek perusahaan pengangkutan di negara ini adalah dikaji dari masa ke semasa. Adalah tidak benar sekali untuk mengatakan bahawa Kementerian tidak menyedari keperluan-keperluan orang ramai berhubung dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang berkenaan.

#### **RUMAH KOS RENDAH, PULAU PINANG**

**25. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada permohonan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk peruntukan tambah sebanyak 176.4 juta untuk rumah kos rendah di Negeri Pulau Pinang telah diluluskan atau jika ianya ditolak, menyatakan sebab-sebab permohonan tersebut ditolak.

**Datuk Dr Neo Yee Pan:** Untuk maklumat Dewan ini, soalan Yang Berhormat itu adalah berkenaan dengan permohonan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk peruntukan tambahan sebanyak \$176.4 juta yang perlu ditimbang dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat. Permohonan ini telah diambil kira dalam penyediaan kertas kerja Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat yang diuruskan oleh Kementerian saya. Setakat ini Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat belum selesai lagi. Oleh itu, saya tidak dapat memastikan sama ada permohonan peruntukan tambahan dari Kerajaan

Negeri itu akan diluluskan atau sebaliknya.

#### **INDUSTRI KE NEGERI PERAK— GALAKAN**

**26. Tuan Yew Foo Weng** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah rancangan tetap yang telah diadakan untuk menggalakkan dan menarik lebih perindustrian ke Negeri Perak khususnya ke Lembah Kinta memandangkan kadar perkembangan perindustrian yang rendah di Negeri Perak ini. Adakah pihak Kementerian telah membuat satu kajian atas jenis-jenisnya perindustrian yang sesuai untuk Negeri Perak dan jikalau kajian itu telah disediakan, bilakah laporan itu boleh diumumkan secara rasminya.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Seperti negeri-negeri lain, Kementerian saya tidak mempunyai rancangan tetap bagi menggalak dan menarik lebih perindustrian ke Negeri Perak. Sungguhpun demikian, Negeri Perak khususnya Lembah Kinta tidaklah mengalami kadar perkembangan perindustrian yang terlalu rendah, umpamanya pada tahun 1981, 46 projek telah diluluskan sementara pada tahun 1982 sebanyak 32 projek pula telah diluluskan bagi ditempatkan di Negeri Perak.

Walau bagaimanapun, persediaan jenis galakan cukai seperti taraf perintis, kredit cukai pelaburan dan lain-lain galakan yang disediakan oleh Kerajaan, merupakan satu cara bagi menarik pelaburan bukan sahaja di Negeri Perak bahkan di Negeri-negeri lain.

Saya juga ingin menyatakan pihak Kerajaan akan mengadakan satu kajian bagi mengenalpasti industri-industri yang sesuai bagi digalakkan dan di Negeri Perak kajian ini akan dijalankan oleh pihak MIDA bersama Kerajaan Negeri Perak. Kajian ini

masih dalam peringkat perancangan awal dan laporan ke atas kajian ini dijangka akan dapat disiapkan pada akhir tahun ini.

#### LAPANGAN TERBANG SIBU— LAMPU ISYARAT

**27. Tuan Ling Sie Ming** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apa sebabnya lampu isyarat mendarat di Lapangan Terbang Sibul belum lagi dipasang mengikut jadual;
- (b) bila lampu isyarat itu akan dipasang; dan
- (c) berapa perbelanjaan yang diperlukan bagi pelaksanaan projek itu.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:**

- (a) Pemasangan lampu isyarat mendarat di Lapangan Terbang Sibul adalah mengikut jadual.
- (b) Lampu itu adalah dalam proses dipasang. Tender telah diberi kepada Kontraktor yang berjaya pada 8hb Mac, 1983 dan dijangka siap dalam bulan September, 1983
- (c) Perbelanjaan bagi pelaksanaan projek ini adalah dalam lingkungan \$625,000.00.

#### KEWARGANEGARAAN— PERMOHONAN

**28. Dr George Chan Hong Nam** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada pemohon-pemohon untuk warganegara Malaysia walaupun telah menerima jawapan di antara tiga hingga lima tahun dahulu yang menyatakan bahawa permohonan mereka adalah dalam peringkat terakhir tetapi masih belum menerima apa-apa jawapan tentang keputusan

permohonan mereka. Jika ya, bolehkah beliau menerangkan:

- (a) sebab-sebab atas ketidak ada jawapan itu;
- (b) apakah sebenarnya erti “permohonan tuan adalah dalam peringkat terakhir”; dan
- (c) apakah tindakan-tindakan sewajarnya telah atau akan diambil untuk mempercepatkan kebenaran bagi permohonan-permohonan yang telah sampai ke peringkat terakhir.

**Dato' Musa Hitam:** Saya sedar apa yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lambir. Kementerian saya sentiasa mengambil tindakan yang sewajarnya bagi menimbangkan permohonan taraf kewarganegaraan. Usaha memproseskan setiap permohonan taraf kewarganegaraan memakan masa, tetapi masa yang digunakan itu tidak melebihi daripada masa yang diperlukan.

- (a) Jawapan bagi soalan (a), adalah tidak benar dakwaan Yang Berhormat yang menyatakan bahawa tidak ada jawapan diberi kepada pemohon. Malahan setiap pertanyaan mengenai sesuatu permohonan diberi jawabannya.
- (b) Jawapan bagi soalan (b), apabila Kementerian saya menjawab bahawa permohonan tuan adalah dalam peringkat “terakhir” ini membawa erti bahawa permohonan yang tersebut itu sedang diteliti dan disemak dengan rapi bagi memastikan kebenaran setiap maklumat dan keterangan yang diberikan guna menjamin setiap permohonan itu benar-benar memenuhi syarat-syarat yang ditentukan di bawah bab-bab berkenaan dalam Perlembagaan Malaysia.
- (c) Kementerian saya berpuas hati dengan pemerosesan

permohonan yang dilaksanakan pada masa ini.

### HANSARD—MEMPERBAIKI

**29. Dr Tan Seng Giaw** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada terdapat usaha untuk memperbaiki sistem Hansard. Adakah beliau bermaksud hendak mengadakan suatu sistem "indexing by personality" untuk menyenangkan rujukan. Nyatakan juga sampai tahun bilakah terdapat buku-buku Hansard yang dijilid, dan adakah usaha mengemaskinikan proses menjilid ini.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Untuk makluman Yang Berhormat, usaha adalah sentiasa dijalankan oleh Jabatan Parlimen untuk memperbaiki sistem Hansard. Pada masa ini fahrasat yang disusun bagi Parlimen Kelima dan seterusnya adalah tidak mengikut sistem "indexing by personality" tetapi mengikut perkara dan Kementerian oleh kerana sistem ini didapati lebih berkesan sebagai bahan rujukan.

### JABATAN PERDANA MENTERI— MENERBITKAN KITAB ISLAM

**30. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan apakah peranan Jabatan Perdana Menteri dalam usaha menerbitkan buku-buku atau kitab-kitab Islam selain dari tafsiran Quran dan Mastika Hadith. Adakah cadangan-cadangan untuk menerbitkan buku-buku agama dalam bidang ilmu feqah, tauhid dan akhlak Islam.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:**

- (a) Jabatan Perdana Menteri melalui Bahagian Agamanya memang menerbitkan berbagai-bagai buku dan kitab agama selain dari tafsiran Al-Quran

dan Mastika Hadith, antara kitab dan buku agama yang lain yang telah diterbitkan ialah:

- (1) Khulasah Al-Quran 2 jilid.
- (2) Journal Hukum (mengenai undang-undang Islam dan perjalanan perbicaraan kes di Mahkamah Syariah di Malaysia)—4 keluaran. Journal ini mula diterbitkan mulai 1981, dua kali setahun.
- (3) Journal Masa— memuatkan hasil kajian dan tulisan-tulisan dari Pusat Penyelidikan Islam Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri. Diterbitkan sekali setahun.
- (4) Panduan mengurus jenazah.
- (5) Sistem Kejuruteraan Alam Sekitar menurut Islam (terjemahan dari Bahasa Inggeris).
- (6) Islamic Law With Special Reference to The Institution of Waqf.
- (7) Panduan Zakat Sedekah dan Khairat.
- (8) Antologi Cerpen Berunsur Islam memuatkan kumpulan Cerpen yang memenangi hadiah dalam peraduan cerpen berunsur Islam, anjuran Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri. Sehingga kini tiga buah antologi diterbitkan. Semua buku-buku di atas dijual kepada umum.
- (9) Lain-lain buku penerapan mengenai Agama Islam dan panduan umat Islam seperti buku penerangan

mengenai ajaran-ajaran sesat Qadiani dan Tarikat Mufaridiah dan buku penerangan mengenai aliran siah.

- (b) Mengenai penerbitan buku-buku agama dalam bidang feqah, tauhid dan akhlak, sememangnya Jabatan ini telah menerbitkan berbagai-bagai tajuk buku kecil dan risalah dalam bidang-bidang tersebut. Buku-buku kecil itu dikenali dengan siri Al-Yakin dan Al-Risalah, berukuran 15 cm x 10 cm dan ada juga yang diterbitkan tanpa menggunakan nama siri-siri tersebut.

Buku-buku dan risalah kecil ini telah mula diterbitkan dalam tahun 1974. Ia diterbitkan dalam 3 bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Bahasa Cina.

Sehingga kini siri Al-Yakin dalam Bahasa Malaysia berjumlah 31 siri, dan dalam Bahasa Cina 20 siri.

Siri Al-Risalah dalam Bahasa Malaysia sebanyak 16 siri dan dalam Bahasa Inggeris 9 siri.

Risalah-risalah tanpa siri pula ialah sebanyak 49 tajuk. Tiap-tiap tajuk dalam Bahasa Malaysia dicetak antara 30,000 hingga 50,000 naskah. Bahan-bahan ini diedarkan percuma kepada masyarakat.

#### TUDM—JET-JET TERHEMPAS

31. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) bilangan jet-jet TUDM yang terhempas semenjak Merdeka  
 (b) bilangan pegawai-pegawai TUDM yang terbunuh;  
 (c) anggaran kerugian yang dipikul oleh kerajaan; dan

- (d) apakah langkah-langkah untuk mengelakkan berlakunya kemalangan ini.

**Perdana Menteri:** Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan Ahli Yang Berhormat dari Bachok pada 5-8-1983, kerana kedua-dua soalan ini adalah atas perkara yang serupa.

Bilangan jet-jet TUDM yang terhempas semenjak Merdeka iaitu dalam jangka masa 25 tahun ialah sebanyak 13 buah, dan telah melibatkan 9 orang pegawai (Fighter Pilot) terkorban. Anggaran kerugian yang dialami oleh Kerajaan akibat kemalangan tersebut ialah M\$20.5 juta.

Langkah-langkah untuk mengelak dan mengurangkan dari berlakunya kemalangan tersebut memang sentiasa dilakukan oleh pihak TUDM. Di antara langkah-langkah keselamatan yang dijalankan ialah seperti:

1. Mengadakan kempen-kempen "Flight Safety" di tiap-tiap pengkalan sebagai peringatan kepada semua anggota TUDM supaya lebih berwaspada dan sedar akan pentingnya "Flight Safety" demi untuk mengelakkan daripada berlakunya kemalangan. Semua anggota termasuk pemandu, jurutera, juruteknik, Bahagian Bekalan dan Tadbir dimestikan mempunyai sikap "Safety First", kerana ini adalah satu ciri terpenting di dalam TUDM.
2. Meningkatkan lagi mutu latihan di dalam pengendalian pesawat terbang serta menambahkan lagi mutu dan keupayaan kejuruteraan agar pesawat-pesawat TUDM sentiasa diberi perhatian yang utama ketika servis dan senggaraan.
3. Memberhentikan pesawat-pesawat yang sudah lama dipakai (seperti Pesawat Tebuan)

daripada terbang dan diganti dengan pesawat-pesawat baru yang lebih moden untuk digunakan dalam latihan dan operasi.

Kemalangan udara memang berlaku di mana-mana dan ianya berlaku di luar kawalan manusia di samping kesilapan teknikal dan keadaan cuaca yang buruk. Walau bagaimanapun, sehingga ke hari ini prestasi TUDM adalah sangat memuaskan dari segi kemalangan.

### KADAR BERANAK

**32. Tuan Peter Chin Gan Oon** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kadar-kadar beranak yang tinggi bagi tiga puluh tahun yang lalu, sebagaimana didedahkan oleh Banci 1980, telah menjadi satu sebab kebimbangan khususnya jika pertumbuhan ekonomi tidak dapat melangkah dengan bergandanya pertumbuhan jumlah bilangan penduduk yang dijangkakan akan menerus pada kadar ini dan jika ya, sama ada polisi-polisi kawalan beranak seharusnya diperkenalkan untuk memastikan bahawa pendapatan keuntungan per capita pada masa hadapan tidak akan dikurangkan.

**Perdana Menteri:** Malaysia adalah sebuah negara yang telah berjaya dalam usaha-usaha mengurangkan kadar pertumbuhan penduduknya. Sepanjang tempoh 1971-80 penduduk Malaysia telah bertambah pada kadar 2.5% setahun, berbanding dengan kadar pertumbuhan 3% dalam tahun-tahun lima puluhan dan enam puluhan. Ini disebabkan oleh beberapa faktor-faktor seperti pembangunan sosio-ekonomi yang pesat, pencapaian pelajaran yang meningkat terutamanya di kalangan wanita dan penerimaan secara meluas amalan kesihatan keluarga.

Kadar kelahiran di Malaysia juga telah berkurangan dalam tempoh tahun-tahun enam puluhan dan tujuh puluhan. Di Semenanjung Malaysia, kadar kasar kelahiran telah berkurangan dari 40.9 kelahiran yang hidup bagi tiap-tiap 1,000 penduduk dalam tahun 1960 kepada 32.5 dalam tahun 1970 dan 30.9 dalam tahun 1980.

Malaysia mempunyai dasar kependudukan yang telah dibentuk di dalam tahun 1966 yang memerlukan pertambahan penduduk dikurangkan beransur-ansur kepada 2% menjelang tahun 1985. Dasar ini seperti dasar-dasar Kerajaan yang lain perlu dikaji semula dari masa kesemasa. Kerajaan pada masa ini adalah di dalam proses mengkaji semula dasar kependudukan di dalam konteks sumber-sumber serta potensi pertumbuhan ekonomi.

### KEBUDAYAAN KEBANGSAAN— MENGEKALKAN KEBUDAYAAN LAIN

**33. Tuan Karpal Singh** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan kemajuan tercapai setakat ini dalam membentuk suatu corak kebudayaan kebangsaan yang mencerminkan kebudayaan-kebudayaan kaum-kaum yang ada dalam negara ini. Adakah Kerajaan bersedia mengekalkan kebudayaan-kebudayaan lain yang ada dalam negara ini. Jika tiada sila sebutkan sebab-sebab.

**Tuan Anwar bin Haji Ibrahim:** Usaha membentuk suatu corak Kebudayaan Kebangsaan nyata telah menunjukkan kemajuan. Generasi muda kini umpamanya telah dapat bertutur, menulis dan membaca dalam bahasa kebangsaan dengan fasih. Setengah daripada amalan-amalan harian umpamanya amalan di hari-hari kebesaran mempunyai cara kita sendiri dan dalam lapangan kesenian telah timbul ciri-ciri kebangsaan yang boleh diketengahkan. Dalam usaha

membentuk kebudayaan kebangsaan ini telah beberapa kali ditegaskan bahawa unsur-unsur kebudayaan lain memang telah diserap dan akan terus diserap di dalam kebudayaan kebangsaan di mana yang wajar dan sesuai selaras dengan prinsip-prinsip kebudayaan kebangsaan yang telah ditetapkan.

#### JAWATAN BAHAGIAN I, II, III DAN IV TIDAK DIISIKAN

**34. Dr Koh Tsu Koon** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah bilangan jawatan Bahagian I, II, III dan IV yang tidak diisikan pada 1hb Julai, 1983, akibat dari penjimatan perbelanjaan (Economy drive). Bagaimanakah keadaan ini mempengaruhi keberkesanan perkhidmatan dan pentadbiran Kerajaan dan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk memperbaiki keadaan ini.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Bilangan jawatan dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan bagi Kumpulan A, B, C dan D pada 1hb Julai, 1983 yang tidak diisi oleh kerana penjimatan perbelanjaan adalah seperti berikut:

<i>Kumpulan</i>	<i>Bil. kekosongan</i>
A (I) .. .. .	3,655
B (II) .. .. .	3,111
C (III) .. .. .	9,473
D (IV) .. .. .	9,800
IMG (V) .. .. .	7,422
JUMLAH .. .. .	33,461

Setakat ini kekosongan jawatan-jawatan itu tidak mendatangkan kesan-kesan yang negatif kepada kelicinan Perkhidmatan dan Pentadbiran Awam Negara ini. Langkah-langkah untuk mengekalkan perkhidmatan dan pentadbiran yang

berkesan sedang dilaksanakan melalui program-program seperti Etika Perkhidmatan Cemerlang, Kad Perakam Waktu, Kepimpinan Melalui Teladan, Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (Quality Control Circle), Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja.

#### UNIVERSITI PENUH DI SARAWAK

**35. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menyahut seruan daripada berbagai pihak dari Sarawak dan Semenanjung Malaysia dan menubuhkan sebuah Universiti Penuh di Sarawak supaya dapat menggalakkan integrasi kaum.

**Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Buat masa ini Kerajaan belum ada cadangan untuk menubuhkan sebuah Universiti Penuh di Sarawak. Walau bagaimanapun, ketika ini Kerajaan telah pun menubuhkan Kampus Cawangan Universiti Pertanian Malaysia dan Kampus Cawangan Institut Teknologi MARA di negeri tersebut.

#### SEKOLAH TADIKA—AMBIL ALIH

**36. Tuan Abdillah Haji Abdul Hamid** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Kementeriannya akan mengambil alih pentadbiran sekolah TADIKA di seluruh negara supaya dasar-dasar pelajaran kita dapat diperkenalkan di peringkat ini.

**Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Pada masa ini, Kementerian Pelajaran belum ada rancangan untuk mengambil alih pentadbiran TADIKA di seluruh negara. Ini adalah disebabkan pendidikan pra-sekolah berada di luar sistem pendidikan formal dan peruntukan-peruntukannya dalam bidang kuasa Akta-akta Pelajaran 1961 hanya merangkumi aspek-aspek yang berhubungan dengan syarat-syarat pendaftarannya sahaja. Namun

begitu, sukacita dimaklumkan bahawa sekarang ini Kementerian Pelajaran sedang menjalankan satu kajian yang mendalam berkaitan dengan pendidikan pra-sekolah di seluruh negara bersama-sama dengan semua pihak yang mempunyai kaitan dengan perkara ini. Sebarang dasar yang berkaitan dengan pendidikan pra-sekolah hanya dapat dibuat setelah kajian itu selesai pada tahun 1984 dan perakuan-perakuan yang berkaitan dengannya dikemukakan kepada Kerajaan untuk dikaji dengan teliti.

- (ii) Berkaitan dengan jawapan kepada soalan yang pertama atas maksud kedua soalan ini, jumlah yang diperuntukkan bagi tujuan pinjaman kepada penuntut-penuntut di United Kingdom sehingga akhir tahun 1982 ialah sebanyak \$500,000. Bagi tahun 1983 sebanyak \$500,000 lagi telah diperuntukkan untuk memberi bantuan pinjaman kepada penuntut-penuntut kita di United Kingdom.
- (iii) Bantuan pinjaman yang diberikan itu adalah berdasarkan kepada kenaikan yuran pengajian yang dikenakan bagi tahun akademik pinjaman itu diluluskan dan jumlahnya tidak boleh melebihi 50% daripada jumlah yuran yang sebenarnya. Pinjaman yang diberikan ialah untuk sesuatu tahun akademik sahaja dan sekiranya seseorang pelajar ingin mendapatkan pinjaman bagi tahun-tahun akademik yang berikutnya, ia hendaklah membuat permohonan yang baru. Pinjaman kedua atau ketiga bagi tahun-tahun akademik yang berikutnya akan dikira sebagai permohonan baru. Jumlah pinjaman yang diluluskan adalah tertakluk

kepada peruntukan yang ada dalam Kumpulan Wang berkenaan pada masa permohonan pinjaman ditimbang.

### **YURAN PENGAJIAN UNIVERSITI DI UNITED KINGDOM**

**37. Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (i) apakah jenis bantuan pembayaran yuran yang diberikan oleh Kerajaan kita kepada penuntut-penuntut Malaysia di Universiti-universiti di United Kingdom;
- (ii) berapakah jumlah wang yang setakat ini dibelanjakan bagi tahun 1981, 1982 dan bagi tahun ini untuk bidang pelajaran;
- (iii) apakah dasar pihak Kementerian dalam soal pemberian bantuan seperti ini kepada penuntut-penuntut.

**Datuk Sulaiman bin Haji Daud:**

- (i) Apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu barangkali ialah bantuan yang diberi oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah akibat kenaikan yuran di institusi-institusi pengajian di United Kingdom. Sukacita dimaklumkan Kerajaan telah menubuhkan satu Tabung Amanah yang dinamakan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan Bagi Keperluan Kebajikan, Kemudahan dan Pinjaman Kepada Penuntut-penuntut di Seberang Laut pada 1hb Mei, 1981. Salah satu dari tujuannya ialah untuk membantu pelajar-pelajar kita di negara tersebut di dalam mengatasi masalah kenaikan yuran. Bantuan yang diberi adalah dalam bentuk pinjaman untuk membayar yuran pengajian.



**GURU DI SEKOLAH RENDAH  
JENIS KEBANGSAAN (CINA)—  
KEKURANGAN**

**38. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar mengenai sebarang kekurangan guru-guru di sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Rendah Cina di Pulau Pinang tahun ini, jika ya, menyatakan berikut:

- (a) Jumlah kekurangan guru-guru tersebut; dan
- (b) Sekolah-sekolah yang terlibat.

**Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Pada masa ini tidak ada kekurangan guru di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) di Pulau Pinang. Walaupun ada terdapat beberapa kekosongan jawatan guru terlatih pada awal tahun ini, tetapi kekosongan itu telah dipenuhi dengan guru-guru sandaran.

**BUMIPUTRA MALAYSIA  
FINANCE—SIASATAN  
OLEH BANK BUMIPUTRA**

**39. Tuan Chan Kok Kit** minta Menteri Kewangan menyatakan hasil siasatan yang dijalankan oleh Bank Negara dan juruaudit luar Bank Bumiputra ke dalam Syarikat Bumiputra Malaysia Finance, sebuah anak syarikat Bank Bumiputra, yang telah memberi pinjaman berbillion-billion ringgit kepada Syarikat Eda, Carrian International dan pemaju Hong Kong yang bernama Kevin Hsu; asas yang digunakan untuk memberi pinjaman-pinjaman tersebut yang terkeluar dari amalan banking yang biasa dan apakah tindakan yang biasa dan apakah tindakan yang diambil untuk mendapatkan balik pinjaman-pinjaman tersebut, dan jumlah amaun wang yang diharapkan dapat diperolehi balik, dan sama ada satu kertas putih mengenai perkara tersebut akan dikeluarkan.

**40. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah amaun pinjaman yang diberi secara berasingan oleh Bumiputra Malaysia Finance (BMF) kepada Kumpulan Carrian, Kumpulan Eda dan pemaju Hong Kong bernama Kevin Hsu; amaun kerugian yang akan ditanggung oleh BMF dari setiap ketiga-tiga peminjam tersebut sebab-sebab dan orang-orang yang bertanggungjawab atas peminjaman \$2,000 juta oleh BMF itu yang jauh melampaui batasan kebijaksanaan banking yang biasa dan apakah tindakan yang akan diambil terhadap pegawai-pegawai BMF dan Bank Bumiputra yang bertanggungjawab atas kerugian begitu banyak wang awam seumpama itu.

**37. (27-7-83) Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) kerugian yang dialami oleh Bumiputra Malaysia Finance (BMF), sebuah anak syarikat yang dimiliki penuh oleh Bank Bumiputra, atas pinjaman-pinjaman yang bersifat kontroversial yang diberi kepada syarikat-syarikat di Hong Kong; dan
- (b) hasil siasatan yang dijalankan ke dalam pinjaman-pinjaman yang dinyatakan di atas serta juga dakwaan mengenai urusan yang buruk yakni "shady dealing" yang melibatkan pegawai-pegawai BMF seperti dilaporkan dalam akhbar.

**Y.M. Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Saya ingin menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Tuan Chan Kok Kit (No. 39 bertarikh 25-7-83), Tuan Lim Kit Siang (No. 40 bertarikh 25-7-83) dan Tuan Sim Kwang Yang (No. 37 bertarikh 27-7-83) kerana ketiga-tiganya ditujukan kepada perkara yang sama.

Penyiasatan yang dibuat oleh Bank Negara menunjukkan ada pinjaman-pinjaman besar telah diberikan kepada syarikat-syarikat tertentu di Hong Kong yang jumlahnya, pada pendapat Bank Negara, telah melebihi batas cermat yang lazim diamalkan oleh bank.

Pengaudit-pengaudit luar telah selesai menjalankan audit dan hasil operasi kumpulan bank ini telah pun diumumkan di dalam laporan tahunan yang disiarkan baru-baru ini. Walau bagaimanapun, saya dinasihatkan bahawa syarat-syarat rahsia yang terkandung di dalam Ordinan Bank Pusat dan Akta Bank tidak mengizinkan saya membincangkan urusan pelanggan individu dari mana-mana bank.

Pihak Pengurusan Bank Bumiputra telah dan sedang giat berusaha memperbaiki serta memperkukuh kedudukan bank ini bersabit dengan pinjaman-pinjaman yang menjadi masalah sekarang ini. Saya diberitahu bahawa pinjaman kepada tiga kumpulan, iaitu Carrian, Eda dan Kevin Hsu, adalah sebahagian daripada operasi biasa yang dijalankan oleh syarikat kewangan itu di Hong Kong, pinjaman-pinjaman telah diluluskan oleh pihak pengurusan syarikat itu, dan masalah-masalah yang berkenaan dengan pinjaman-pinjaman ini adalah akibat dari keadaan pasaran yang kurang baik dan kemerosotan harga harta-harta yang tidak disangka-sangka di Hong Kong.

Kerugian-kerugian yang sebenar dari akaun-akaun tersebut tidak dapat dipastikan ketika ini, dan ikhtiar sedang dijalankan oleh pihak pengurusan bank ini untuk mendapatkan kembali wang yang dipinjamkan itu. Peruntukan telah pun dibuat oleh kumpulan Bank Bumiputra dan akan dilaksanakan secermat-cermat yang dikehendaki. Kedudukan Bumiputra Malaysia Finance dan Bank Bumiputra adalah

tegap seperti yang ternyata di dalam akaun tahunan kumpulan Bank Bumiputra yang telah diaudit bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31hb Disember, 1982, yang telah diumumkan baru-baru ini.

Sekiranya ada bukti menunjukkan ada penyelewengan, maka tindakan akan diambil terhadap sebarang pegawai dari syarikat kewangan tersebut ataupun dari Bank Bumiputra oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

Pada pendapat saya tidak perlu diadakan Kertas Putih mengenai hal ini.

#### **PILIHANRAYA UMUM, 1982— PENGUNDI-PENGUNDI KUALA BIKAM**

**41. Tuan Gooi Hock Seng** minta Perdana Menteri menyatakan mengapa di dalam Pilihanraya Umum lalu (1982) 90 peratus dari pengundi-pengundi dari Kuala Bikam New Village di Perak terpaksa membuang undi di kawasan Pilihanraya Negeri Bidor dan kawasan Parlimen Tanjong Malim, yang mana di dalam Pilihanraya Umum tahun 1978 pengundi-pengundi yang sama telah mengundi di kawasan Pilihanraya Negeri Chendering dan di kawasan Parlimen Batang Padang.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Untuk makluman Yang Berhormat, Kuala Bikam New Village adalah sebuah kawasan yang mempunyai pengundi berdaftar seramai 412 orang pada tahun 1978. Dalam pilihanraya umum tahun 1978 Kuala Bikam New Village telah ditempatkan di dalam daerah mengundi Jeram Mengkuang iaitu di bawah bahagian Pilihanraya Negeri Chenderiang dan bahagian Pilihanraya Parlimen Batang Padang. Walau bagaimanapun berikutan dengan satu kajian untuk membelah-bahagikan daerah mengundi selepas pilihanraya

umum tahun 1978, Suruhanjaya Pilihanraya mendapati bahawa Kuala Bikam New Village ini telah ditempatkan dalam daerah mengundi dan bahagian pilihanraya yang salah. Sepatutnya Kuala Bikam New Village ini berada di bawah daerah mengundi Kampung Baru Bikam iaitu di dalam bahagian pilihanraya Negeri Bidor dan bahagian Parlimen Tanjong Malim dan bukan di dalam bahagian pilihanraya Negeri Chendering dan bahagian pilihanraya Parlimen Batang Padang. Oleh hal yang demikian kesalahan yang berlaku pada masa pilihanraya umum tahun 1978 ini telah pun diperbetulkan semula oleh Suruhanjaya Pilihanraya pada tahun 1980 dengan tujuan untuk mengelakkan kesalahan ini berulang lagi di dalam pilihanraya umum tahun 1982 yang lalu.

#### **JALANRAYA DI SARAWAK— PEMBINAAN**

**42. Tuan Ling Sie Ming** minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) berapa jumlah wang telah diperuntukkan bagi pembinaan jalanraya di Sarawak dalam tahun 1983
- (b) berapa kilometer panjang jalanraya di Sarawak telah dibina dan berapa panjang akan dibina tahun ini; dan
- (c) apakah kesulitan yang dihadapi oleh Kerajaan dalam pembinaan jalanraya di Sarawak.

**Datuk S. Samy Vellu:**

- (a) Jumlah wang peruntukan bagi pembinaan jalanraya di Sarawak yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 1983 ialah sebanyak \$63.372 juta. Untuk makluman

Yang Berhormat peruntukan bagi Negeri Sarawak untuk pembangunan jalan di bawah Rancangan Malaysia Keempat ialah \$315,834 juta. Selain daripada itu, saya juga diberitahu oleh Kerajaan Negeri bahawa peruntukan negeri dalam tahun 1983 ialah sebanyak \$31.297 juta.

- (b) Jalanraya di Sarawak yang telah dibina sehingga akhir tahun 1982 ialah sepanjang 3,733 kilometer. Bagi tahun ini sepanjang 160 kilometer jalanraya dijangka akan dibina. Daripadanya sehingga bulan Julai ini sepanjang 89 kilometer telah siap dibina.
- (c) Beberapa kesulitan dihadapi oleh Kerajaan dalam pembinaan jalan di Sarawak. Ini termasuklah kekurangan tenaga kerja mahir, kekurangan alat jentera dan masalah mendapatkan bahan-bahan binaan. Selain daripada itu Kerajaan juga menghadapi masalah kewangan dalam masa kemerosotan ekonomi dunia ini.

#### **MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18**

#### **FELDA Selancar IV— Eksplotasi Pekerja**

*3.40 ptg.*

**Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka):**  
Tuan Yang Dipertua, saya berdiri di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 18 (1) untuk memohon izin untuk mencadangkan bahawa Majlis Mesyuarat ditangguhkan pada hari ini untuk merundingkan satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan

iaitu betapa pentingnya Parlimen melahirkan rasa pandang beratnya secara kebangsaan di atas eksploitasi pekerja-pekerja kontrak dan pemegang-pemegang kad pengenalan merah seperti digambarkan di Ladang Neraca, FELDA Selancar IV di mana penahanan haram, perhambaan buruh, kekerasan jenayah yang dikenakan ke atas pekerja-pekerja dan penafian gaji telah menjadi satu perkara biasa di situ.

Tuan Yang Dipertua, ini adalah satu perkara yang tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang bekehendak disegerakan kerana eksploitasi pekerja-pekerja kontrak seumpama itu walaupun wujudnya berbagai-bagai undang-undang dan Jabatan-jabatan Kerajaan seperti Jabatan Buruh, Polis dan pihak FELDA untuk melindungi para pekerja menunjukkan bahawa hanya dengan Parlimen melahirkan rasa pandang berat dan kutukannya terhadap usaha tersebut yang cuba membawa balik ke zaman perhambaan di mana manusia dilayan dengan lebih buruk daripada binatang, boleh mengenakan tekanan yang mencukupi ke atas berbagai-bagai Jabatan Kerajaan agar mereka secara rajin menghapuskan eksploitasi seumpama itu di ladang-ladang lain yang terdapat di negara ini. Tambahan pula, sekiranya Parlimen sebagai "conscience" negara kita gagal mengambil peranan utama dalam memberikan arahan ke arah penghapusan eksploitasi seumpama itu maka kemuliaan, kegunaan dan fungsi Parlimen dengan sendirinya akan diperlemahkan.

Disebabkan skandal Selancar IV hanya diketahui secara awam pada 9hb Julai selepas tempoh untuk mengemukakan soalan-soalan dan usul-usul telah ditutup pada 5hb Julai maka adalah perlu bagi Parlimen melahirkan rasa pandang berat dan kutukannya terhadap jenis eksploitasi

yang telah berlaku di Selancar IV menerusi sebuah usul di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 18 (1).

Usul yang bertujuan mendapatkan izin untuk menangguhkan Majlis Mesyuarat ini berbunyi seperti berikut:

"Bahawa Majlis Mesyuarat ini mengutuk eksploitasi pekerja-pekerja kontrak dan pemegang-pemegang kad pengenalan merah di Ladang FELDA Selancar IV di mana para pekerja telah tertakluk kepada pengurangan yang tidak sah, penahanan haram, perhambaan buruh, kekerasan jenayah dan penafian gaji selama 4 tahun ini;

Melahirkan rasa pandang beratnya bahawa walaupun wujudnya berbagai-bagai undang-undang, peraturan-peraturan dan Jabatan-jabatan Kerajaan seperti Jabatan Buruh, Polis dan FELDA dan kesemuanya bertujuan melindungi kepentingan para pekerja, namun eksploitasi seumpama itu yang mengingatkan kita akan zaman perhambaan di mana manusia dilayan dengan lebih buruk daripada binatang masih boleh berlaku di Malaysia dengan begitu dahsyat rupa;

Mengarah semua Kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan yang berkenaan menjalankan satu semakan seluruh negara ke atas semua ladang FELDA dan estet-estet seperti mengambil segala tindakan serta-merta dan perlu untuk menghapuskan penyalahgunaan buruh kontrak seumpama itu seperti berlaku di Selancar IV; dan selanjutnya mengarah Menteri Buruh membentangkan satu laporan di dalam Dewan ini dalam mesyuarat Parlimen yang akan datang, mengenai hasil pelaksanaan usul ini."

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun mendengar ucapan dan teks usul yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) memohon kebenaran Dewan ini supaya ditangguhkan hari ini untuk membincangkan satu perkara tertentu berkenaan dengan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan iaitu pekerja-pekerja kontrak di Ladang Selancar IV.

Pagi ini saya telah menerima pemberitahu dari Ahli Yang Berhormat itu dan telah pun menyemak pemberitahu-pemberitahu itu dan di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (2) saya hendaklah menolak permintaan Ahli Yang Berhormat itu kecuali saya puas hati iaitu di atas ketiga-tiga syarat yang telah pun dipenuhi: (1) perkara yang tertentu, (2) berkehendak disegerakan, dan (3) ada berkenaan dengan kepentingan orang ramai.

Saya telah meneliti perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dengan mendalamnya dan saya berpendapat bahawa ia tidak berkehendak disegerakan dengan kerana saya telah difahamkan siasatan-siasatan oleh pihak Polis dan juga dari pihak Buruh, FELDA serta Jabatan Kebajikan Am sekarang ini sedang dijalankan. Oleh itu saya menolak permintaan Ahli Yang Berhormat itu.

## **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

### **RANG UNDANG-UNDANG TAMAN NEGARA (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Taman Negara 1980; dibawa ke dalam

Mesyuarat oleh Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### **RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN TERNAKAN NEGARA (PEMBUBARAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi memansuhkan Akta Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara 1972, membubarkan Lembaga Kemajuan Ternakan Negara yang ditubuhkan di bawah Akta itu, memindahmilikkan semua harta kepada Kerajaan dan bagi membuat peruntukan mengenai perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pertanian; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### **RANG UNDANG-UNDANG BANK (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Bank 1973; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### **RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

## USUL

### JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA—LANTIKAN PENGGERUSI/NAIB PENGGERUSI

3.49 ptg.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan usul yang berikut:

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 82 (2), Yang Berhormat Tuan Daud bin Dato' Haji Taha dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dan Yang Berhormat Tuan Lim Liang Seng dilantik menjadi Naib Pengerusi Jawatankuasa tersebut bagi baki tempoh Parlimen Yang Keenam.

Dalam persidangan Dewan Rakyat pada 12hb Oktober, 1982 Yang Berhormat Tuan Oo Gin Sun telah dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara tetapi pada 2hb Jun, 1983 beliau telah dilantik menjadi Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Dengan perlantikannya sebagai Timbalan Menteri beliau kena meletakkan jawatannya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Kekosongan Jawatan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara ini perlu dipenuhi mengikut Peraturan Mesyuarat 82 (2). Adalah dicadangkan supaya jawatan tersebut diisi oleh Yang Berhormat Tuan Daud sementara tempatnya sebagai Naib Pengerusi dicadangkan disandang oleh Yang Berhormat Tuan Lim Liang Seng yang sehingga ini telah menjadi ahli Jawatankuasa tersebut. Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk perbahasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mencadangkan usul ini yang bertujuan meminta Dewan ini melantik Yang Berhormat Tuan Daud bin Dato' Haji Taha sebagai Pengerusi dan Yang Berhormat Tuan Lim Liang Seng sebagai Naib Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara untuk baki tempoh Parlimen ini akibat perlantikan bekas Pengerusi Jawatankuasa tersebut sebagai Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

Tanpa menyentuh keupayaan kedua-dua penama tersebut untuk jawatan Pengerusi dan Naib Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, ingin saya meminta YAB Perdana Menteri menarik balik usul ini dan mengemukakan kemudian dalam mesyuarat Parlimen ini, mungkin pada minggu hadapan, kerana rasa saya masanya telah tiba bagi Parlimen dan juga Jemaah Menteri untuk mengulangkaji dan menimbang semula apakah yang diharapkan daripada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Sehingga sekarang, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara telah gagal memainkan peranannya sebagai pengawas (watchdog) yang berkesan ke atas wang-wang awam dengan tidak membuat apa-apa kesan (impact) atau sumbangan ke arah memastikan terdapat taraf pengakaunan awam yang lebih tinggi dalam perkara pengendalian dan perbelanjaan wang-wang awam.

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara sebenarnya adalah agak kurang berkesan (impotent) dengan hanya memeriksa akaun-akaun yang "out-dated" dan menghadapi hantu pegawai-pegawai Kerajaan yang telah melanggar propriety atau probity kewangan tetapi telah pun bersara

atau meninggalkan perkhidmatan awam. Apa yang lebih dahsyat ialah apabila laporan-laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara diterbitkan, ia adalah begitu lambat sehingga tiada sesiapa termasuk Parlimen yang berminat di dalamnya dan ini menjadikan perjalanan keseluruhan PAC sebagai satu urusan sia-sia belaka. Pada masa sekarang PAC masih belum lagi membentangkan laporan yang penuh ke atas Kira-kira Kerajaan Persekutuan untuk tahun 1975 dan kira-kira untuk tahun 1976 dan kemudian begitu juga.

Ini adalah tidak selari dengan ikrar yang diberi oleh Yang Amat Berhormat apabila beliau menyandang jawatan Perdana Menteri dua tahun lalu di mana beliau telah berikrar bahawa akan terdapat akauntabiliti yang lebih daripada Kerajaan kepada rakyat kerana sistem dan falsafah PAC pada masa sekarang tidak menentukan terdapat akauntabiliti awam yang lebih ke atas wang-wang awam. Tetapi sebaliknya membantu untuk mengelakkan akauntabiliti awam yang lebih.

Sekiranya kita mahukan akauntabiliti awam yang lebih bermakna ke atas perbelanjaan wang awam maka apa yang diperlukan ialah sebuah Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara yang lebih aktif, malah agresif yang akan meninggalkan "the musty files of the past" dan menceburkan diri secara aktif dalam proses semasa untuk memelihara dan memastikan terdapat taraf yang tinggi dalam pengurusan dan penyelenggaraan wang awam oleh pegawai-pegawai Kerajaan.

Saya tidak minta supaya PAC direvolusikan tetapi cuma meminta supaya satu perubahan total di dalam falsafah PAC sekarang. Ini adalah kerana Perintah Majlis Mesyuarat mengenai PAC sebenarnya membuat peruntukan supaya PAC dapat mengambil peranan yang aktif dan

bermakna dalam proses menentukan terdapat taraf yang tinggi dalam pengurusan wang awam dan akauntabiliti dan bukan sekadar menyiasat ke dalam apa yang telah berlaku dalam masa lampau tetapi juga menyiasat ke dalam apa yang telah dan sedang berlaku sekarang.

Peraturan Majlis Mesyuarat 77 (1) memperuntukkan empat syarat rujukan bagi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara iaitu menyiasat:

- (a) Kira-kira Kerajaan Malaysia dan peruntukan wang yang dibenarkan oleh Parlimen kerana menepati perbelanjaan negeri;
- (b) apa-apa kira-kira badan-badan pentadbiran raya dan pertubuhan-pertubuhan lain yang menguruskan wang negeri yang dibentangkan dalam Majlis;
- (c) penyata-penyata Pemeriksa Kira-kira Negara yang dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat menurut Perkara 107 dalam Perlembagaan;
- (d) apa-apa perkara lain yang difikirkan oleh Jawatankuasa itu patut diperiksa, atau apa-apa perkara yang diserahkan oleh Majlis kepada Jawatankuasa itu.

Sehingga kini PAC hanya telah menumpukan dirinya untuk menghadapi salah satu dari empat item yang dinyatakan tadi iaitu laporan-laporan Ketua Audit Negara yang dibentangkan di dalam Majlis Mesyuarat ini menurut Perkara 107 Perlembagaan, dengan ini condemn laporan-laporan tersebut kepada "musty files" and "murky past" sedangkan dia sepatutnya menghadapi masalah-masalah sesama yang dibenar di bawah tiga syarat rujukan yang lain yang akan menjadikan kerja PAC relevant kepada kehendak-kehendak sesama.

Apabila syarat-syarat rujukan PAC dibaca ia menunjukkan bahawa kuasa-kuasa yang dipunyai oleh PAC adalah lebih besar berbanding dengan Ketua Audit Negara dan PAC dari segi Perlembagaan tidak berkehendakkan menunggu laporan-laporan Ketua Audit Negara sebelum ia memulakan siasatan ke dalam akaun-akaun dan perbelanjaan-perbelanjaan wang awam. Hanya dalam bulan Mac tahun ini Parlimen meminda Akta Audit untuk memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk memeriksa akaun-akaun mana-mana jabatan yang lain, termasuk sebuah syarikat yang didaftar di bawah Akta Syarikat yang menerima pemberian atau pinjaman daripada Persekutuan atau Negeri, dan juga termasuk sebuah syarikat di mana lebih daripada separuh sahamnya yang dibayar, dipegang oleh Persekutuan, Negeri atau pihak berkuasa awam. Akan tetapi kuasa-kuasa baru yang diberikan, Ketua Audit Negara adalah disekat dengan proviso bahawa beliau hanya dapat menjalankan sesuatu pemeriksaan atas perintah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Selanjutnya, terdapat keraguan juga sama ada Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit syarikat Kerajaan seperti Bank Rakyat atau lain-lain badan seperti Bank Bumiputra yang menerima ataupun ditubuhkan pada keseluruhannya dengan wang awam. Namun demikian, PAC tidak terhalang dengan sekatan-sekatan seumpama itu kerana dalam menjalankan tugasnya yang diamanahkan oleh Parlimen untuk memastikan wang awam diurus dan dibelanjakan dengan baik, PAC boleh menyasat ke dalam bidang-bidang yang dinafikan kepada Ketua Audit Negara. Malah PAC boleh menyasat ke dalam bidang-bidang yang di luar bidangkuasa Ketua Audit Negara seperti syarikat-syarikat kerjasama

dan bank-bank yang menerima atau ditubuhkan dengan wang awam di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 77 (5) PAC mempunyai kuasa untuk memanggil orang-orang di hadapannya atau meminta mengeluarkan surat-surat dan rekod-rekod mengenai akaun-akaun dan perbelanjaan wang awam supaya ia dapat melaporkan kepada Parlimen. Maka MPAC mempunyai kuasa dari segi Perlembagaan (*Ketawa*)—PAC mempunyai kuasa dari segi Perlembagaan untuk menjadi pengawas atau watchdog yang aktif, aggressive dan relevant ke atas wang-wang negara. Tetapi apa yang diperlukan ialah perubahan dalam falsafah PAC, oleh Kerajaan dan juga oleh sesiapa juga yang memegang jawatan penting sebagai Pengerusi dan Naib Pengerusi. PAC hendaklah menunaikan tanggungjawabnya yang diamanahkan kepadanya oleh Parlimen untuk menggalakkan percubaan-percubaan yang dibuat selalu oleh pihak Eksekutif untuk mengelak daripada accountability awam ke atas perbelanjaan wang-wang awam.

Satu contoh yang paling baik ialah percubaan yang dibuat sejak 7 bulan yang lalu oleh Menteri-menteri Kabinet dan Pegawai-pegawai Bank Bumiputra untuk tidak memberi satu accountability awam atas pinjaman berbillion ringgit yang diberikan oleh Bumiputra Malaysian Finance di Hong Kong. Daripada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kepada soalan yang saya kemukakan mengenai pinjaman-pinjaman yang diberikan oleh BMF dalam mesyuarat Parlimen yang diadakan pada bulan Mac yang lalu. Rakyat Malaysia telah mempercayai bahawa satu accountability yang penuh akan diberi mengenai pinjaman-pinjaman yang diberikan oleh BMF di Hong Kong selepas Mesyuarat Agung Bank Bumiputra diadakan. Sungguh



malang, Pengerusi Bank Bumiputra dan Pengarah-pengarah bank tersebut semuanya telah menghilangkan diri dengan meninggalkan hanya tiga orang pegawai rendah bank tersebut untuk menjalankan sidang akhbar yang diadakan selepas Mesyuarat Agung Bank Bumiputra dan pegawai-pegawai berkenaan telah menjelaskan pada mula-mulanya mereka tidak berkuasa menjawab apa-apa soalan mengenai pinjaman-pinjaman yang diberikan oleh BMF.

Pengerusi dan Pengarah-pengarah Bank Bumiputra, Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Jemaah Menteri harus sedar bahawa Bank Bumiputra sebuah bank persendirian tetapi sebuah bank yang ditubuhkan dengan wang awam dan bertanggungjawab memberi satu accountability awam tentang pengendalian, pengurusan dan perbelanjaan wang awam dan ini akan meletakkan dalam lingkungan syarat-syarat rujukan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara mengenai peruntukan wang yang dibenarkan oleh Parlimen kerana menepati perbelanjaan negara.

Dari tahun 1971 sehingga tahun 1980 di bawah Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga, Parlimen telah meluluskan sejumlah \$253.5 juta kepada Bank Bumiputra dan ini memberi Parlimen hak untuk menuntut supaya satu accounting diberi mengenai pengurusan dan perbelanjaan wang-wang tersebut oleh Bank Bumiputra terutama sekali memandangkan kepada kejadian-kejadian mysterious yang menyelubungi pinjaman-pinjaman berbillion ringgit yang diberikan oleh BMF di Hong Kong. Apabila skandal pinjaman BMF diketahui buat kali pertamanya para Menteri telah memberi berbagai-bagai alasan untuk justifykan mengapa mereka membisu. Seperti betapa perlunya dipelihara keyakinan orang ramai terhadap community banking kerana Bank

Bumiputra merupakan sebuah premier bank dalam negara bahawa Menteri-menteri tidak mempunyai apa-apa kawalan ke atas pinjaman-pinjaman yang diberikan oleh BMF di Hong Kong, kerana perkara tersebut harus dikendalikan oleh pihak-pihak berkuasa di Hong Kong sungguhpun ada parcel agreement dan juga jawapan Yang Berhormat Menteri Kewangan kepada soalan saya dalam Parlimen yang beliau tidak dapat berkata apakah kerugian yang ditanggung akibat pinjaman-pinjaman yang diberikan oleh BMF kerana akaun-akaun tersebut untuk tahun 1982 masih sedang diauditkan.

Pembunuhan ngeri pegawai Bank Bumiputra, Allahyarham Jalil Ibrahim di Hong Kong Selasa lalu di mana Allahyarham telah ditugaskan untuk menghadapi pinjaman-pinjaman yang diberikan oleh BMF, fiasco sidang akhbar Bank Bumiputra yang cuba menyelubungi dan bukan mendedahkan kedudukan yang sebenarnya. Kegagalan Bank Bumiputra dan pihak BMF untuk bertindak terhadap laporan-laporan yang spesifik yang dibuat oleh akhbar-akhbar antarabangsa khususnya akhbar *Asian Wall Street Journal* keluaran pada 18-19hb Mac di mana akhbar-akhbar tersebut telah menyebut nama pegawai-pegawai Bank Bumiputra dan BMF yang telah menerima cek-cek bernilai \$1 juta yang dimasukkan dalam syarikat-syarikat persendirian mereka sebelum pinjaman-pinjaman BMF diluluskan dan kesemuanya ini telah mempincangkan keyakinan orang ramai ke dalam kewibawaan dan integriti, keupayaan mereka yang bertanggungjawab atas perkara banking dan kewangan di Malaysia atau custodian of banking and finance di Malaysia. Saya ingin menyeru Perdana Menteri supaya memberi satu gambaran yang jelas tentang pinjaman-pinjaman yang diberikan oleh BMF serta menyatakan secara awam jumlah pinjaman yang

sebenarnya diberikan oleh BMF kepada Carrian Group, Eda Investment dan Kevin Hsu di Hong Kong. Apakah peratus pinjaman-pinjaman tersebut yang dijangka boleh didapati balik dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap pegawai-pegawai yang telah cuai dalam transeksi pinjaman-pinjaman tersebut?

Memandangkan Kerajaan telah umumkan akan menyokong penuh Bank Bumiputra, kenyataan yang terus-terang mengenai masalah-masalah BMF tidak akan mempunyai apa-apa kesan yang buruk tetapi secara positif memulihkan keyakinan orang ramai dalam integriti dan kewibawaan sistem pada keseluruhannya. Kiranya pihak Eksekutif dan Jemaah Menteri tidak mahu menghormati prinsip accountability dalam hal-hal pinjaman yang diberikan oleh BMF maka Parlimen hendaklah menguatkuasakan atau menginvoke hak dan kuasanya untuk mendesak supaya satu accountability diberi. Di sini Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara haruslah memikulkan tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya oleh Parlimen untuk menjadi satu watchdog Parlimen ke atas wang-wang awam dan memanggil pegawai-pegawai Bank Bumiputra dan BMF ke hadapannya dan meminta kertas-kertas dan rekod-rekod untuk membolehkannya melaporkan kepada Parlimen atas skandal pinjaman BMF itu.

PAC hendaklah dengan sedaya upayanya melaporkan kepada Parlimen mengenai latar belakang taraf dan akibat pinjaman-pinjaman yang diberikan oleh BMF. Siasatan ke atas tuduhan-tuduhan yang spesifik yang dibuat oleh akhbar-akhbar antarabangsa terhadap pegawai-pegawai Bank Bumiputra dan BMF yang mereka telah menerima melalui syarikat-syarikat persendirian mereka cek-cek bernilai berjuta-juta ringgit

sebelum pinjaman-pinjaman BMF itu diluluskan. Menyiasat sama ada tambahan tabung pemegang saham Bank Bumiputra sebanyak \$600 juta dari \$476 juta kepada \$1,076 juta yang digunakan pada keseluruhannya untuk menyelamatkan BMF akibat pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan oleh BMF di Hong Kong dan sebagainya.

Sekiranya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersedia menarik balik usul ini untuk memberi masa yang lebih kepada Kabinet dan Parlimen untuk menimbang sama ada bukannya sampai masanya untuk PAC memainkan satu peranan yang agresive dan relevant, maka saya secara formal mengemukakan pindaan yang berikut kepada usul yang dibentangkan di hadapan kita. Pindaan saya berbunyi:

“Memotong titik (.) yang terdapat di hujung usul tersebut dan menggantikan dengan koma (,); noktah (.) dan menambahkan perkataan-perkataan—

Di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 77, Fasal kecil (d) mengarah Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara untuk menyiasat transeksi-transeksi pinjaman yang diberikan oleh BMF di Hong Kong dan melaporkan kepada Parlimen.”.

Tuan Yang Dipertua, akan tetapi sekiranya Kerajaan bersedia menubuhkan sebuah Suruhanjaya Siasatan ke dalam skandal pinjaman yang diberikan oleh BMF maka saya bersedia menarik balik usul pindaan ini dengan syarat bahawa hasil suruhanjaya tersebut diumumkan kepada orang ramai. Pengerusi dan Naib Pengerusi PAC hendaklah terdiri dari orang-orang yang tidak takut dalam menjalankan tugas-tugas yang diamanahkan kepada mereka oleh Parlimen, atau dengan izin, step on the toes of Menteri-menteri ataupun pihak-pihak eksekutif kerana takut

peluang mereka untuk dinaikkan pangkat politik akan hilang. Inilah sebabnya mengapa sudah menjadi satu konvensyen Parlimen di negara-negara lain bahawa seorang Ahli Pembangkang dilantik menjadi Pengerusi PAC.

**Ahli-ahli Yang Berhormat:** Hoo!

**Tuan Lim Kit Siang:** \$2,000 juta tidak hoo! Akhirnya, saya difahamkan Yang Berhormat Lim Liang Seng baharu-baharu ini telah dilantik sebagai Pembantu Khas kepada Timbalan Presiden MCA merangkap Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat. Peraturan Majlis Mesyuarat 77 (4) dengan jelasnya melarang seorang Menteri menjadi ahli PAC kerana sekiranya ia dilantik, ia akan menjadi pendakwa, si tuduh dan hakim. Begitu juga, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen malah Setiausaha-setiausaha Politik dan Pembantu Khas kepada Menteri-menteri tidak seharusnya dilantik menduduki dalam jawatankuasa tersebut kerana mereka adalah direct creatures Menteri berkenaan dan tentulah tidak boleh diduga boleh menegaskan kepentingan Parlimen ke atas taatsetiaan mereka kepada superior politik mereka yang menjadi seorang Menteri baik pun sebagai Pembantu Khas kepada jawatan politik dalam MCA atau UMNO. Dan kalau saya tidak silap dalam surat khabar pagi ini, YAB Perdana Menteri ada berkata bahawa akan kemukakan pindaan kepada Perlembagaan supaya bukan sahaja Menteri, tetapi Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen boleh mengemukakan Rang Undang-undang di dalam Parlimen ini. Saya rasa ini satu prinsip yang mustahak.

Sekiranya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak sanggup menarik balik usul ini supaya lebih masa diadakan untuk menumpukan fikiran atas perkara ini, maka saya berharap sekurang-kurangnya beliau

akan menerima prinsip bahawa tidak seharusnya wujud sebarang konflik kepentingan berkait dengan Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen, Setiausaha-setiausaha Politik ataupun Pembantu Khas kepada seorang Menteri baik pun dalam capacity politik atau capacity Parlimen supaya tidak ada satu conflict of interest dan seorang Naib Pengerusi baharu dicalonkan.

Dan dengan ini, saya dengan rasmi mengemukakan cadangan pindaan kepada usul ini selain daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri rela untuk sementara tarik balik usulnya supaya boleh Parlimen menumpukan fikiran dalam perkara yang begitu mustahak.

4.13 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan Yang Berhormat dari Kota Melaka. Cadangannya ialah supaya Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dapat mengkaji dan menyiasat suatu skandal yang melibatkan bank yang terbesar di negara ini iaitu Bank Bumiputra yang mempunyai harta bersih (net asset) \$6 billion; satu jumlah wang yang besar dengan rangkaian kewangannya yang luas.

**Perdana Menteri:** (*Bangun*).

**Tuan Yang Dipertua:** On a point of order?

**Perdana Menteri:** On a point of order. Tuan Yang Dipertua, usul yang ada di hadapan kita ialah berkenaan dengan PAC (Public Accounts Committee) dan bukan berkenaan dengan masalah Bumiputra Finance Company di Hong Kong. Walaupun saya tidak ingin membangkitkan masalah Ahli Yang Berhormat yang mencadang ini bercakap lebih banyak berkenaan dengan masalah yang lain daripada tajuk tetapi nampaknya

seolah-olah kita sekarang ini membahar berkenaan dengan soal Bumiputra Finance. Kalau hendak mencadangkan berkenaan dengan Bumiputra Finance bolehlah dicadangkan pada masa yang lain. Tetapi masa sekarang ini kita membahar berkenaan dengan usul yang saya kemukakan dan kalau Ahli Yang Berhormat bercakap juga berkenaan dengan masalah lain, saya berpendapat bahawa ini bercanggah dengan Standing Orders yang ada sekarang.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang Dipertua. . . . .

**Tuan Yang Dipertua:** Nanti sekejap. Ada satu teguran yang mengatakan perbincangan yang telah pun dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka keluar daripada usul, iaitu usul ini ialah melantik dua orang, seorang menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dan seorang lagi menjadi Naib Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Jikalau sekiranya kita hendak bincangkan berkenaan dengan kedudukan Bank Bumiputra Finance, pada fikiran saya, sudah terkeluar daripada usul. Yang demikian, saya memberi keputusan bahawa bersangkutan dengan Bank Bumiputra Finance itu terkeluar daripada usul.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang Dipertua, adakah pindaan saya diterima, oleh kerana ini bukan satu perbahasan mengenai Bank Bumiputra Finance tetapi oleh kerana ada satu usul mengenai PAC bahawa PAC patut ada satu terms of reference untuk menyasiat dan memeriksa masalah-masalah BMF—bukan satu perbahasan atas BMF.

**Tuan Yang Dipertua:** Pada fikiran saya, kalau sekiranya hendak buat satu usul berbangkit dengan Bank Bumiputra Finance ini patut diadakan satu usul yang lain dengan kerana apa

yang kita berkehendakkan ini sekarang ialah kehendak syarat Peraturan Mesyuarat 82 (2) iaitu hendak melantik seorang Pengerusi dan Timbalan Pengerusi. Itu sahaja. Jikalau sekiranya kita beri tugas asing pula iaitu hendak menyasiat berkenaan dengan pinjaman yang telah diberikan oleh Bank Bumiputra Finance itu, itu ialah satu usul yang lain yang tidak berbangkit dengan usul yang ada di hadapan kita sekarang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang Dipertua, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri rela untuk tetapkan masa untuk satu perbahasan khas atas BMF, bukan sahaja bercakap untuk lain masa dan untuk lain kali?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang Dipertua, bukanlah untuk saya hendak menentukan sama ada boleh dibahas atau tidak. Ahli Yang Berhormat ini ada dalam Dewan ini sekian lama dan tahu bahawa dianya boleh membawa usul dan terpulanglah kepada Tuan Yang Dipertua menentukan sama ada usul itu boleh dibahas atau tidak, bukan saya yang menentukan (*Tepuk*).

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu tugas Tuan Yang Dipertua, untuk tetapkan boleh atau tidak boleh dibahas, tetapi terpulang kepada Kerajaan, khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mahu atau tidak mahu tetapkan masa untuk perbahasan, itu terpulang kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, atau takut (*Ketawa*).

**Tuan Yang Dipertua:** Pada fikiran saya, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka boleh minta kebenaran ataupun menghantar permohonan usul-usul kepada Parlimen dan Parlimen akan membentangkan kepada Majlis Mesyuarat sebagaimana yang dikehendaki oleh Peraturan Mesyuarat. Jadi, tidaklah patut ia meminta kepada mana-mana Menteri

menentukan masa untuk hendak membincangkan satu-satu benda, itu hak dia sendiri, dia boleh minta kepada Parlimen. Yang demikian, saya menolak permohonannya untuk meminda usul yang asal itu.

4.19 ptg.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed (Pasir Puteh):** Tuan Yang Dipertua, nampaknya makin lama kita berada dalam Parlimen, makin tidak faham undang-undang Parlimen.

Bagi saya, Tuan Yang Dipertua, saya menyokong usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melantik Pengerusi dan Naib Pengerusi PAC. Cuma berbangkit daripada dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bahawa PAC ini tidak berkesan. Tidak berkesan ini kemungkinan adanya Ahli-ahli Pembangkang dalam PAC ini. Oleh itu, saya mencadangkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya melantik semuanya daripada Ahli-ahli Barisan Nasional menduduki PAC itu supaya PAC ini akan lebih berkesan lagi. Sebab utamanya saya mencadangkan ini kerana falsafah Pembangkang ini dan juga konsep Pembangkang ini hanya membangkang dan segala keburukan akan ditimbulkan dan dibesar-besarkan, bukan tujuan untuk membaiki atau membetulkan kewangan negara, tetapi matlamat kita menubuhkan PAC ini adalah untuk membetulkan kewangan negara dan untuk mencari kebaikan dari segi peruntukan perbelanjaan dan sebagainya. Jadi dengan adanya Pembangkang ini kita tidak dapat berterus-terang menyatakan kelemahan kita kerana ini akan jadi modal kepada Pembangkang. Sebab itulah saya mencadangkan Ahli-ahli PAC ini diberi kepada semua daripada Ahli-ahli Barisan Nasional.

Selain daripada itu, saya rasa pihak yang ditimbulkan oleh Wakil dari

Kota Melaka tadi, sebenarnya sebagaimana yang disebutkan tadi telah tak tahu Peraturan dan Undang-undang. Sebenarnya sesuatu perkara di dalam penyiasatan, di dalam proses perakaunan dan juga satu-satu badan. . . . .

**Dr Tan Seng Giaw: (Bangun).**

**Tuan Yang Dipertua:** Point of order!

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Saya tak benar, Tuan Yang Dipertua.

**Tuan Yang Dipertua:** Nanti, jikalau sekiranya Yang Berhormat hendak berkata on a point of order, boleh Yang Berhormat itu duduk.

**Dr Tan Seng Giaw:** Minta jalan!

**Tuan Yang Dipertua:** Minta jalan.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Saya tak beri jalan.

**Tuan Yang Dipertua:** Tak beri jalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** On a point of order, Tuan Yang Dipertua, 82. Orang yang kata bahawa sudah lama di Parlimen tak tahu apa peraturan-peraturan dalam Parlimen itulah Yang Berhormat dari Pasir Puteh. Peraturan 82 mengenai menubuhkan Jawatankuasa Pilihan, termasuk PAC ada memperuntukkan bahawa pemilihan. . . . .

**Tuan Yang Dipertua:** 82 (1)!

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, 82 (1). Terima kasih, Tuan Yang Dipertua (Ketawa). “. . . . .seberapa bolehnya tiap-tiap Jawatankuasa Pilihan hendaklah ditubuhkan supaya terbayang di dalamnya kadar parti masing-masing dalam Majlis”. Ini ada dalam Peraturan Mesyuarat, dia tak tahu, dia tak pernah baca Peraturan Mesyuarat. Itu semua tahulah.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Tuan Yang Dipertua, rupanya dia pun tak tahu juga (*Ketawa*). Jadi kalau sama-sama dia tak tahu nampaknya dia lebih tak tahu (*Ketawa*).

Tuan Yang Dipertua, sebenarnya saya mencadang dan sekiranya patut ada pindaan buatlah pindaan oleh pihak Kerajaan. Saya mencadangkan sesuatu itu supaya buat pindaan kerana nampaknya katanya tak berkesan, jadi kalau kita ubah cara supaya lebih berkesan. Itulah maksud saya daripada apa yang saya timbulkan tadi. Maksud saya, saya sambung ucapan saya tadi, perkara belum selesai dalam penyiasatan hendak diminta supaya PAC menyiasat benda itu. Nampaknya begitu besar beban yang diberi kepada PAC dan kalau begitu besar beban diberi kepada PAC, maka elau kepada Pengerusi ini hendaklah diberi elaun tetap—\$7,000 kah sebulan—supaya mereka ini dapat menjalankan tugas yang lebih baik kerana. . . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*).

**Tuan Yang Dipertua:** Minta apa, minta jalankah? Sila sebutkan.

**Dr Tan Seng Giaw:** 36 (1). "Seseorang Ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja". (*Ketawa*)

**Tuan Yang Dipertua:** Saya ingat dia menghadkan kepada perkara yang dibincangkan, minta gaji kepada Pengerusi itu sebanyak \$7,000 dan tidak terkeluar daripada usul.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Ya, Tuan Yang Dipertua, saya sokong.

Sebenarnya maksud saya tanggungan yang begitu berat hendak dibebankan kepada PAC adalah tidak menasabah dan juga PAC ini dilantik sebagai mewakili Parlimen dan

dijalankan secara sukarela atau secara yang tidak memberi satu beban yang berat untuk menyiasat sesuatu kes sebagaimana yang berlaku yang dibangkitkan oleh Wakil dari Kota Melaka tadi. Jadi janganlah Wakil dari Kota Melaka menjadikan PAC ini merupakan satu publisiti murah bagi mendapat gambaran. Saya minta lagi satu, Tuan Yang Dipertua, supaya ucapan daripada Ketua Pembangkang berkenaan dengan Bank Bumiputra tadi tidak akan direkod dan diberi publisiti dan tidak dibenarkan kerana benda itu tak berkaitan dengan cadangan yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang Dipertua:** Pada fikiran saya, tidak ada kuasa untuk saya di dalam Peraturan Mesyuarat hendak berbuat demikian. Ada yang lain-lain hendak bercakap? Tak ada. Jemput Yang Amat Berhormat.

**Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membuat cadangan untuk meminda ataupun menanggukkan usul yang dibawa oleh saya ini. Saya telah dengar dengan teliti hujah-hujah yang dibawa olehnya dan bolehlah dikatakan bahawa  $\frac{2}{3}$  ataupun  $\frac{3}{4}$  daripada apa yang diperkatakannya tidak ada kena-mengena sama sekali dengan perlantikan yang dicadang dalam usul ini. Tetapi Kerajaan berpendapat bahawa mereka ingin mendapat peluang membuat ucapan-ucapan dan kalau tak ada peluang pun hendak diadakan juga peluang, kita tak begitulah hendak sekat mereka daripada menggunakan peluang ini walaupun secara yang tidak diizinkan oleh Peraturan-peraturan Mesyuarat. Malangnya di antara Aturan Peraturan-peraturan Mesyuarat yang dibelakangkan dalam ucapannya ialah satu insinuation, iaitu ada orang-orang

daripada pihak Kerajaan ini yang tidak mahu membuat teguran kerana takut peluang-peluang naik pangkat mereka terjejas, ini adalah satu insinuation dan insinuation yang seperti ini tidaklah patut dibuat di dalam Dewan yang mulia ini.

Sebenarnya, saya juga boleh membuat insinuation bahawa Ahli Yang Berhormat itu bercakap bukan kerana ingin memperbaiki keadaan yang buruk, tetapi semata-mata kerana hendak political mileage, (*Tepuk*) dengan izin. Jadi kalau ada sahaja peluang hendak bercakap, maka timbullah perkara-perkara ini seolah-olah hendak betulkan perkara yang buruk, seolah-olah dengan cara yang dicadangkan itu maka masalah yang timbul daripada kegiatan Bank Bumiputra ini dapat diatasi, tetapi sebenarnya tidak ada niat sama sekali untuk mengatasi masalah Bank Bumiputra tetapi cuma ingin mengadakan satu skandal supaya daripada skandal ini dapatlah keuntungan politik bagi dirinya. Ini saya minta izin Tuan Yang Dipertua kerana dia membuat insinuation, saya tit for tat sahaja, jadi satu sama satu sahajalah, sekarang ini sudah dineutralised (*Ketawa*).

Tuan Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat berkata bahawa PAC ini membuat kajian berkenaan dengan laporan-laporan yang out-dated. Saya mengaku dahulu mungkin ada perkara ini berlaku tetapi Kerajaan telah menegaskan bahawa segala kira-kira yang dibuat oleh Kerajaan mesti disediakan dalam jangka masa tidak lebih daripada 6 bulan dan oleh kerana itu sekarang ini kita dapati bahawa hampir semua daripada kira-kira yang dikemukakan adalah kira-kira yang latest atau terakhir sekali dan ini pun akan diperbetulkan lagi kalau kita ingin membetulkannya, tetapi kita tidak ingin mendapat keuntungan politik daripadanya. Pihak Kerajaan sanggup mengambil apa juga tindakan kalau ini dikehendaki oleh Ahli Yang

Berhormat dari Kota Melaka supaya kita tidak out-dated, tetapi on time selalu.

Tuan Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat juga berkata bahawa tidak ada siapa pun yang berminat dengan laporan daripada PAC ini kerana sudah usang, sudah lama, sudah "musty", katanya. Tetapi kalau kita menoleh ke belakang kita tentu ingat bahawa tak berapa lama dahulu PAC ini menarik begitu banyak perhatian di dalam akhbar sehingga tiap-tiap hari kita tak baca lain, melainkan laporan berkenaan dengan teguran-teguran yang dibuat oleh PAC pada ketika itu dan di antara mereka yang amat tertarik sekali dengan teguran PAC ialah Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sendiri.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang Dipertua, itu bukan Laporan PAC, itu Laporan Ketua Audit Negara. Itulah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah silap.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang Dipertua, saya tidak silap, itu ialah laporan daripada PAC yang mana Pengerusinya pada ketika itu ialah seorang yang selepas itu dilantik menjadi Setiausaha Parlimen dan sekarang ini telah tidak lagi menjadi Setiausaha Parlimen, iaitu Ahli dari Mantin, Datuk Lee Boon Peng namanya dan di waktu dia dan Encik Bakri menjadi Ahli dalam PAC maka laporan-laporan yang dibuat berkenaan dengan PAC amat menarik sekali dan menarik hati Yang Berhormat sendiri dan rakan-rakannya. Jadi, tidaklah benar kata-katanya dalam ucapan yang panjang lebar yang disampaikan olehnya tadi bahawa segala prosedur PAC ini tidak menarik sekali.

Tuan Yang Dipertua, sebenarnya PAC ditubuh sebagai sebuah Jawatankuasa Dewan. Jawatankuasa Dewan mempunyai satu peranan yang berbeza dengan Jabatan-jabatan

Kerajaan. Jawatankuasa Dewan dikehendaki menyelidik, mengikut kuasa yang diberi kepadanya iaitu mereka boleh meminta maklumat daripada Jabatan-jabatan ataupun daripada pegawai-pegawai yang dianggap oleh mereka sebagai perlu dalam penyelidikan mereka. Cara seperti ini diamalkan oleh hampir semua Jawatankuasa-jawatankuasa Majlis Mesyuarat di negara-negara lain, termasuk juga di Amerika Syarikat yang mana Congressional Committees amatlah terkenal, mereka boleh menjemput walaupun Presiden untuk menghadapi mereka tetapi mereka tidaklah ditubuh sebagai satu jabatan yang mempunyai kakitangan yang lengkap yang membuat penyelidikan mereka sendiri, yang mengadakan orang-orang tertentu, pegawai-pegawai tertentu untuk melakukan segala urusan pentadbiran seperti Jabatan-jabatan Kerajaan.

Dalam bidang mengawasi kira-kira yang disimpan oleh Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan kita telah mengadakan satu Auditor-General dengan cukup kakitangan dan pejabatnya dan tugas Auditor-General ini ialah memeriksa dengan detail segala Kira-kira Wang Negara dan merekalah yang sebenarnya bertanggungjawab berkenaan dengan pemeriksaan secara detail. Pihak PAC ini boleh menjemput siapa sahaja untuk memberi laporan ataupun untuk diperiksa oleh mereka dan jika mereka tidak puas hati, mereka boleh membuat laporan kepada Dewan ini. Sudah tentu apa juga laporan yang disampaikan kepada Dewan ini akan juga disampaikan kepada rakyat melalui akhbar-akhbar, melalui lain-lain media dan sudah tentu melalui Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Parti Pembangkang. Jadi, nampaknya peranan PAC ini amat penting sekali dalam bentuk yang diannya sekarang kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sendiri dan rakan-rakannya dan tidaklah benar bahawa

katanya falsafah PAC tidak kena dan perlu dipinda. Sebenarnya ini cuma dibawa untuk banyak lagi political mileage yang boleh didapati daripada cadangan untuk meminda Usul saya ini.

Tuan Yang Dipertua, memandang kepada cadangan ini sebagai satu cadangan yang tidak sebenarnya bertujuan untuk meminda, tetapi untuk mendapat peluang membuat ucapan, saya menolak cadangan ini dan saya teruskan dengan Usul yang telah saya kemukakan.

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 82 (2), Y.B. Tuan Daud bin Dato' Haji Taha dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dan Y.B. Tuan Lim Liang Seng dilantik menjadi Naib-Pengerusi Jawatankuasa tersebut bagi baki tempoh Parlimen Yang Keenam.

## RANG UNDANG-UNDANG PATEN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.35 ptg.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Oo Gin Sun):** Tuan Yang Dipertua, saya mohon cadangan bahawa Rang Undang-undang Paten 1983 dibaca kali yang kedua.

Tuan Yang Dipertua, Paten ialah suatu perkara di bawah "Federal List" dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Negara. Pada masa sekarang ada tiga undang-undang berkenaan Paten yang dikuatkuasakan



iaitu "Registration of United Kingdom Patents Act 1951" (Revised 1978) untuk Semenanjung Malaysia, "Registration of United Kingdom Patents Ordinance Chapter 125" untuk Sabah dan "Registration of United Kingdom Patents Ordinance Chapter 61" untuk Sarawak. Kedua-dua undang-undang yang berkuatkuasa di Sabah dan Sarawak telah dijadikan undang-undang Federal apabila Malaysia ditubuhkan dan kemudian dipinda untuk melanjutkan kuasa-kuasa Menteri Persekutuan kepada kedua-dua negeri tersebut dalam hal Paten.

Tuan Yang Dipertua, Paten adalah suatu hak yang diberi kepada pencipta-pencipta sesuatu barang atau proses yang baru. Buat masa ini semua tuanpunya Paten yang inginkan perlindungan di negara ini dikehendaki terlebih dahulu membuat permohonan di pejabat Paten di United Kingdom. Proses pemeriksaan dan carian (examination and search) akan dikenakan ke atas semua permohonan bagi menentukan keaslian semua ciptaan-ciptaan yang ingin didaftarkan. Proses carian ini adalah dibuat mengikut kelas tertentu bagi ciptaan-ciptaan tersebut. Ini ialah untuk menentukan bahawa barang atau proses yang baru dicipta itu betul-betul ciptaan baru dan boleh digunakan bagi industri-industri tertentu. Peraturan ini bukan sahaja memakan masa yang panjang tetapi juga memerlukan perbelanjaan yang banyak. Nyatalah peraturan ini tidak memuaskan dan cara ini juga tidak menggalakkan pengusaha-pengusaha tempatan dan juga asing untuk berminat bagi menjalankan aktiviti mencipta rekacipta di negara ini. Ini merugikan negara kita oleh kerana tidak berusaha mengeluarkan teknologi sendiri dan terpaksa mengimport teknologi yang mahal dari luar negeri. Teknologi yang diimport kadangkala tidak beberapa sesuai untuk digunakan di negara ini. Sistem

pentadbiran Paten di Malaysia adalah kurang memuaskan kerana:

- (a) ada tiga sistem pendaftaran yang berasingan termasuk tiga daftar berasingan untuk paten yang disimpan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak di bawah Undang-undang Paten masing-masing; dan
- (b) untuk mendapatkan perlindungan paten bagi seluruh Malaysia seseorang itu terpaksa membuat tiga permohonan berasingan di bawah tiga undang-undang dan ini menyebabkan kesusahan kepada si pemohon.

Tuan Yang Dipertua, dengan adanya beberapa kekurangan yang terdapat di dalam Peraturan-peraturan serta keadaan yang tidak memuaskan itu, dan selaras dengan hasrat negara-negara yang sedang membangun inginkan kemajuan teknologi yang sama taraf dengan negara-negara maju, suatu Jawatankuasa telah ditubuhkan yang dianggotai oleh wakil-wakil dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara, Instituit Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM), Peguam Negara dan beberapa Bahagian yang terlibat dengan teknologi dan paten di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Kajian yang teliti telah dibuat oleh ahli-ahli Jawatankuasa ini untuk menyediakan Rang Undang-undang ini. Panduan-panduan dari beberapa Akta Paten yang sedia ada seperti Undang-undang Paten United Kingdom, Australia, Sri Lanka, Thailand dan Jepun telah juga dikaji. Pandangan dan pendapat badan antarabangsa yang bertanggungjawab ke atas Paten yakni World Intellectual Property Organisation (WIPO) telah

diperolehi. Begitu juga pendapat sektor swasta yang berminat tentang paten telah diperolehi.

Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang Paten, 1983 ini, mengandungi peruntukan-peruntukan yang sesuai dan praktikal untuk dilaksanakan. Di samping itu juga, ia mengekalkan prinsip-prinsip asas pendaftaran, perlindungan dan amalan-amalan Paten yang terdapat di semua Akta Paten yang ada di negara-negara lain. Rang Undang-undang ini adalah juga bertujuan untuk:

- (a) menyatakan dan menyamakan ketiga-tiga Undang-undang Paten yang ada sekarang yang berkuatkuasa di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dengan diwujudkan satu undang-undang sahaja;
- (b) mengadakan suatu sistem Pendaftaran Pusat untuk paten di mana suatu pendaftaran sahaja akan memberi perlindungan dan hak di seluruh negara kepada sesuatu permohonan yang telah diluluskan;
- (c) menubuhkan Pejabat Pendaftaran Paten di Kuala Lumpur yang juga Urusetia Lembaga Paten seperti yang disebutkan di bawah Akta ini. Pejabat Pendaftaran Paten akan mengadakan perkhidmatan maklumat paten di mana orang awam boleh mendapatkannya dengan cara membayar fee;
- (d) menghapuskan peruntukan-peruntukan yang berbentuk kolonial di mana pendaftaran terpaksa diperolehi di Pejabat Paten di United Kingdom yang sudah menjadi "lapuk" dan tidak sesuai atau menasabah di zaman ini, di samping

mengadakan peruntukan-peruntukan baru yang sesuai dengan aliran-aliran sekarang tentang pendaftaran paten.

Di antara peruntukan-peruntukan yang penting di dalam Rang Undang-undang ini ialah seperti berikut:

### *Bahagian II (Seksyen 4-7)*

#### *Lembaga Paten*

Bahagian ini memperuntukkan penubuhan Lembaga Paten. Anggotanya akan dilantik oleh Menteri. Menteri juga diberi kuasa melantik anggota silihganti bagi menggantikan mana-mana anggota Lembaga yang tidak dapat menghadiri mesyuarat. Tujuan penubuhan Lembaga Paten ini ialah untuk menjalankan tugas-tugas tertentu dan menasihatkan Menteri mengenai perkara-perkara berhubung dengan Akta ini. Dengan adanya Lembaga Paten ini semua kelulusan akan dapat dibuat dengan adilnya oleh kerana pertimbangan akan dibuat oleh anggota yang datang dari berlainan agensi dan bidang tugas.

### *Bahagian III (Seksyen 8-10)*

#### *Pentadbiran*

Peruntukan-peruntukan di bawah bahagian ini adalah mengenai pentadbiran. Menteri diberi kuasa melantik seorang Pendaftar Paten yang akan menguruskan segala perkara yang berhubung dengan Paten. Dalam hal ini Menteri boleh memberi kepada Pendaftar apa-apa arahan yang selaras dengan peruntukan-peruntukan Akta mengenai perjalanan dan pelaksanaan kuasa dan fungsi berhubung dengan Akta ini. Menteri diberi kuasa melantik beberapa orang Timbalan Pendaftar Paten dan beberapa orang Penolong Pendaftar Paten untuk membantu Pendaftar menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Akta ini.

*Bahagian IV, V dan VI (Seksyen 11-15)*

*Rekacipta-rekacipta Paten, Hak-hak Paten Permohonan, Prosedur Bagi Pemberian dan tempoh masa Paten*

Ketiga-tiga Bahagian ini memperuntukkan aspek-aspek teknikal dari segi rekacipta-rekacipta yang boleh dianggap sebagai Paten dan rekacipta-rekacipta yang tidak boleh dianggap sebagai Paten. Hak-hak Paten adalah dipunyai oleh perekacipta dan boleh dipunyai dengan bersendirian atau dengan orang lain (joint-owners) dan peruntukan cara bagaimana orang-orang boleh membuat permohonan paten dan cara-cara paten tersebut boleh dipunyai. Bahagian VI pula memperuntukkan cara permohonan, prosedur pemberian paten dan tempoh masa paten. Menteri diberi kuasa untuk membuat peraturan-peraturan untuk tujuan tersebut. Bayaran adalah dikenakan bagi tiap-tiap permohonan. Tugas memproses permohonan adalah di tangan Pendaftar. Kuasa-kuasa diberi kepada Pendaftar bagaimana tugas-tugas memproses permohonan tersebut harus dilakukan. Kuasa sama ada pemberian diluluskan atau tidak adalah juga di tangan Pendaftar. Dalam menjalankan tugas-tugas tersebut Pendaftar dikehendaki menyelenggarakan satu daftar yang dipanggil—Daftar paten dalam mana semua pemberian Paten akan direkodkan mengikut susunan pemberian, dengan menetapkan bilangan paten, nama dan alamat si pemohonnya dan sebagainya. Tempoh masa paten ialah selama 15 tahun bagi permohonan yang dipohon di bawah Akta ini dan 20 tahun bagi permohonan yang dibuat di bawah Undang-undang yang dimansuhkan.

*Bahagian VII (Seksyen 36-38)*

*Hak-hak Pemunya Paten—*

Peruntukan di bahagian ini menerangkan apa-apa hak-hak dan

pembatasan terhadap hak-hak tersebut. Pemunya sesuatu Paten adalah diberi hak-hak eksklusif:

- (i) untuk mengeksploit rekacipta;
- (ii) untuk menyerahkan hak;
- (iii) untuk memindah paten itu; dan
- (iv) mengujudkan kontrak-kontrak lesen (licence contracts).

Tuan Yang Dipertua, seterusnya di Bahagian VIII, IX dan X diperuntukkan cara-cara bagaimana penyertaan dan pemindahan paten-paten dibuat dan Pendaftar diberi kuasa untuk menentukan sama ada permohonan diluluskan atau tidak. Bagi kontrak-kontrak lesen pula, Menteri diberi kuasa membuat peraturan-peraturan tertentu bagi membolehkan lesen-lesen tersebut dimasukkan ke dalam daftar paten. Kuasa meluluskan atau sebaliknya diberi kepada Pendaftar. Begitu juga dengan peruntukan yang menerangkan apa yang dimaksudkan dengan "compulsory licence" dan cara bagaimana seseorang itu boleh mendapatkan "compulsory licence" di bawah Akta ini. Kuasa membuat peraturan adalah diberi kepada Menteri sementara kuasa untuk meluluskan atau sebaliknya diberi kepada Pendaftar.

*Bahagian XI (Seksyen 55-57)*

*Penyerahan dan Pembatalan Paten*

Tuanpunya paten boleh menyerahkan hak-hak paten dan bagaimana hak-hak tersebut boleh dibatalkan adalah diperuntukkan di dalam bahagian ini. Penyerahan adalah dibuat kepada Pendaftar dan pembatalan pula adalah melalui Mahkamah Tinggi atas permohonan seseorang yang haknya dilanggar.

Seterusnya Bahagian XII memperuntukkan perkara-perkara

yang boleh melanggar hak-hak tuannya paten.

Tuan-punya Paten boleh mengambil tindakan Mahkamah terhadap sesiapa yang melanggar hak-haknya sebagai tuannya paten. Mahkamah boleh memberi pampasan kepada tuannya dan mengenakan "injunction" terhadap orang yang telah melanggar hak tersebut.

(Timbalan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Bahagian XIII pula memperuntukkan kesalahan-kesalahan yang diujudkan di dalam Akta ini. Hukuman kepada kesalahan adalah denda tidak melebihi \$15,000 atau penjara tidak lebih dari dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Bahagian XIV seterusnya memperuntukkan kuasa berhubung dengan Penguatkuasaan. Menteri adalah diberi kuasa oleh Akta ini untuk memberi kuasa bertulis kepada mana-mana pegawai awam untuk menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta ini. Di antara kuasa-kuasa yang boleh dijalankan oleh pegawai-pegawai awam yang diberi kuasa oleh Menteri ialah:

- (a) kuasa untuk menangkap tanpa waran;
- (b) mengelidiah (search) rumah kediaman, kedai, bangunan-bangunan dan sebagainya. Tetapi kuasa ini hanya boleh dilakukan setelah mendapat waran daripada Majistret;
- (c) kuasa membuat penyiasatan yang sama seperti diberi kepada pegawai-pegawai Polis di bawah Kanun Acara Jenayah;
- (d) kuasa untuk menjalankan pendakwaan adalah diperuntukkan di bahagian ini supaya dibicarakan di Mahkamah Rendah. Ini bermakna perbicaraan boleh

dilakukan di Mahkamah Majistret atau Mahkamah Tinggi.

Bahagian yang terakhir sekali iaitu Bahagian XV memperuntukkan perkara-perkara am termasuk hak-hak Kerajaan di seksyen 84 di mana diperuntukkan sama ada Kerajaan Persekutuan atau Negeri atau Kementerian atau Jabatan Kerajaan atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Kerajaan mempunyai hak untuk menggunakan hak-hak yang didaftar paten tanpa melanggar apa-apa peruntukan di dalam Akta ini.

Seksyen 87 memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat apa-apa peruntukan peraturan-peraturan yang perlu untuk memastikan kehendak-kehendak Akta ini dapat dijalankan dengan sempurna.

Sementara seksyen 88 membuat peruntukan untuk rayuan oleh seseorang yang tidak berpuas hati terhadap keputusan atau perintah-perintah tetap.

Bagi mengakhiri ucapan, saya inginlah menegaskan bahawa sudah sampai masanya bagi negara ini untuk mengwujudkan Undang-undang Paten, peraturan dan pentadbiran Paten kita sendiri semoga penciptaan teknologi mesin dan proses di dalam negeri dapat digalakkan.

Saya berharap ahli-ahli saintis Malaysia dan pencipta-pencipta menyahut seruan Kerajaan untuk mencipta teknologi yang indigenous bagi Malaysia.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin):** Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis dibacakan kali yang kedua

sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas.

4.55 ptg.

**Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas):** Tuan Yang Dipertua, saya mohon untuk mengambil bahagian bagi menyokong Rang Undang-undang Paten, 1963.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyokong Rang Undang-undang yang dibawa oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan Rang Undang-undang Paten, 1983. Dengan wujudnya Rang Undang-undang ini bermakna negara kita telah melangkah selangkah ke hadapan di dalam mempertingkatkan imej negara di mata masyarakat dunia.

Menerusi Rang Undang-undang Paten ini akan dapat menimbulkan suatu daya pendorong ataupun mencungkil bakat-bakat bagi memberi dan menambahkan daya percambahan sama ada orang-orang perseorangan atau kumpulan ataupun organisasi bagi mengwujud pencipta-pencipta yang kelak bukan sahaja boleh dibanggakan oleh negara dan masyarakat kita, tetapi juga kita berharap akan dapat dibangga oleh masyarakat sejagat.

Langkah-langkah bagi mengwujudkan Rang Undang-undang ini juga adalah sesuai dengan perkembangan kemajuan dunia sains dan teknologi hari ini. Asas-asas pelajaran sains yang telah dan mula dipergiatkan di dalam negara ini akan dapat memberi peluang kepada anak-anak di negara kita bagi menunjukkan kebolehan mereka untuk menghasilkan apa juga rekacipta yang boleh mempertingkatkan lagi imej negara kita di lapangan rekacipta ini.

Kita berharap dengan adanya Rang Undang-undang ini semangat ingin merekacipta sesuatu itu akan semakin subur dan akan memberi jaminan

bahawa setiap hasil yang telah direkacipta oleh anak-anak di negara kita ini benar-benar akan mendapat perlindungan di bawah Rang Undang-undang ini.

Rang Undang-undang ini juga telah menunjukkan dan menggambarkan betapa besarnya hasrat Kerajaan bagi mengwujudkan suatu keadilan sosial di dalam masyarakat di negara ini dengan secara jujur dan ikhlas supaya tidak jadi seperti kata pepatah lembu punya susu sapi dapat nama.

Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang ini juga akan dapat membawa dan meninggikan lagi imej negara di mata masyarakat pencipta-pencipta khususnya dan masyarakat dunia amnya kerana dengan adanya Rang Undang-undang ini merupakan satu pengiktirafan Kerajaan kepada kebolehan pencipta-pencipta di negara ini.

Saya berharap bagi mempergiatkan lagi semangat ingin mencipta sesuatu itu kepada masyarakat di negara ini suatu hadiah yang agak besar, sebagai satu insentif atau dorongan patutlah diadakan di dalam negara ini. Dengan adanya hadiah-hadiah yang seperti ini kita berharap akan menjadi suatu rebutan ataupun menimbulkan semangat ingin berlumba-lumba kepada anak-anak ataupun individu masyarakat di Malaysia ini bagi melahirkan sesuatu idea-idea yang berguna bagi mencipta sesuatu rekaan sama ada berbentuk jentera atau lain-lain.

Selain daripada itu, bagi memesatkan lagi atau mempertingkatkan lagi dorongan ini patutlah jika sekiranya sesuatu hasil cipta itu telah dapat diwujudkan oleh masyarakat di Malaysia ini maka patutlah langkah-langkah yang berkesan hendaklah diambil oleh pihak Kerajaan sama ada memberikan galakan dengan cara umpamanya khidmat nasihat oleh pihak agensi-agensi Kerajaan ataupun modal

supaya ianya dapat terus menerus memperbaiki mutu ciptaannya. Dan di samping itu, galakan-galakan patutlah dibuat umpamanya mengadakan kawalan perlindungan kepada hasil-hasil cipta yang telah dilahirkan oleh masyarakat di negara ini. Dengan adanya kawalan-kawalan dan perlindungan-perlindungan yang seperti ini maka kita yakin dan percaya segala hasil cipta rekaan yang telah dapat dibuat oleh seseorang itu akan terjamin bagi masa hadapan. Walaupun barangkali pada mulanya atau pada peringkat awalnya hasil ciptaan yang dapat dibuat oleh masyarakat di negara ini tidaklah dapat hendak dibandingkan dengan mutu yang telah dibuat oleh negara-negara atau mereka yang telah maju di lapangan ini akan tetapi demi untuk memberikan satu daya pendorong kepada pencipta-pencipta di negara ini maka saya berpendapat kawalan-kawalan seperti itu amat mustahak dan penting. Jadi dengan adanya bantuan dan sokongan sama ada berupa modal ataupun khidmat nasihat daripada pihak-pihak Kerajaan atau agensi-agensi Kerajaan bagi mempertingkatkan lagi mutu penghasilan ciptaan seseorang itu, saya yakin dan percaya bahawa akan ramailah lahir bakat-bakat di negara ini yang ingin melahirkan sesuatu ciptaan mereka sebagai sumbangan mereka bagi keagungan negara di masa-masa yang akan datang.

Di samping itu juga, dengan adanya Rang Undang-undang ini kita akan dapat mempermudah bagi mereka yang telah berjaya mencipta sesuatu benda itu bagi mendaftarkan sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa pada masa ini ada tiga undang-undang untuk membolehkan seseorang itu mendaftarkan paten sebagaimana yang disebutkan tadi. Maka dengan adanya Rang Undang-undang ini bermakna hanyalah satu sahaja undang-undang yang ada bagi

seluruh negara kita dan satu sahaja Pejabat Pendaftaran. Ini juga adalah merupakan suatu daya pendorong bagi Kerajaan untuk melahirkan bakal-bakal pencipta di dalam negara kita ini. Pada masa ini sebenarnya sudah terdapat di setengah-setengah kawasan, di setengah-setengah negeri ada anak-anak kita yang telah lahir daripada institusi-institusi yang telah diwujudkan oleh Kerajaan selepas merdeka ini telah berani mereka umpamanya suatu jentera, saya lupa namanya Tuan Speaker; iaitu sebuah jentera yang boleh memproses kacang-kacang goreng untuk mendapatkan isi biji-biji kacang goreng ini. Jentera ini telah dipamirkan di dalam pertunjukan-pertunjukan di kawasan-kawasan di daerah-daerah tetapi apa yang saya dapat sehingga kini pereka ini belum mendapat satu galakan yang sewajarnya untuk mempertingkatkan lagi daya ciptanya atau benda rekaannya supaya dapat menjadi satu kemegahan bangsa dan negara di masa hadapan.

Jadi dengan adanya Rang Undang-undang ini saya yakin dan percaya ramai lagi anak-anak muda kita terutamanya yang mempunyai pengalaman di bidang sains dan teknologi ini akan tampil ke hadapan untuk mereka cipta sesuatu hasil yang boleh sebagaimana yang saya katakan tadi menjadi kebanggaan kepada negara dan keturunan kita bagi masa akan datang.

Sekianlah sahaja, Tuan Speaker, terima kasih.

5.07 ptg.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed (Pasar Puteh):** Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Paten, 1983 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di dalam Dewan sekejap tadi.

Saya menyokong Rang Undang-undang ini memandangkan bahawa sebagai sebuah negara yang merdeka kita tidak perlu lagi mengadakan penggantungan atau bergantung kepada Rang Undang-undang Paten yang ada di United Kingdom kerana kita sebagai sebuah negara yang merdeka sepatutnya kita mengadakan undang-undang kita sendiri yang boleh melaksanakan tanggungjawab bagi menjaga segala hakcipta atau rekapipta yang dibuat oleh rakyat di negara kita ini.

Apa yang saya hendak tujukan di sini bahawa dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan ini, daripada isi kandungan yang dibentangkan ini, saya dapati bahawa Rang Undang-undang ini sedikit sebanyak akan memberi perlindungan kepada hakcipta atau rekapipta yang diciptakan oleh rakyat di dalam negara kita. Tetapi adakah pihak Kementerian ini telah mengambil kira pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh ahli-ahli Dewan Perniagaan dan Perindustrian di Malaysia ini yang telah banyak memberi pendapat untuk melengkapkan Rang Undang-undang Paten, 1983 yang dibentangkan di hadapan kita sekarang ini kerana Dewan Perniagaan ini telah mengemukakan beberapa cadangan yang baik tetapi pada saat akhir-akhir ini nampaknya cadangan ini tidak pun ada diserapkan di dalam Rang Undang-undang ini dan saya rasa ini patut diambil perhatian oleh pihak Kementerian bagi melengkapkan Rang Undang-undang ini supaya mereka yang benar-benar bertanggungjawab di dalam mencipta ini dapat terpelihara dan adakah Kementerian ini juga telah mengadakan perbincangan perkara-perkara yang dirangkumi dalam Rang Undang-undang Paten ini dengan pihak-pihak yang terlibat di dalam mencapainya satu objektif yang lebih

baik di dalam pelaksanaan Rang Undang-undang ini?

Perkara-perkara yang patut kita amati iaitu perkara penyiasatan yang dicadangkan untuk menyelidik sebarang permohonan yang dikemukakan oleh pemohon-pemohon itu. Adakah kita mempunyai satu alat atau jentera yang sofistikated ataupun jentera yang baik untuk menentukan sesuatu paten itu dapat dipelihara dan juga tidak daripada hasil tiruan atau hasil daipada rompak cetak daripada ciptaan orang lain? Kalau kita tidak ada perlindungan yang saya maksudkan tadi, dengan melalui pendaftaran paten ini, kita tidak akan dapat mewujudkan hak-hak pereka atau hak-hak yang menciptakan itu. Harapan dan hasrat kita yang murni untuk mengawal daripada rekapipta atau daripada hasil-hasil ciptaan ini tidak akan berhasil sekiranya kita tidak mempunyai kelengkapan dan penyiasatan atau peralatan yang begitu baik untuk menentukan bahawa sesuatu permohonan yang kita daftarkan itu tidak hasil daripada yang dirompak cetak atau yang ditiru daripada ciptaan orang-orang lain.

Selain daripada itu, untuk menjamin bahawa undang-undang ini akan berjalan dengan baik, apakah pihak Malaysia akan mendapat perlindungan daripada antarabangsa perkara-perkara yang didaftarkan di Malaysia ini iaitu daripada conventions atau daripada pertubuhan antarabangsa atau daripada London atau dari U.K. atau daripada negara lain bagi sebarang paten yang didaftarkan di negara kita ini? Kalau sekiranya kita tidak dapat pengakuan, perlindungan antarabangsa tentang paten-paten yang didaftar di negara kita ini nampaknya kita tidak akan menemui matlamat yang diharapkan kerana selama ini Malaysia tidak pernah menjadi ahli atau tidak pernah menyertai sebarang convention

antarabangsa yang mengenai dengan paten-paten ini.

Dengan ini kita tidak mungkin, kita akan tersisih daripada perlindungan antarabangsa bagi menentukan hak dalam mengekalkan hakcipta bagi rakyat negara kita kerana selama ini Pendaftar Paten yang dilakukan di London telah membawa perlindungan-perindungan yang diharapkan oleh orang yang mempatenkan jentera, proses atau segalanya tetapi dengan memisahkan pendaftaran di Malaysia ini akan merupakan satu perkara penghalang atau merupakan sesuatu perkara yang susah bagi kita untuk menentukan bahawa sesuatu paten itu apabila pemisahan berlaku di antara pendaftaran di London dengan pendaftaran di negara kita, apakah alternatif yang dicadangkan untuk memberi perlindungan kepada pemisahan ini di antara dua pendaftaran ini di peringkat antarabangsa yang diberi jaminan kepada Kerajaan kita?

Satu lagi perkara yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini bahawa Kerajaan atau badan-badan yang menggunakan apa-apa penciptaan orang lain walaupun ciptaan itu di bawah undang-undang ini, walau apa tujuan yang diperuntukkan itu tetapi bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan. Jika sekiranya berlaku sesuatu perkara perlanggaran atau sesuatu perkara penipuan atau sesuatu perkara mencuri daripada rekaciptaan ini menentukan Kerajaan kita akan memberi pampasan kepada orang yang rekaciptaannya itu telah ditiru atau dicuri oleh orang-orang lain. Kerana sebagaimana yang kita tahu hasil ciptaan sama ada hasil ciptaan dari segi suara, dari segi irama, dari segi rekabentuk atau dari segi jentera atau dari segi segala-galanya, ini adalah merupakan harta yang dimiliki oleh seseorang itu. Jika sekiranya kita tidak mempunyai sesuatu peruntukan

Perlembagaan yang begitu kuat untuk melindungi rekaciptaan ini dengan membayar pampasan sepatutnya kepada penciptanya maka ini adalah merupakan sesuatu yang tidak akan memberi kesan kepada undang-undang yang kita wujudkan ini. Kerana sekarang ini kita dapati banyak barangan-barangan yang diimport ke negara kita ini yang barang-barang bukan daripada barang-barang asli terutama barang-barang yang diimport dari Thailand yang kita tahu bahawa banyak barang itu bukan daripada barangan asli. Barangan ini adalah telah dibuat atau dikilang di negeri tersebut tetapi memakai paten atau memakai hakcipta atau trade mark daripada negara atau barangan yang telah maju dan barang itu diimport ke negara kita dan ini telah mengelirukan rakyat di negara kita di dalam membeli barangan tersebut.

Pihak kita atau pihak Kastam mempunyai satu tenaga atau pihak Kastam dapat menghalang supaya barang-barang seperti tersebut ini tidak akan dibawa masuk ke negara kita dengan sewenang-wenangnya. Misalnya, kita katalah satu contoh, misal kata satu bag "Cartier" yang dibuat di Italy harganya sampai \$400-\$500. Tetapi kita boleh beli satu "Cartier" yang sama di Thailand dengan harga \$100 dan barang ini dibawa masuk dengan membayar cukai dengan harga \$100 atau lebih murah daripada itu dan sudah tentu barang itu tidak asli. Sama ada barang ini dibawa melalui seludup atau dibawa melalui pembayaran cukai tetapi barang itu sudah tentu tidak asli kerana harganya murah jika kita bandingkan barang asli yang dikeluarkan di negeri asalnya. Jadi kemasukan barang-barang seperti ini, saya tidak tahu daripada negara-negara lain tetapi cuma di negara jiran sepertimana saya sebutkan tadi banyak barang-barang seperti ini masuk ke negara kita, tanpa



pengawasan daripada Kastam, tanpa pengawasan daripada pegawai-pegawai yang tertentu maka barang-barang ini akan bertambah di negara kita dan ini akan merupakan sesuatu yang merupakan satu keadaan yang menyusahkan bagi Jawatankuasa ini untuk menentukan bahawa barangan ini adakah barang asli atau barang tiruan yang tidak mengikut peraturan atau undang-undang paten yang diadakan pada tahun 1983 yang kita bantangkan dan jika sekiranya percanggahan ini berlaku sudah tentulah kita tidak dapat mengambil tindakan kerana pembuat barang itu bukan daripada negara kita, daripada negara asing?

Apakah tindakan kita, saya rasa tidak ada lain selain daripada menyekat barang-barang ini masuk ke negara kita dengan begitu mudah atau dengan sewenang-wenangnya? Kerana walaupun kita mendapat hasil daripada cukai kemasukan barang tersebut, tetapi dari segi Undang-undang Paten yang kita bantangkan ini kita tidak dapat mengambil apa-apa tindakan kepada mereka yang telah membawa masuk barang-barang yang bukan asli sebagaimana yang saya sebutkan itu.

Selain daripada itu juga, ada di dalam Rang Undang-undang ini menimbulkan bahawa pihak Pendaftaran atau pihak yang bertanggungjawab di dalam paten ini dapat memasuki sebarang bangunan atau kedai setelah mendapat waran kebenaran atau perintah dari Mahkamah atau Magistrate. Ini juga merupakan undang-undang yang terhad dan menyekat kepada pegawai-pegawai Pendaftaran. Sepatutnya Pegawai Pendaftaran yang kita beri tanggungjawab ini tentulah orang-orang yang kita harapkan mereka ini orang yang amanah, orang yang boleh menjalankan tanggungjawabnya dan pegawai-pegawainya adalah pegawai yang betul-betul dedikasi yang boleh

menjalankan peraturan dan kehendak-kehendak Kerajaan ini. Saya rasa patut diberi kuasa yang lebih luas bahawa Pendaftar, Penolong Pendaftar dan pegawai yang bertindak ini boleh memasuki sebarang bangunan yang disyaki tanpa mendapat sebarang waran atau perintah mahkamah. Ini adalah lebih baik, kerana kadang-kadang sesuatu maklumat yang didapati oleh orang ramai yang diadukan kepada pihak yang berkenaan. Satu contoh, kepada pihak Penguatkuasa Perdagangan, selalunya tidak akan mendapat waran daripada pihak tertentu bagi memasuki bangunan tersebut. Tidak mendapat perintah. Ini merupakan penghalang. Tetapi sepatutnya perkara ini diberi kuasa yang lebih luas. Jadi, janganlah di dalam Rang Undang-undang ini, sepatutnya diberi kuasa yang lebih luas lagi kepada pegawai-pegawai ini memasuki sebarang bangunan atau menduduki sebarang tempat atau kedai-kedai yang disyaki atau kilang-kilang yang disyaki menjalankan atau mengeluarkan barangan yang disyaki dan menyalahi peraturan paten yang kita bantangkan ini.

Jadi ini akan melicinkan perjalanan kita dan saya rasa kita akan dapat melaksanakan tanggungjawab kita bagi menyekat perkara ini dengan lebih baik lagi dan Rang Undang-undang ini akan dapat memenuhi matlamat yang kita kehendaki. Kerana setelah kita bantangkan Rang Undang-undang seperti ini, misalnya kata Menteri tadi dengan adanya ini kita dapat menyatukan atau dapat menguatkuasakan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dengan tujuan satu undang-undang sahaja dan juga mengadakan satu sistem Pendaftaran Pusat untuk paten di mana satu pendaftaran sahaja akan memberi perlindungan dan hak di seluruh negara kepada sesuatu permohonan yang diluluskan. Juga untuk menubuhkan Pejabat Pendaftar

Paten di Kuala Lumpur yang juga urusan Lembaga Paten seperti yang disebut di bawah Akta ini. Jadi Pejabat Pendaftaran Paten akan mengadakan perkhidmatan maklumat paten di mana orang awam boleh mendapatkannya dengan cara membayar fee atau membuat bayaran. Dan menghapuskan peruntukan yang berbentuk colonial di mana Pendaftar terpaksa diperoleh di Pejabat Paten di United Kingdom yang sudah menjadi lapuk dan tidak sesuai dan menasabah di zaman ini di mana di samping mengadakan peruntukan baru yang sesuai dengan aliran sekarang berkaitan dengan perkara paten.

Jadi, dengan cadangan ini, dengan pembentangan Akta ini adalah baik bagi pendapat saya dan juga sepatutnya, tetapi kita jangan lupa bahawa pengiktirafan antarabangsa dari segi paten ini adalah penting dan perlu bagi mendapat maklumat-maklumat daripada mereka itu walaupun dalam undang-undang telah disebut bahawa pemeriksa berhak menentukannya. Tetapi pemeriksa ini jangan lupa mereka ini adalah dari badan antarabangsa. Di samping kita mendapat pengiktirafan antarabangsa itu, pemeriksa ini juga terdiri daripada pakar-pakar dalam negara kita sendiri yang tidak akan terpesong daripada hasrat kita untuk mewujudkan rekacipta di dalam negara kita. Kadang-kadang benda yang tidak dapat di negara-negara luar terdapat di negara kita sahaja tetapi rekacipta itu dicipta oleh negara asing. Ini adalah tidak menasabah. Jadi biarlah barang-barang ataupun sesuatu unsur-unsur itu dicipta akan hanya terdapat di negara kita sahaja dan biarlah perkara ini menjadi hak negara kita dan tidak berhak bagi negara-negara lain untuk menentukannya bahawa rekacipta itu bukan haknya.

Jadi dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang tahun 1983 ini dan berharap bahawa pelaksanaannya dan juga kuatkuasaannya akan

menemui matlamat dan juga akan mendapat hasil yang lebih baik tidaklah satu undang-undang itu merupakan satu undang-undang tetapi tidak ada kuatkuasa dan tidak ada tindak balas daripada mereka yang menyeleweng yang cuba hendak menyalahgunakan undang-undang yang dibentangkan di sini. Dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang Paten tahun 1983 ini.

**Timbalan Yang Dipertua:** Yang Berhormat dari Kinabalu.

5.27 ptg.

**Tuan Mark Koding (Kinabalu):** Tuan Yang Dipertua, saya juga turut sama berbahas dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri baru sebentar tadi.

Tuan Yang Dipertua, undang-undang paten merupakan antara begitu banyak undang-undang di Malaysia ini yang diambil daripada undang-undang British yang boleh dianggap sebagai sudah lapuk dan tidak lagi sesuai digunakan di negara kita ini dan saya memang memuji Kerajaan kerana sentiasa bukan sahaja menyemak undang-undang yang dibuat di negara kita sendiri tetapi juga undang-undang peninggalan penjajah.

Undang-undang Paten sebagaimana diterangkan oleh Menteri tadi adalah suatu undang-undang negara kita ini di mana terdapat berlainan undang-undang negara kita ini di mana terdapat berlainan undang-undang di Semenanjung, berlainan undang-undang di negeri Sabah dan Sarawak. Adakah bersesuaian sekali dan sudah tibalah masanya bagi ketiga-tiga undang-undang ini diseragamkan demi kelicinan pentadbiran dan kepentingan negara dan rakyatnya. Atas kesedaran inilah maka Kerajaan membentuk atau menubuhkan satu jawatankuasa kajian bagi membuat kajian sama ada undang-undang Paten

ini perlu diperbaharui, diseragamkan atau sebaliknya.

Dalam proses pengkajian itu, undang-undang di United Kingdom, di Australia, Sri Lanka dan Jepun telah dirujuk dan maka dengan itu saya yakin, bahawa hasilnya iaitu Rang Undang-undang yang sedang kita bahaskan sekarang ini memanglah standard dengan undang-undang paten di negara-negara yang sudah maju. Kalau kita lihat dalam bahagian atau peruntukan mengenai dengan penubuhan Lembaga Paten, kita lihat bahawa dalam peruntukan itu Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota-anggota yang disenaraikan daripada (a) sampailah ke (h). Yang saya tumpukan perhatian ialah bahagian (h) iaitu berbunyi:

“(h) tidak lebih daripada 3 orang lain sebagaimana yang difikirkan oleh Menteri layak dan patut untuk menjadi anggota Lembaga”.

Memang senarai daripada (a) hingga (h) itu adalah exhaustive tetapi saya berharap dan menyeru kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya memasukkan lagi ahli-ahli yang difikirkan layak bukan sahaja memandangkan negara Malaysia keseluruhannya tetapi mengambil kira penyertaan-penyertaan daripada negeri-negeri Sabah dan Sarawak dalam bidang-bidang yang tertentu.

Kalau kita lihat dari segi keahlian Lembaga ini memanglah kita tidak ragu-ragu lagi bahawa segala keputusan yang akan dibuat nanti akan merupakan satu keputusan yang adil dalam meluluskan atau menolak sesuatu permohonan paten itu kerana mengikut kelayakan ataupun keahlian itu merupakan orang-orang yang layak semua.

Sebagai tambahan kita lihat dalam JADUAL pada Seksyen 7 di mana kelayakan seseorang yang boleh

dilantik menjadi anggota Lembaga adalah:

- “(a) seorang yang tak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya melaksanakan kewajipan-kewajibannya;
- (b) seorang yang bankrap;
- (c) seorang yang telah disabitkan dengan sesuatu kesalahan dan dihukum penjara selama tempoh satu tahun atau lebih.”

Peruntukan seperti ini adalah sejajar dengan undang-undang standard di negara kita ini.

Seterusnya, Tuan Yang Dipertua, peruntukan-peruntukan seterusnya itu adalah saya rasa standard, setelah meneliti saya dapati bahawa peruntukan itu saya ingat secara perbandingan dengan undang-undang yang lain adalah standard. Yang penting pada pendapat saya adalah di BAHAGIAN XIII di mana memperuntukkan seseorang yang telah mengalami pelanggaran hakciptanya itu boleh memulakan proceedings di mahkamah bagi mendapatkan perlindungan *injunction* ataupun pampasan. Memang peruntukan seperti ini atau undang-undang seperti ini satu-satunya peruntukan atau undang-undang yang sangat dinanti-nantikan oleh para pencipta sama ada dari segi keluaran-keluaran industri ataupun perkara-perkara yang lain. Di masa yang lalu walaupun ada juga peruntukan seperti ini tetapi saya berpendapat bahawa peruntukan-peruntukan dalam bahagian ini memang merupakan peruntukan yang kemas.

Undang-undang ini juga membolehkan pihak Kerajaan bagi menggunakan paten-paten yang menjadi hak rekacipta pencipta-pencipta itu dengan tidak melakukan sebarang pelanggaran. Ini memang merupakan satu peruntukan positif supaya pihak pencipta dan Kerajaan sama-sama meaplikasikan atau

melaksanakan hakcipta ataupun rekacipta yang baharu dikemukakan itu.

Tuan Yang Dipertua, saya tidak lagi berniat hendak bercakap terlalu sangat panjang-lebar dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Timbalan Yang Dipertua:** Yang Berhormat dari Jerai.

5.35 ptg.

**Tuan Ismail bin Arshad (Jerai):** Tuan Yang Dipertua, saya juga bangun turut membahaskan di atas Rang Undang-undang Paten, 1983 yang telah dibentangkan dalam Dewan ini.

Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang yang dibentangkan ini adalah satu Rang Undang-undang yang amat wajar sekali bagi menyelaraskan semua aktiviti-aktiviti pendaftaran paten di negara kita ini di mana kedapatan sehingga ini bahawa tidak ada suatu Rang Undang-undang yang ditugaskan bagi sebuah Lembaga untuk melaksanakan pendaftaran paten bagi negara kita. Rang Undang-undang ini juga adalah merupakan sebagai satu pembaharuan di dalam bidang sains dan teknologi di negara kita ini di mana dengan wujudnya Rang Undang-undang ini akan membawa suatu perlindungan dan suatu jaminan pasti kepada hak-hakcipta yang selama ini pencipta-pencipta boleh dikatakan tidak mendapat perlindungan dan jaminan yang wajar dari Undang-undang negara.

Tuan Yang Dipertua, dengan terlaksananya Rang Undang-undang ini kelak, apa yang menjadi harapan kita ialah bukan sahaja ianya akan dapat menjamin hak rekacipta malahan akan dapat pula memberikan galakan kepada lebih ramai cerdik-pandai ataupun lebih ramai tenaga muda di dalam negara kita ini bagi

melahirkan rekacipta untuk memenuhi keperluan-keperluan yang dikehendaki di dalam bidang sains dan teknologi dan juga keperluan-keperluan yang dikehendaki di dalam keperluan-keperluan am yang lain. Adalah diharapkan dengan terlaksananya Rang Undang-undang ini kelak ianya akan dapat meningkatkan perkembangan di bidang sains dan teknologi di negara kita ini, apa lagi dengan harapan besar daripada Kerajaan dengan sikap pandang ke Timur untuk dapat membawa lebih banyak bidang sains dan teknologi dan bidang-bidang yang lain dapat dimajukan di negara kita, maka dengan terlaksananya Rang Undang-undang ini sudah pastilah memberi suatu jaminan yang menggalakkan. Apa yang menarik perhatian di dalam Rang Undang-undang ini ialah tentang penubuhan sebuah Lembaga Paten menurut apa yang termaktub di dalam Rang Undang-undang ini sendiri. Adalah menjadi suatu kebiasaan di dalam pelaksanaan Rang Undang-undang seumpama ini, sebuah badan perlu ditubuhkan bagi mengendalikan semua matlamat-matlamat dan polisi yang dikehendaki oleh Rang Undang-undang itu sendiri. Dan di sini jugalah letaknya sejauh manakah kesempurnaan dan kekesan peranan Lembaga itu sendiri terhadap pelaksanaan tugas dan pelaksanaan penyampaian kepada maksud dan matlamatnya.

Di dalam Rang Undang-undang ini, terutama sekali di dalam muka 9 iaitu anggota-anggota yang akan menjadi ahli Lembaga telah ditentukan di dalam BAHAGIAN II, Fasal 4(2) daripada (a) sampai (h). Apa yang menarik perhatian saya tentang ahli-ahli Lembaga ini ialah oleh kerana menjadi pengalaman kepada kita dan Kerajaan, apabila terbentuknya sesebuah Lembaga dan apabila terdapatnya ahli-ahli Lembaga yang dipilih atau dilantik terdiri daripada

mereka yang terlampau banyak peranan dan tugas yang diberikan, kemungkinan ianya tidak dapat memberi perhatian dan tumpuan tugas kerja seperti yang dikehendaki. Dan inilah kadang-kadangkala kedapatan ada di antara Lembaga yang tidak dapat menjalankan tugasnya dengan sempurna dan kadang-kadangkala tidak dapat pula mengawal perjalanan Lembaga itu sendiri dan akhirnya ada di antara Lembaga itu sendiri terpaksa ditamatkan riwayatnya.

Oleh itu adalah menjadi satu harapan kita bahawa dengan wujudnya Lembaga Paten ini kelak Ahli-ahli Lembaga yang akan dilantik ini biarlah benar-benar mereka yang akan dapat menjalankan tanggungjawab dan akan dapat benar-benar memberi perhatian yang sesungguhnya kepada kesempurnaan perjalanan tugas Lembaga itu sendiri agar matlamat dan harapannya dapat dicapai sepertimana harapan yang telah dilahirkan. Kadang-kadangkala apabila perlantikan dibuat, bukanlah saya hendak mengambil kesempatan ini hendak menuduh begitu ataupun begini, tetapi kadang-kadangkala jelas dilantik daripada mereka yang terlampau banyak tugas dan kadang-kadangkala berbagai-bagai Lembaga dianggotai dan sudah pastilah kadang-kadangkala apabila persidangan Lembaga itu sendiri kertas kerja-kertas kerja yang dibentangkan begitu banyak, tak sempat hendak diteliti dan kadang-kadangkala pakai lulus begitu sahaja ataupun pakai harap apa yang dibriefkan kepadanya sebagai kenyataan tanpa penyelidikan dan ini mungkin akan menimbulkan satu kesilapan yang apabila berlakunya kesan kesilapan itu merupakan sebagai sudah terhantuk baru terngadah. Saya berharap dengan lulusnya Rang Undang-undang ini kelak dan penubuhan Lembaga ini kelak tidak akan berlaku seperti apa yang saya sebutkan dan kita berharap

ianya akan dapat benar-benar mencapai segala tujuan dan hasrat kita.

Tuan Yang Dipertua, saya juga menyetujui di atas pandangan dan pendapat Wakil dari Pasir Puteh tentang apakah jaminan rekacipta yang didaftarkan di negara ini, terutama sekali rekacipta-rekacipta yang dapat menjadikan satu industri pengeluaran negara untuk dieksport. Kalau sekiranya rekacipta-rekacipta yang didaftarkan di negara kita ini hanya menjadi jaminan di dalam negara tetapi mungkin ianya ditiru ataupun dicerobohi apabila rekacipta itu datang ke luar negeri dan ada pula negara-negara luar yang melaksanakan usaha-usaha industri yang berasaskan rekacipta tadi, sudah pastilah ianya bukan sahaja melemahkan di atas pendaftaran rekacipta di dalam negara kita malah akan terjejas pula industri pengeluaran untuk dieksport bagi negara kita.

Saya dapati banyak contoh-contoh yang boleh dijadikan tauladan. Misalnya ada barang-barang keluaran negara-negara luar yang dibawa ke negara kita dan sekarang ini telah ada pengusaha-pengusaha yang menjalankan perusahaan-perusahaan berasas rekacipta daripada luar negeri itu. Mungkin bagi kita dan negara kita ini satu perkembangan yang baik, terutama sekali mencontohi bidang-bidang sains dan teknologi yang boleh dimajukan tetapi kadang-kadangkala rekacipta-rekacipta yang ditiru ini bukanlah merupakan sebagai satu rekacipta yang benar-benar membawa jaminan dan keunggulan penggunaannya oleh pengguna-pengguna. Kadang-kadangkala alat-alat tiruan ini begitu banyak di dalam pasaran dan telah mengelirukan pengguna-pengguna dan akhirnya pengguna-pengguna sendiri yang telah tertipu dengan alat-alat ini telah menghadapi kerugian yang begitu besar.

Tuan Yang Dipertua, inilah di antara perkara-perkara yang saya rasa perlu dapat menarik perhatian pihak Kementerian dan pihak Lembaga yang akan ditubuhkan menerusi Rang Undang-undang ini kelak semoga masalah-masalah yang dibentangkan, dan perkara-perkara yang menjadi tugas yang akan diterima oleh tanggungjawab Lembaga ini akan dapat diatasi dan dapat dijadikan contoh tauladan kepada pembaikan terhadap perjalanan Rang Undang-undang ini dan juga terhadap perjalanan Lembaga ini sendiri.

Dengan ini, Tuan Yang Dipertua, saya sekali lagi menyatakan sokongan saya kepada Rang Undang-undang Paten, 1983 ini kerana Rang Undang-undang ini adalah satu-satunya Rang Undang-undang yang wajar sekali dapat dilulus dan dilaksanakan di negara kita berasaskan kepada tujuan dan matlamat perkembangan di bidang sains dan teknologi negara seperti yang dikehendaki. Terima kasih.

**Timbalan Yang Dipertua:** Yang Berhormat dari Kluang.

5.45 ptg.

**Tuan Quah Wee Liam (Kluang):** Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Paten, 1983. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas kepada Kerajaan atas mengemukakan Rang Undang-undang ini. Seperti dinyatakan, Rang Undang-undang ini adalah bertujuan membuat peruntukan-peruntukan yang lebih baik dalam undang-undang berhubung dengan paten dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Dengan ini saya ingin memuji pihak Kerajaan kerana mengadakan pandangan jauh ini.

Tuan Yang Dipertua, Undang-undang Paten bukanlah baru tetapi sudah lama wujud di negara lain, seperti Amerika Syarikat dan Britain

dan negara-negara dengan teknologi yang maju. Negara kita sekarang sudah maju di dalam teknologi dan industri, dengan ini perlulah Kerajaan kita pinda Akta Paten tahun 1967 mengikut kemajuan yang ada.

Saya boleh lihat Rang Undang-undang Paten 1983 adalah dibuat dengan kajian dibuat dari Undang-undang Paten berada di negeri-negeri luar. Dengan mengadakan Undang-undang Paten, Kerajaan akan menggalakkan lebih ramai orang memajukan harta perindustrian di Malaysia dan juga membuat rekacipta-rekacipta yang akan memberi faedah kepada masyarakat.

Tuan Yang Dipertua, dalam Bahagian II Lembaga Paten:

“Mana-mana anggota Lembaga, selain dari anggota yang dilantik di bawah perenggan (b) atau (c) subseksyen (2) hendaklah, melainkan jika perlintikannya dibatalkan terlebih dahulu atau dia meletakkan jawatannya terlebih dahulu, memegang jawatan bagi suatu tempoh yang tidak melebihi dua tahun. . . . layak untuk dilantik semula.”

Di sini saya harap dapat pandangan atas beberapakah tempoh seorang anggota boleh berkhidmat terus-menerus.

Tuan Yang Dipertua, mengenai Bahagian III Pentadbiran:

“Menteri boleh melantik seorang Pendaftar Paten yang akan diberikan kuasa-kuasa dan fungsi-fungsi bagi pentadbiran wajar Akta ini.”

Saya mencadangkan bahawa seorang Pendaftar Paten dilantik supaya pentadbiran dapat dijalankan dengan lebih licin dan cekap. Di sini juga saya harap kuasa-kuasa dan fungsi-fungsi Pendaftar Paten disenaraikan dengan benarnya.

Tuan Yang Dipertua, kebolehpatenan diterangkan dengan jelasnya dalam Rang Undang-undang Paten ini tetapi saya harap hak-hak kepada suatu paten dapat dibincangkan dengan lebih mendalam lagi.

Tuan Yang Dipertua, mengenai permohonan prosedur bagi pemberian dan jangka masa, saya mencadangkan peraturan-peraturan akan ditetapkan dengan jelas dan terang oleh Menteri di bawah Akta ini. Jangka masa minima dan maksima juga diberi bagi setiap permohonan.

Tuan Yang Dipertua, Bahagian IX dan X masing-masingnya mengadakan peruntukan bagi Kontrak Lesen serta Lesen-lesen Wajib dan Penyerahan dan Pembatalan Paten adalah seperti dalam Bahagian XI, saya harap juga dibincang dan dikajikan dengan telitinya supaya tidak ada sebarang salah guna kuasa oleh sesuatu pihak pun berlaku.

Tuan Yang Dipertua, mengenai implikasi kewangan Rang Undang-undang ini akan melibat Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan walaupun tidak dapat ditentukan perbelanjaan pada masa sekarang, saya harap diberi anggaran kasarnya.

Tuan Yang Dipertua, walaupun ada banyak perkara-perkara hendak dikaji dan dibincangkan dengan teliti, saya menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang Paten 1983 ini.

5.54 ptg.

**Tuan Khadri bin Sabran (Tenggaroh):** Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain untuk memberikan pendapat, memberikan pandangan di samping untuk menyatakan sokongan saya terhadap Rang Undang-undang Paten 1983 yang sedang dibincangkan sekarang ini.

Di sini ingin saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan kerana Kerajaan telah lebih awal menyedari bahawa suatu Rang Undang-undang Paten perlu ditubuhkan segera di dalam negara ini yang saya kira antara lain adalah bertujuan untuk mendaftarkan sebarang rekacipta di samping mengawasi agar rekacipta-rekacipta yang telah didaftarkan dan didapati sah itu tidak dicetak rompak oleh perekacipta-perekacipta yang lain.

Tuan Yang Dipertua, saya berpendapat bahawa kesemua negar-negara maju di dalam dunia ini telah pun ada Rang Undang-undang Paten masing-masing dan negara kita Malaysia yang saya kira sedang berada di ambang pembangunan, di ambang kemajuan dan di ambang pintu negara perindustrian perlu Rang Undang-undang Paten ini diwujudkan segera. Keperluan-keperluan paten ini telah banyak dibincangkan, telah banyak diberikan pendapat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun berucap sebelum saya tadi.

Tuan Yang Dipertua, saya berpendapat bukan sahaja negara perindustrian perlu satu Rang Undang-undang Paten malahan negara pertanian juga perlu Rang Undang-undang Paten. Janganlah kita menganggap bahawa negara pertanian adalah merupakan negara yang mundur di mana negara mundur tersebut tenaga kerja mahir kurang, di mana negara mundur tersebut sains dan teknologinya rendah, di mana negara mundur tersebut tidak mempunyai modal yang banyak maka paten tidak diperlukan. Kalau kita perhatikan sejarah dan hakikat yang lepas tentang perkara-perkara yang berlaku di dalam negara kita ini pada masa-masa yang lalu, kita dapati pada masa-masa yang lampau telah pun banyak berlaku rekacipta-rekacipta yang telah dirompak oleh beberapa

golongan tertentu, oleh beberapa individu tertentu semata-mata untuk kepentingan ataupun faedah diri masing-masing.

Contohnya, pada suatu ketika sejenis minyak yang begitu laris di pasaran, yang telah mendapat tempat di hati rakyat di dalam negara ini, yang diyakini oleh setiap individu di dalam negara ini boleh menyembuhkan berbagai-bagai penyakit dan minyak tersebut ditiru. Begitulah keadaannya, bukan hanya setakat minyak sahaja Tuan Yang Dipertua, malah banyak barang-barang lain yang telah dicetakrompak pada masa-masa yang lepas dan juga pada masa ini perilaku cetakrompak ini masih ada berleluasa berlaku di dalam negara kita ini yang masih lagi kita anggap sebagai negara pertanian, negara pertanian yang mundur, modal sedikit, teknologi rendah dan mempunyai tenaga mahir yang kurang tetapi dewasa ini seperti yang telah saya katakan awal-awal tadi negara kita sedang berada di ambang negara perindustrian di mana negara kita telah pun memiliki modal yang agak banyak, negara kita telah pun dapat menyediakan tenaga mahir yang ramai, sains dan teknologi di dalam negara kita dewasa ini telah pun meningkat kepada suatu tahap yang membanggakan hampir-hampir hendak sampai kepada negara perindustrian sedang berada di peringkat "take off", dengan izin, Tuan Yang Dipertua. Atas hakikat tersebutlah mengapa paten ini amat diperlukan supaya perilaku rompakan-rompakan terhadap rekacipta-rekacipta itu tidak berlaku ianya dapat diawasi.

Tuan Yang Dipertua, pengguna-pengguna mahu sesuatu barang yang tersebut itu tulin, mereka tak mahu barang tiruan. Kalau kita beli "spare parts" untuk mereka misalnya, kita hendak mencari spare parts yang original dan tak mahu yang tak original dan atas hakikat tersebut, inilah saya membuat beberapa

cadangan di sini supaya jika sekiranya dan saya amat yakin bahawa Rang Undang-undang Paten ini nanti akan mendapat sokongan yang penuh daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan setelah itu saya ingin membuat cadangan. Yang pertamanya, saya ingin hendak mencadangkan supaya di Bahagian Pendaftaran ini biarlah pegawai-pegawai yang menjalankan urusan-urusan pendaftaran itu nanti bekerja dengan lebih cekap berlandaskan kepada konsep Bersih, Cekap dan Amanah supaya setiap permohonan paten yang dibuat oleh pemohon-pemohon itu dapat diproses dengan lebih cepat dan teratur. Ini penting kerana pemohon-pemohon paten ini, saya kira adalah terdiri daripada mereka yang berniaga. Kalau perkara itu lambat mendapat kelulusan, mungkin semangat untuk berniaga tadi terhadap sesuatu barangan itu akan hilang dan ini akan membantutkan cita-cita mereka.

Yang kedua, seperti apa yang telah disarankan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap sebelum saya tadi diwujudkan Bahagian Pencegah untuk mencegah berlakunya rompakan rekacipta dan di Bahagian ini, inilah saya cadangkan supaya ianya dibahagikan pula kepada dua bahagian. Yang pertamanya, bahagian untuk mengawasi rekacipta dari luar negeri, dan keduanya, mengawasi rekacipta dari dalam negeri.

Yang ketiga, saya ingin juga mencadangkan di sini supaya Kerajaan membuat suatu peruntukan undang-undang untuk menentukan hukuman kepada mereka yang melakukan rompakan terhadap rekacipta yang telah pun didaftarkan.

Tuan Yang Dipertua, sebelum saya akhiri ucapan saya, sekali lagi ingin saya menyatakan sokongan saya terhadap Rang Undang-undang Paten, 1983 ini. Sekian, terima kasih.



**Timbalan Yang Dipertua:** Yang Berhormat dari Kemaman.

6.04 ptg.

**Tuan Ismail bin Said (Kemaman):** Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk bersama-sama seperti rakan-rakan saya untuk menyokong Rang Undang-undang Paten, 1983 sebagaimana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Tuan Yang Dipertua, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada beliau yang telah berjaya membentangkan Rang Undang-undang ke dalam Dewan yang mulia ini iaitu Rang Undang-undang Paten, 1983 kerana sudah sampai masa dan ketikanya negara kita Malaysia yang sekarang ini membangun mempunyai undang-undang kita sendiri berhubung dengan paten iaitu rekacipta atau hakcipta yang dilakukan oleh rakyat kita negara Malaysia.

Tuan Yang Dipertua, memandangkan tidak lama lagi pihak HICOM akan meneruskan atau menjalankan kegiatan dalam pengeluaran kereta Malaysia, saya percaya sudah barang tentu banyak ciptaan-ciptaan kita sendiri akan terbit ataupun akan dikeluarkan oleh pencipta-pencipta kereta tempatan kita. Jadi jika sekiranya kita tidak ada undang-undang kita sendiri pada ketika itu untuk melindungi ciptaan-ciptaan yang akan dibuat oleh pengeluar-pengeluar kita di bawah HICOM nanti, saya bimbang mungkin ciptaan-ciptaan mereka ini akan ditiru ataupun dirompak oleh setengah-tengah orang yang tidak bertanggungjawab yang ingin mengambil kesempatan dan mencari keuntungan daripada ciptaan-ciptaan kita dengan cara meniru dan sebagainya.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada itu saya percaya dengan adanya Rang Undang-undang ini sudah tentu akan memberi satu suasana atau galakan kepada pencipta-pencipta tempatan kita tampil ke hadapan untuk mencipta, untuk menunjukkan kebolehan mereka mencipta segala barangan-barangan yang diperlukan oleh negara kita ini, negara yang sedang membangun dalam bidang teknologi, dan dengan cara tak langsung saya percaya negara kita Malaysia akan terus maju dalam bidang teknologi.

Tuan Yang Dipertua, di masa-masa yang lepas didapati bahawa oleh kerana undang-undang paten di negara kita ini tidak ada, kita dapati banyak ciptaan-ciptaan kita terutama sekali ciptaan-ciptaan tradisi telah pun ditiru oleh setengah-setengah negara lain dan mereka mendapat faedah ataupun keuntungan yang besar daripadanya. Misalnya, saya ambil contoh bola sepak takraw, oleh kerana kita tidak ada paten, negara luar, negara asing telah pun meniru ciptaan kita ini dan akhirnya negara itu telah pun mendapat hasil yang banyak ataupun mendapat faedah yang banyak daripada ciptaan kita sendiri yang telah ditiru oleh mereka dan akhirnya kita terpaksa membeli, misalnya bola sepak takraw daripada negara yang berkenaan. Saya tidaklah ingin menyebutkan apakah nama negara itu tetapi saya percaya kita semua memahami atau telah mengetahui siapakah negara yang saya maksudkan itu.

Tuan Yang Dipertua, negara kita sekarang ini banyak mempunyai ciptaan-ciptaan kita sendiri terutama sekali ciptaan-ciptaan, kalau diizinkan, saya ingin memberi contoh, misalnya perahu-perahu yang dibuat oleh penduduk-penduduk di Pantai Timur. Ciptaan mereka ini mempunyai unsur-unsur kesenian unsur-unsur kebudayaan, jadi jika

sekiranya ciptaan ini tidak dilindungi, saya percaya mungkin orang lain yang datang daripada luar negeri akan meniru ciptaan kita dan sudah barang tentu mungkin ciptaan-ciptaan kita ini tidak akan bertambah maju di negara kita ini.

Tuan Yang Dipertua, dengan adanya juga Rang Undang-undang Paten, 1983 ini, saya percaya negara kita telah pun mengorak langkah setapak lagi ke hadapan untuk mewujudkan negara Malaysia sebagai suatu identiti, kerana kita mempunyai undang-undang kita sendiri berhubung dengan hak rekacipta ini.

Tuan Yang Dipertua, saya juga menyokong perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi berhubung dengan masalah pegawai-pegawai yang akan menjalankan pendaftaran paten ini supaya berhati-hati dan berwaspada serta menjalankan tugasnya dengan penuh dedikasi, penuh bertanggungjawab supaya hasrat yang dikehendaki oleh undang-undang ini dapat kita kuatkuasakan.

Tuan Yang Dipertua, yang akhir sekali, ingin saya mencadangkan supaya pihak Kementerian mengadakan satu enforcement yang kuat supaya undang-undang yang kita adakan ini dapat berjalan dengan lebih berkesan lagi.

Sekian sahaja, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

6.11 ptg.

**Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid (Matang):** Tuan Yang Dipertua, saya bangun di sini berserta dengan kawan-kawan saya yang telah berucap dan memberi pandangan serta menyokong di atas Akta Rang Undang-undang Paten, 1983 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian tadi.

Saya juga berterima kasih dan menyanjung tinggi di atas sikap kesedaran Kerajaan berhubung dengan masalah pindaan Rang Undang-undang Paten, 1983 ini. Oleh kerana sikap atau kesedaran pihak Kerajaan ini tidaklah lagi kita berharap kepada pihak barat (Britain) yang mana sejak kita merdeka 26 tahun masih lagi kita menumpu, memandang ataupun berharap kepada pihak bekas yang telah menjajah negara kita ini iaitu Britain.

Dalam masalah ini, Tuan Yang Dipertua, kita sudah 26 tahun merdeka, masih banyak lagi dalam satu-satu perkara ataupun dalam satu-satu masalah yang kita masih mengharap-harapkan ataupun seumpama kita ini masih dibelenggu penjajahan. Di atas sikap ataupun sifat kesedaran pihak Kerajaan ini, saya berharap Akta ini dapat diluluskan dan semoga pihak kita rakyat di negara Malaysia ini mendapat faedahnya sebab negara kita dewasa ini yang mana pucuk pimpinan negara kita telah menyarankan bahawa negara kita ini akan berubah menjadi negara perindustrian. Maka mengapa tidak sebagai sebuah negara yang akan menjadi sebuah negara perindustrian masih kita berharap-harap dan minta belas kasihan daripada pihak barat (Britain). Umpamanya, rakyat sekarang sudah berubah, katalah, rakyat di negara kita ini akan mencipta atau reka satu benda kita terpaksa mendapat kelulusan pihak Britain misalnya yang mana Britain itu pada satu ketika menjajah negara kita. Jadi kita ini masih dibelenggu penjajahan.

Saya beri contoh yang mana dalam kawasan saya, kawasan durian. Baru-baru ini orang-orang kampung ini sudah pandai mencipta macam mana hendak mengupas durian, direkanya satu benda dengan cara mudah iaitu diletak sahaja boleh dikupas dengan

elok. Ini kalau kita hendak buat, hendak mempamirkan dan mengiklankan kita terpaksa bawa ke Britain. Orang putih seperti yang kita tahu dia tidak suka makan durian, takkanlah dia kata ini bagus, kerana dia tidak suka, tambahan pula ciptaan bumiputera, apa ini bumiputera katanya, kupas durian dengan benda ini sahaja. Inilah sebagai satu contoh. Begitu juga dengan alat-alat lain, kemungkinan pada satu hari ada orang reka macam mana hendak kupas buah kelapa dengan cara mudah dan tidak payah, ada satu alat lain pula, letak pada buah sahaja keluar isinya. Durian sudah ada cara hendak mengupasnya dengan mudah, dahulu pada satu ketika kita hendak kupas durian terpaksa menggunakan pisau atau parang, takiklah dan kadangkadangkang tangan pun luka. Ini satu ciptaan baru yang dibuat oleh orang kampung dengan cara mudah yang mana baru-baru ini di Taiping kita adakan satu pesta buah durian, di dalam pameran atau pesta ini diadakan pertunjukan yang mana alat-alat untuk mengupas buah durian cara mudah.

Saya bercakap masalah durian kerana buah durian ini adalah sejenis buah yang masyur, semua lapisan masyarakat suka makan buah durian dan menjadi buah kebangsaan dan buah ini pula cara hendak mengupasnya ada alatnya dengan mudah. Besok bila kita hendak membuat atau hendak mengupas durian takkanlah kita hendak pergi ke Britain untuk mendapat kelulusannya. Ini saya rasa tidaklah begitu logik. Begitu juga dengan masalah-masalah lain, sebagaimana kita dengar beberapa orang sahabat-sahabat kita tadi menerangkan dalam masalah rompak tiron yang dibuat oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab kerana zaman sekarang ini kita sedar tanpa kelulusan daripada pihak Kerajaan dengan mudah orang yang tidak

bertanggungjawab ini akan mendapat keuntungan yang begitu besar dan di sini Kerajaan pula tentulah mendapat kerugian yang besar juga. Maka dengan ini, Tuan Yang Dipertua, saya menyokong penuh di atas pindaan Rang Undang-undang Paten, 1983 ini. Sekian, terima kasih.

*6.18 ptg.*

**Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid (Silam):** Tuan Yang Dipertua, saya juga turut bangun bersama-sama Ahli-ahli yang lain di Dewan ini di dalam membincangkan Rang Undang-undang Paten, 1983 yang dikemukakan untuk dibahaskan di Dewan yang mulia ini.

Saya berpendapat dengan adanya Rang Undang-undang Paten yang dibentangkan di Dewan ini sudah tentu masalah yang dihadapi oleh para pencipta negara ini dapatlah diatasi. Rang Undang-undang ini sudah tentu akan mendapat sambutan yang baik daripada para pencipta negara ini di mana sejak beberapa tahun yang lalu permohonan-permohonan dan pendaftaran para pencipta kita dan para rekacipta kita di negara ini terpaksa dihantar dan dikemukakan di Pejabat Pendaftar Paten, di England.

Dengan hal yang demikian maka berbagai masalah telah timbul, bukan sahaja kepada para pencipta-pencipta negara dalam memajukan ciptaan mereka tetapi masalah para pengguna dalam menggunakan hasil ciptaan yang hendak didaftarkan dan yang hendak dicipta di mana ciptaan itu hendaklah mempunyai mutu yang baik.

Tuan Yang Dipertua, pada hemat saya Rang Undang-undang seperti yang dibahaskan ini seharusnya sudah dan telah wujud di negara kita ini. Walau bagaimanapun saya berpendapat pihak Kerajaan seharusnya diberi tahniah di atas kejayaannya dalam mengatasi

masalah-masalah yang dihadapi oleh para pencipta dalam membantu dan menggalakkan rekacipta-rekacipta mereka, untuk didaftarkan di luar negeri seperti yang kita ketahui iaitu di England.

Tuan Yang Dipertua, saya berpendapat Rang Undang-undang Paten seperti yang dibentangkan ini amatlah mustahak demi membolehkan para pencipta negara ini dapat mendaftarkan rekacipta mereka dan hak-hak kepada sesuatu ciptaan mereka supaya dapat diberi perlindungan sejajar dengan hak-hak mereka yang seharusnya dilindungi. Sudah tentu dengan adanya Undang-undang ini di negara kita ini di mana sesuatu paten ataupun permohonan-permohonan paten ini dapat dipertimbangkan dengan sewajarnya dan pemilik paten - mendapat perlindungan. Saya percaya dengan adanya perlindungan seperti ini yang terkandung di dalam Undang-undang ini di mana peruntukan-peruntukannya, saya berpendapat sudah tentu akan dapat melindungi empunya-empunya paten yang dapat menghasilkan rekacipta-rekacipta yang seharusnya kita galakkan.

Tuan Yang Dipertua, dengan adanya juga Undang-undang ini maka sudah tentu pencipta kita dalam bidang teknologi akan dapat membuktikan kebolehan mereka. Begitu juga dengan rekacipta-rekacipta yang akan dapat mengubah trend dan teras pemikiran bangsa kita di dalam meningkatkan hasil pengeluaran-pengeluaran mereka.

Akhir sekali, Tuan Yang Dipertua, saya di sini inginlah mencadangkan supaya para pemeriksa-pemeriksa paten yang akan dilantik seharusnya terdiri mereka yang mempunyai kemahiran dalam bidang-bidang yang ditentukan ini.

Tuan Yang Dipertua, saya menyokong dengan sepenuhnya

supaya Rang Undang-undang ini diluluskan di Dewan yang mulia ini.

6.24 ptg.

**Tuan Daud bin Dato' Haji Taha (Batu Pahat):** Tuan Yang Dipertua, saya sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat rakan-rakan saya juga turut bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Paten, 1983 yang dikemukakan untuk dibahaskan pada hari ini.

Saya terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Timbalan Menteri yang telah membentangkan Rang Undang-undang ini kerana dengan adanya Rang Undang-undang ini boleh menjadi satu daya penarik kepada pencipta-pencipta di negara kita ini, seperti yang disebut oleh sahabat saya dari Perak tadi mengenai ciptaan baru mengupas durian. Kepada saya walaupun itu baik tetapi kalau durian boleh dikupas dengan senang maka thrill makan durian itu sudah habis, kerana makan durian ini bila susah buka, lagi sedap. Sepatah kata pepatah Ingeris, Tuan Yang Dipertua, dengan izin, "There is no pleasure without pain" (*Ketawa*). Terjemahannya: Kalau tidak susah, tidak sedaplah!

Tuan Yang Dipertua, sekurang-kurangnya Rang Undang-undang yang dicipta ini berlainan daripada Rang Undang-undang Paten di Britain. Ini kerana hakcipta ini hanya dibenarkan sepanjang masa 15 tahun, tidak seperti di Britain seperti saya difahamkan selama 16 tahun. Dengan adanya Rang Undang-undang ini, hak pencipta akan terjamin, kerana seperti yang kita maklum sudah banyak dan kerap kali berlaku segala rekacipta yang dibuat oleh pemikir-pemikir, orang-orang yang telah berjaya membuat perkara-perkara baru telah tidak dapat keuntungan daripada ciptaan-ciptaan mereka. Telah

kerapkali berlaku rompakan-rompak cipta daripada mereka ini. Dengan adanya Rang undang-undang ini adalah diharapkan supaya hak mereka ini akan terus terjamin dan mereka akan mendapat keuntungan daripada penat getir mereka.

Bersesuaian dengan Kerajaan kita yang berpandangan jauh dan berdasarkan kepada pembangunan yang baru yang mana slogan-slogan Kerajaan kita setiap kali selalu sahaja diutarakan, dicadangkan dengan harapan supaya rakyat negara kita ini menjadi rakyat negara yang berinisiatif, yang mempunyai daya cipta, yang mempunyai daya pemikiran yang lebih aktif, yang lebih lengkap yang mana boleh menjadikan negara kita ini bukan sahaja negara yang membangun tetapi negara yang maju setanding dengan negara-negara seperti Korea dan Jepun yang mana adalah menjadi falsafah negara kita pada masa ini untuk memandangkan ke Timur.

Dengan adanya Rang Undang-undang ini adalah diharapkan supaya ramai pencipta-pencipta akan tampil ke hadapan untuk membuahkan ciptaan-ciptaan baru yang boleh menyebabkan negara kita menjadi masyhur sebagai negara membangun, negara perindustrian dan negara yang mana rakyatnya terdiri daripada pencipta-pencipta atau pereka-pereka baru.

Tuan Yang Dipertua, negara kita terkenal sebagai negara pertanian (agriculture) dan pada masa ini sedang mencari keupayaan untuk menjadi sebuah negara perindustrian, tetapi sebagaimana kita sedia maklum negara ini adalah baru di dalam bidang perindustrian. Oleh sebab itu sekiranya kita hendak meningkatkan taraf perindustrian negara kita maka terpaksa negara kita ini mempunyai warganegara ataupun pekerja-pekerja yang berkeupayaan yang boleh

menerima perindustrian cara moden, yang boleh menerima automation yang mana ini berkehendakkan atau hendaklah terdiri daripada warganegara yang berkeupayaan, berpengetahuan dan mempunyai daya cipta yang menarik dan yang sangat tinggi.

Tuan Yang Dipertua, saya suka menyentuh kejayaan yang telah dibuat oleh jiran tetangga kita iaitu Singapura yang mana. . . . .

**Timbalan Yang Dipertua:** Yang Berhormat, masa sudah cukup. Sila menyambung ucapan Yang Berhormat besok.

## PENANGGUHAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang Dipertua, menurut Peraturan Mesyuarat 17(1), saya dengan hormatnya mengusulkan bahawa Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Kassim bin Ahmad):** Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang Dipertua:** Yang Berhormat dari Jelutong.

## UCAPAN PENANGGUHAN

### AKTA LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG 1983—PEMBATALAN

6.31 ptg.

**Tuan Karpal Singh (Jelutong):** Tuan Speaker, Kerajaan seharusnya menimbang dengan serius hal membatalkan Akta Lembaga Kemajuan Pulau Pinang 1983 dengan

sebab peruntukan-peruntukan Akta itu memberi malu kepada kedaulatan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker, tidak ada sebarang kekeliruan Perlembagaan Negeri Pulau Pinang itu menjamin kedaulatan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Ahli-ahli terpilih oleh rakyat seharusnya menguruskan hal-hal pentadbiran negeri daripada segi kemajuan dalam bidang ekonomi dan sosial. . . . .

**Timbalan Yang Dipertua:** Yang Berhormat pada. . . . .

**Tuan Abdul Raman Suliman:** Tuan Yang Dipertua, mesyuarat kita tidak cukup koram.

**Timbalan Yang Dipertua:** Sila hitung!

*(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, kurang 26 Ahli hadir).*

**Timbalan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana koram tidak mencukupi Dewan ini ditangguhkan kepada jam 2.30 petang besok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.34 petang.*